

**14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**



**DEWAN NEGERISELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Haji Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan  
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B.Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B.Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B.Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B.Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.P.M.S., D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Teepah a/p Athimoolam  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**  
Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

**Pelapor Perbahasan**  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid  
Encik Saifulnizam bin Hasmawi

**14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahir Rahmannir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada 14 November 2017 dimulakan dengan bacaan doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN** : Bacaan Doa.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat. Kertas Mesyuarat Bil. 36 Tahun 2017, Laporan Pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2017. Aturan mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Selamat pagi kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan seterusnya, Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan 149.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ**

**(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK :** USAHAWAN AGRO GENERASI MUDA SELANGOR (AGROGEMS)

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah syarat-syarat melayakkan seseorang peserta menerima bantuan Agrogems tersebut?

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB** : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera, Tuan Speaker dan terima kasih kepada Lembah Jaya. Program Agro Generasi Muda Selangor ataupun lebih dikenali sebagai Agrogems adalah merupakan satu program yang mula dilaksanakan pada tahun 2015. Tujuan utama program tersebut dilaksanakan adalah untuk memberikan galakan dan kesedaran kepada golongan generasi muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun bagi menceburkan diri dalam sektor pertanian dan seterusnya menjadikan sebagai satu sumber utama pendapatan ataupun ekonomi kepada golongan tersebut. Selain daripada itu ia juga dapat mengurangkan kepada pergantungan kepada sektor pekerjaan lain yang semakin menguncup. Terdapat dua sasaran utama yang telah digariskan sebagai panduan pelaksanaan program iaitu golongan yang telah pun memulakan projek pertanian dan golongan yang berminat tetapi belum memulakan projek pertanian mereka disebabkan oleh faktor kekurangan pengalaman, ilmu pengetahuan serta tanah dan modal. Bagi

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

melayakkan seseorang peserta Agrogems itu untuk menerima bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri, syarat utama yang ditetapkan adalah peserta telah pun memulakan projek pertanian sekurang-kurangnya setahun ke atas di atas tanah yang jelas statusnya. Jenis bantuan yang disediakan adalah berbentuk peralatan dan input-input pertanian serta baka dan bahan binaan. Setiap kelulusan bantuan yang akan diluluskan tidak melebihi dari nilai RM30,000.00 untuk seorang pengusaha. Bagi permohonan tahun 2015 dan 2016 ke semua permohonan yang layak dan telah memenuhi syarat asas serta melepassi lawat siasat jabatan iaitu Jabatan Pertanian Selangor, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor dan Jabatan Perikanan Selangor telah pun menerima bantuan mereka. Penerima bantuan untuk tahun 2015 adalah seramai 21 peserta dengan jumlah kelulusan RM279,975.00. Manakala bagi tahun 2016 pula seramai 44 peserta dengan jumlah sebanyak RM668,123.00. Jumlah keseluruhan peruntukan untuk bantuan yang telah dibelanjakan untuk tahun 2015 dan 2016 adalah sebanyak RM948,048.00 merangkumi seramai 65 peserta. Melalui pemantauan yang telah dilaksanakan oleh jabatan-jabatan yang berkaitan sehingga Julai 2017 menunjukkan bahawa pelaburan oleh Kerajaan Negeri dalam bentuk bantuan kepada peserta yang berjaya adalah amat positif di mana kenaikan dari segi jumlah jualan tahunan melonjak sebanyak 63% berbanding sebelum menerima bantuan. Berdasarkan hasil yang positif melalui pendapatan yang diperolehi Kerajaan Negeri akan terus memberikan penekanan dan galakan serta mempertingkatkan lagi promosi program agar ke semua golongan generasi muda di Selangor yang terlibat di sektor pertanian dapat turut sama menyertai pada masa yang akan datang.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Soalan 150.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI (N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : MASALAH ANJING LIAR DAN KEMUNGKINAN PENYAKIT  
ANJING GILA**

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah langkah-langkah diambil untuk mengawal anjing liar?
- b) Berapa banyak tangkapan telah dibuat mengikut PBT?
- c) Adakah wujud penyebaran penyakit anjing gila di Negeri Selangor?

**JAWAPAN :**

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, terima kasih kepada Kota Anggerik. Untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil untuk mengawal anjing liar adalah seperti berikut :-

- i. Operasi Bersepadu penangkapan anjing liar secara berterusan berdasarkan panduan dan pemantauan;
- ii. Kempen pelesenan anjing;
- iii. Melantik kontraktor berkelayakan untuk menangkap anjing liar;
- iv. Menubuhkan *team* risikan bagi mengenal pasti kawasan *hotspot* dan memudahkan kerja-kerja penangkapan anjing dilakukan ;
- v. Mengedarkan risalah tentang cara pemeliharaan anjing dan masalah anjing terbiar kepada orang awam.

Jumlah keseluruhan tangkapan PBT-PBT di Negeri Selangor ialah berjumlah 19,498 ekor. Perincian jumlah tangkapan mengikut PBT adalah seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>(PBT)</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	MBSA	1,538
2.	MBPJ	533
3.	MPK	9,310
4.	MPAJ	883
5.	MPSJ	1,336
6.	MP Selayang	1,712
7.	MPKJ	2,030
8.	MP Sepang	753
9.	MDKL	360
10.	MDHS	430
11.	MDKS	440
12.	MDSB	146

Pada tahun 2015 Kerajaan Negeritelah mengambil inisiatif dengan menyalurkan peruntukan sebanyak RM30,000.00 kepada Institut Penyelidikan Veterinar Ipoh bagi menjalankan *surveillance* penyakit rabies kepada anjing-anjing liar di semua PBT Selangor. Sehingga kini Kerajaan Negeritiada sebarang notifikasi daripada Jabatan Veterinar Negeri Selangor berkaitan penyebaran penyakit gila di Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Masalah anjing liar ini nampaknya tidak berkesudahan. Jumlah populasi terus meningkat. Jadi apakah pihak PBT tidak boleh menambah kekurangan anggota untuk operasi anjing liar ini.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat kena bagi kawasan *hotspot* kepada kita untuk memudahkan operasi tangkapan seperti apa yang saya jawab tadi adalah beberapa langkah telah diambil oleh PBT masing-masing supaya isu ini dapat dikawal di kawasan yang berkaitan.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Tuan Speaker, tambahan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Selat Klang dulu.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Okay, saya nak bertanya kepada EXCO oleh kerana kita ini dah *SmartSelangor* dan kita dah ada aplikasi ke arah mengenal pasti tempat jalan berlubang, tempat sampah dan sebagainya seperti *I-Clean*. Bolehkah atau ada dalam perancangan Kerajaan untuk mengenal pasti tempat anjing-anjing berkeliaran, ada yang di bawah van, ada yang di tempat-tempat yang agak membahayakan pelajar-pelajar dan sebagainya dan saya juga difahamkan oleh MPK seolah-olahnya apabila penduduk mengadu, anjing ini seolah-olah tahu mereka ini akan datang, jadi boleh tak Kerajaan buat satu penyelidikan lebih *smart* daripada anjing-anjing ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Terima kasih Selat Klang, ini kira *smart tangkap* ke? Saya ambil maklum tentang cadangan Yang Berhormat. Setakat ini apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi adalah PBT adalah berdasarkan aduan daripada orang awam dan juga kita membuat perondaan dan sebagainya untuk mengenal pasti kawasan mana akan dijadikan *hotspot* dan kita akan melakukan operasi ke atas kawasan tersebut.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Speaker, saya ingin bertanya soalan tentang yang tangkap itu dibuat apa? Dan adakah hasrat untuk bekerjasama dengan Persatuan-Persatuan seperti Howwil Home yang bersedia untuk menjaga anjing-anjing itu dengan sedikit bantuan daripada Kerajaan, makan, minum, boleh tidur.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Terima kasih Yang Berhormat, pada tahun 2015 semua PBT di Selangor telah mengambil keputusan untuk menyelaraskan

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

tatacara operasi penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan pihak berkuasa tempatan Negeridan juga ini telah dipersetujui di dalam Mesyuarat EXCO dan tatacara ini saya boleh serahkan kepada Yang Berhormat supaya lebih memahami tentang cara penangkapan dan juga kerjasama antara Kerajaan Negeridan NGO yang berkaitan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Teluk Datok.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 151.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN LOH CHEE HENG (N52 TELOK DATOK)**

#### **TAJUK : KES KEJADIAN PENYAKIT KRONIK DI NEGERISELANGOR**

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeriuntuk mencegah kes Rabies, Tuberculosis, Leptospirosis dan Leprosy di setiap PBT?
- b) Sila menyatakan jumlah kes-kes tersebut untuk tahun 2016 sehingga bulan Oktober 2017 (ikut susunan Bulan).
- c) Berapakah jumlah kes kematian telah direkodkan?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Teluk Datok. Tuan Speaker, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Jabatan Kesihatan NegeriSelangor memaklumkan bahawa sehingga kini tiada kes rabies yang dilaporkan berlaku di NegeriSelangor. Menurut Kementerian Kesihatan, NegeriSelangor diklasifikasikan sebagai bukan Negeriberwabak untuk kes rabies dan juga termasuk di dalam senarai Negeribukan penampang atau *immune belt*, ataupun yang berisiko seperti yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun pemantauan berterusan tetap dijalankan bagi memantau setiap kes gigitan aning atau haiwan di NegeriSelangor. Dan hasil pemantauan turut dikongsikan bersama pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar NegeriSelangor sebagai salah satu usaha untuk mencegah kejadian rabies di Selangor. Bagi kes *leptospirosis* sehingga kini dicatatkan sehingga 574 kes *leptospirosis* dilaporkan di NegeriSelangor berbanding 831 kes pada tahun 2016. Pada tahun ini pihak Jabatan Kesihatan NegeriSelangor telah menjalankan beberapa siri mesyuarat teknikal bersama agensi luar termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perhilitan dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi membincangkan isu dan langkah kawalan penyakit di bawah haiwan seperti *rabies* dan *leptospirosis*. Selain itu hasil pemantauan salah satu faktor risiko jangkitan *leptospirosis* adalah melalui aktiviti air

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

di pusat rekreasi dan semula jadi. Antara tindakan yang dijalankan oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor adalah :-

- i. Meningkatkan kesedaran di kalangan pemilik pusat rekreasi melalui pemberian taklimat mengenai risiko *leptospirosis* dan keperluan menjaga kebersihan kawasan.
- ii. Mengadakan *risk assessment* setiap tahun di pusat rekreasi di Selangor dan hasil *risk assessment* ini akan dibentangkan kepada *stake holder* yang berkenaan untuk penambahbaikan.
- iii. Menyampaikan maklumat mengenai risiko *leptospirosis* kepada pengunjung melalui pemasangan *signage* di pusat rekreasi kelolaan PBT.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Negeri Selangor turut terlibat dalam mencegah, mengawal, membasmi penyakit *rabies*, *tuberkulosis*, *leptospirosis* dan *leprosy* dan memandangkan penyakit-penyakit ini merupakan penyakit zoonosis iaitu penyakit haiwan yang boleh menjangkiti manusia. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Veterinar Negeri Selangor antaranya adalah *surveillance* penyakit, kawalan penyakit, serta kawalan pergerakan haiwan.

Untuk (B) jumlah kes bagi *leptospirosis* bagi tahun 2016 adalah sebanyak 831 kes dan untuk tahun 2017 sehingga Oktober ialah 574 kes. Manakala jumlah kes kematian yang direkodkan bagi *leptospirosis* adalah enam kematian iaitu tiga pada 2016 dan tiga pada 2017.

**TUAN SPEAKER :** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Soalan saya, soalan 152.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN NG SZE HAN (N30 KINRARA)**

**TAJUK : PENGURUSAN AIR MENTAH**

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan syarikat yang diberikan permit untuk mengepamkan air mentah terus dari sungai-sungai di Selangor bagi kegunaan pengindustrian.
- b) Nyatakan kuantiti air yang telah dipamkan oleh syarikat-syarikat tersebut.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

- c) Barapakah jumlah hasil yang dikutipkan oleh LUAS daripada caj permit mengikut setiap syarikat ?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Tuan Speaker dan terima kasih pada Kinrara yang bertanya. Berdasarkan rekod Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) terdapat sebanyak 28 syarikat dengan jumlah 28 muka sauk yang berlesen dengan LUAS di bawah sektor industri yang mengekstrak air permukaan sungai dan kolam berserta lain-lain yang mana senarai ini akan saya lanjutkan kepada Kinrara. Jumlah air keseluruhan ekstrak air bagi tempoh Januari 2015 hingga 23 Oktober 2017, adalah sebanyak RM2,227,747.98. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Saya ingin tanya Y.B. Exco, adakah caj permit atau caj lesen itu mengikut kuantiti yang dipamkan oleh syarikat-syarikat tersebut sekiranya bagaimana Kerajaan dapat memastikan kuantiti yang dipamkan tu atau direkod, dilaporkan tu adalah betul.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Kinrara. Pertama berkaitan dengan kadar. Kadar yang dikenakan untuk caj komersial adalah lima sen per meter padu. Dan di sana ada aktiviti untuk mengaudit dan mengesahkan laporan jumlah meter kiub yang mereka ekstrak bagi setiap tahun.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 153 telah dijawab bersekali dengan 114. Rawang, tidak ada, Semenyih.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Tuan Speaker, soalan 155.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ (N30 SEMENYIH)**

#### **TAJUK: INDUSTRI PEMBALAKAN DI SELANGOR**

155. Bertanya kepada Y.A.B.Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah pendapatan Kerajaan Negerihasil dari pembalakan dari 2014 – 2017?
- Senaraikan lokasi pembalakan yang masih aktif di Selangor sehingga kini?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Semenyih. Tuan Speaker, soalan daripada Semenyih, adalah tentang jumlah pendapatan Kerajaan Negerihasil daripada pembalakan dari tahun 2014 sehingga 2017. Kerajaan

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Negerisejak 2010 telah mengamalkan dasar *moratorium* ke atas pembalakan di hutan simpan kekal selama 25 tahun. Maka di NegeriSelangor kita tidak ada pembalakan secara komersial. Walau bagaimanapun hasil yang Jabatan Perhutanan NegeriSelangor mendapat adalah majoritinya adalah daripada kuari dan selain daripada itu pembersihan di tanah milik dan juga hutan simpan kekal. Maka untuk jumlah besar sejak 2014 sehingga bulan September 2017 adalah 158,669,083.30.

**TUAN SPEAKER:** Balakong,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Ya Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ:** Speaker saya punya soalan tu tak, yang B tak dijawab. Senarai lokasi pembalakan.

**TUAN SPEAKER:** Tunggu ya Sekinchan dulu nanti saya bagi Semenyih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak tanya kepada Y.B. Exco tentang isu pembalakan ni. Adakah sejak Selangor tidak mengadakan pembalakan secara komersial tetapi adakah didapati isu-isu pencerobohan pembalakan haram masih terdapat di NegeriSelangor. Boleh nyatakan sedikit untuk pengetahuan Dewan Yang Mulia ini.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Sekinchan. Memang ada pencerobohan di mana Jabatan Perhutanan NegeriSelangor, JPNS, mengambil tindakan dan membawa ke pihak polis dan sebagainya. So sebagai contohnya, kita ada kompaun ataupun kesalahan hutan di mana kita pun menerima hasil. Jadi sebagai contohnya pada tahun 2014 Jabatan Perhutanan NegeriSelangor telah mengutip kompaun ataupun “*fine*” kesalahan hutan sebanyak RM68,500.34. Pada tahun 2015 juga RM64,100.00. Pada tahun 2016 sebanyak RM145,300.00 dikutip dan setakat ini pada tahun 2017 sehingga bulan Ogos sebanyak RM54,800.00 telah dikutip.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Semenyih dulu

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Saya ada kemukakan soalan B) lokasi pembalakan yang masih aktif, kalau tak keseluruhan pun.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**Y.B.PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Saya sudah jawab Tuan Speaker kerana, saya telah jawab tadi bahawa kita mengamal dasar ***moratorium*** di mana pembalakan komersial tidak dijalankan. Jadi tidak ada kawasan pembalakan aktif di Negeri Selangor cuma kita ada kuari yang aktif.

**TUAN SPEAKER:** Batang kali

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ya, ini saya ada satu soalan untuk penjelasan dan susulan juga daripada soalan Sekinchan tadi mengenai dengan pencerobohan haram. Dan kita juga pada 2016 mengutip kompaun yang begitu banyak, tahniahlah, ya, cuma satu persoalan saya ialah kompartmen 14 dan 15 Hutan Simpan Serendah pada satu ketika dahulu heboh dikatakan sebagai pencerobohan haram dan yang dibuat oleh pengusaha tanah persendirian yang diberi lesen pembersihan. Jadi apa dia punya status setakat hari ini.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Untuk soalan spesifik saya perlu cari data ataupun informasi daripada Jabatan Perhutanan dan saya akan jawab secara menulis kepada Y.B.

**TUAN SPEAKER:** Balakong, tidak hadir, Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No.157.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN (N42 MERU)**

**TAJUK: SEKOLAH AGAMA**

157. Bertanya kepada Y.A.B.Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah Maahad Tahfiz Sains yang telah dibina sejak dari 2013?
- b) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan?
- c) Apakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina MITS di setiap daerah di Selangor?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Assallamualaikum waramatullahitaala wabaraqatuh. Terima kasih Tuan Speaker. Meru bertanya berkaitan dengan Sekolah Agama Maahad Integrasi Tahfiz Sains Selangor. Kerajaan Negeri memang merancang untuk membina sebuah Maahad Integrasi Tahfiz Sains ataupun MITS di setiap daerah di Negeri Selangor. Semenjak 2013, 2 Maahad Tahfiz Sains Integrasi Selangor telah dibangunkan iaitu Maahad Integrasi Tahfiz Sains Bagan Terap Sabab Bernam dan juga Maahad Integrasi Tahfiz Sains Bagan Lalang Sepang. Dan InsyaAllah pada tahun 2018 ini satu pembinaan baru,

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Maahad Tahfiz Integrasi bagi daerah Hulu Langat di Pandan akan dibangunkan. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2,709,840.00 bagi tempoh dua tahun bagi kedua-dua Maahad Tahfiz yang saya sebutkan tadi, bagi meliputi perlantikan guru dan juga bukan guru, pembekalan kawalan makanan asrama, kawalan keselamatan dan kontraktor pembersihan kawasan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang, tidak ada, Hulu Bernam, tidak ada, Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan 160.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN TIEW WAY KENG (N22 TERATAI)**

#### **TAJUK: RIZAB KEWANGAN KERAJAAN NEGERISELANGOR**

160. Bertanya kepada Y.A.B.Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah rizab Kerajaan Selangor setakat September 2017?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Selangor dalam pengurusan Rizab Kewangan Kerajaan Selangor?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker Y.B. Teratai ingin bertanya mengenai Rizab Kerajaan Negerisetakat September 2017 dan apakah perancangan Kerajaan Negeridalam menguruskan rizab kewangan ini. Untuk makluman Y.B. Teratai rizab Negeriterdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga kumpulan wang disatukan iaitu akaun hasil yang disatukan, akaun amanah disatukan dan akaun pinjaman disatukan. Secara keseluruhannya baki kumpulan wang disatukan atau rizab Kerajaan Negeripada 30 September 2017 berjumlah RM 3.4 billion. Adalah menjadi matlamat Kerajaan Negeriuntuk menguruskan Rizab Kerajaan Negeridengan cekap dan teratur atas segala dasar program projek aktiviti yang dirancang bagi pembangunan NegeriSelangor dan kebajikan rakyat Negeridapat dilaksanakan dengan berkesan. Dalam hal pengurusan rizab Kerajaan Negeriberpandangan bahawa ia mestilah dibelanjakan kepada program atau projek yang akan membawa menfaat jangka panjang kepada Pembangunan Sosio Ekonomi Negeri. Jumlah peruntukan yang akan disediakan pada setiap tahun pula adalah berdasarkan keutamaan dan keperluan yang akan ditentukan serta keupayaan kewangan semasa Kerajaan Negeri. Untuk makluman Y.B.Teratai, rizab tunai Negeridilabur dan disimpan dalam instrument kewangan yang patuh syariah atau "*Syariah Compliance*" manakala pulangan untuk pasaran wang jangka pendek yang ditawarkan oleh bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan adalah mengikut tempoh dan jenis pelaburan. Jumlah keuntungan atau faedah yang dijana daripada akaun semasa, simpanan tetap dan deposit pasaran wang jangka pendek daripada Januari 30, dari Januari hingga 30 September 2017 adalah sebanyak 61.27 juta ringgit.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Peningkatan rizab Kerajaan Negeri menunjukkan keupayaan pihak pengurusan menguruskan kewangan Kerajaan Negeri dengan cekap dan teratur disamping mematuhi segala peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Ianya juga menunjukkan usaha yang berterusan bagi meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri samping pengurusan perbelanjaan wang awam yang menekankan prinsip ketelusa, keupayaan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik atau berpegang kepada prinsip *value for money*.

Untuk makluman Y.B. Teratai juga, Perbendaharaan Negeri telah memperkemas dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemah dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna dan telah mengeluarkan beberapa Pekeliling Perbendaharaan yang perlu dipatuhi oleh jabatan dan agensi yang berkenaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sabak, tidak hadir. Sri Andalas, tidak ada. Kota Damansara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Speaker, soalan 163.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN (N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: SKIM SMART LIFE (SMART LIFT IMPROVEMENT FOR QUALITY LIFE)**

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci Skim Smart Life dan manfaat bagi rakyat Selangor?
- b) Nyatakan jenis penyelenggaraan dan lokasi perumahan yang telah diselenggara sehingga kini?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Assalamualaikum warahmatullahhitaala wabaraqatuh. Selamat pagi, Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Y.B. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM30 juta bagi pelaksanaan Skim SMART LIFE yang merupakan bantuan khusus untuk lif yang diberikan kepada pangaspuri kos rendah sahaja iaitu RM42,000.00 ke bawah seperti berikut:

- Bantuan baik pulih lif secara percuma tanpa perkongsian kos daripada penduduk.
- Bantuan bayaran fi firma kompeten untuk penyenggaraan lif iaitu di bawah kontrak komprehensif.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Untuk makluman Y.B. jenis bantuan penyelenggaraan lif yang diberikan adalah Kerajaan Negeri memberi bantuan kewangan untuk membayar fi firma kompeten lif selama setahun. Bantuan ini dapat meringankan beban JMB atau MC terlibat dan membuat penjimaan kos perbelanjaan penyenggaraan bangunan sejumlah di antara RM7,000.00 sehingga RM100,000.00 setahun mengikut kawasan masing-masing. Jumlah ini sangat besar kepada JMB dan MC yang mempunyai dana kutipan caj yang sangat terhad untuk membaik pulih kerosakan atau menaik taraf kemudahan komuniti di pangaspuri. Tentang kawasan yang terlibat yang dipilih untuk ataupun yang telah tersenarai bantuan bayaran firma kompeten untuk penyenggaraan lift di bawah kontrak komprehensif iaitu:

Yang pertama di MBPJ di Damansara Bestari blok C dan juga Damansara Bestari Blok D, dua lif setiap kawasan pembangunan.

Di MPK, Pangaspuri Pendamar 7A 1 lif, Pendamar 7B 3 lif, dan di Mutiara Bukit Raja Fasa 2- 2 lif.

Kawasan MPSJ di kawasan ataupun pangaspuri Seri Kayan 4 lif, di Pangaspuri Anggerik, 2, Sri Tanjung 8, dan pangaspuri Belimbing Cempaka,2.

Di kawasan MPAJ, di Ukay Indah – 6, di Bukit Segar, Blok 1 – 2, Blok Tanjung – 2, di Saga Suria, Taman Saga 3, Pandan Ria blok A & B -4, di Permai Court – 2, dan di Sri Nilam – 12.

Di Kawasan MPKJ iaitu sebanyak 2 lif 2 kawasan iaitu di Teratai Taman Anggerik Perdana – 2, Teratai Mahkota Cheras – 8.

Di kawasan MPS, Desa Satu (Desa Aman Puri) sebanyak 14, dan di Pangaspuri Selaseh – 1, dan Sri Saujana & Saujana Ria Apartment - 6.

Di kawasan MPSP 1 iaitu di Pangaspuri Cengal-2.

Keseluruhannya bilangan pangaspuri adalah sebanyak 22 dan jumlah unit lif adalah 90. Keseluruhan bantuan yang telah diagihkan adalah sebanyak RM755, 390.24. Untuk senarai baik pulih ataupun *moderisasi* senarainya terlampau panjang. Saya akan berikan secara bertulis. Walau bagaimanapun ia melibatkan 24 pangaspuri dan 118 unit lif. Dan kita telah membelanjakan lebih daripada 29 juta. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Selat Kelang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 164.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI**  
**(N54 SELAT KLANG)**

**TAJUK : ISU UTAMA WANITA Selangor**

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah isu utama wanita yang tinggal di bandar?
- b) Apakah isu utama wanita kampung di Selangor?
- c) Bagaimanakah Kerajaan mengatasi isu-isu tersebut?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih, Selat Kelang. Kerajaan Negerisentiasa prihatin dan memandang serius terhadap isu-isu dan permasalahan yang dihadapi oleh golongan wanita di Selangor tanpa mengira sama ada di bandar ataupun di desa. Mengikut kaji selidik yang dijalankan oleh Institut Wanita Berdaya, terdapat beberapa isu utama yang dikenal pasti dihadapi oleh golongan wanita di bandar. Yang kebanyakannya terdiri daripada golongan wanita yang berkerjaya iaitu isu jurang gender antara lelaki dan wanita terutama dalam aspek pekerjaan peringkat pembuatan keputusan, tangga gaji dan keutamaan kenaikan pangkat. Adalah penting untuk semua pihak berwajib berganding bahu menangani isu jurang gender kerana ianya mampu untuk menyelesaikan hampir seluruh permasalahan wanita yang dihadapi berkaitan sosial dan ekonomi secara amnya. Isu kedua adalah kos sara hidup yang tinggi. Wanita yang tinggal di bandar cukup merasai beban kos sara hidup yang semakin tinggi terutama dengan kena-an cukai GST dan kenaikan harga barang yang meningkat, perbelanjaan harian rumah tangga mereka. Golongan wanita dan ibu merupakan golongan yang paling terkesan kerana mereka bertindak sebagai pengurus rumah tangga yang perlu bijak mengurus kewangan keluarga dan pada yang sama memastikan kesejahteraan dan kesihatan keluarga di tahap yang baik tanpa menjelaskan prestasi pendidikan dan kehidupan mereka. Selain daripada itu, cabaran dalam mencapai *work life balance* atau keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan sosial antara isu yang menjadi perhatian dan kebimbangan para wanita di bandar.

Manakala B, untuk golongan di desa di Selangor antara isu utama yang dikenal pasti adalah isu pendapatan yang rendah, peluang pekerjaan yang terhad dan masalah keluarga. Demografi yang berbeza di kawasan luar bandar memberikan implikasi kepada kehidupan wanita di desa. Peluang pekerjaan yang terhad dan tangga gaji yang ditawarkan adalah rendah berbanding di bandar menyebabkan wanita luar bandar mempunyai pendapatan yang rendah walaupun kos sara hidup yang tidak terlalu tinggi berbanding hidup di bandar. Namun kebanyakan mereka mempunyai tanggungan ibu bapa atau ahli keluarga lain yang menyebabkan keperluan perbelanjaan yang tinggi. Isu permasalahan keluarga dan sosial masyarakat di luar bandar juga menjadi kebimbangan dan perhatian golongan wanita luar bandar kerana persekitaran yang berbeza dan kemudahan infrastruktur luar bandar yang terhad menjadikan cabaran dalam aspek pembangunan sosial yang lebih besar. Menyedari permasalahan yang dihadapi oleh golongan wanita di

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Selangor ini maka untuk dalam pembentangan bajet 2018 baru-baru ini pihak Kerajaan Negeriyang mana, Dato' Sri Menteri Besar Selangor telah pun men..announce-kan, mengumumkan iaitu satu program khas dan khusus untuk wanita iaitu, KISS, Kasih Ibu Smart Selangor. Dengan peruntukan sejumlah RM 72 juta untuk 30,000 orang ibu yang berpendapatan isi rumah RM2,000 ke bawah, program KISS ini sangat membantu kepada wanita-wanita daripada kalangan golongan ini. Kerajaan Negerikan memberikan sejumlah RM2,400 setahun dengan RM200 setiap bulan sepanjang tahun kepada wanita-wanita daripada keluarga yang berpendapatan RM2,000 ke bawah ini. Program terbaru dan istimewa ini merupakan satu pengiktirafan dan penghormatan kepada golongan ibu dan wanita diatas peranan dan pengorbanan yang dibuktikan dalam menjalankan tanggungjawab mereka terhadap keluarga. Kerajaan Negerimemberi kuasa kepada mereka untuk membuat keputusan sebagai kuasa membeli kepada para ibu dalam menentukan perbelanjaan dan kesejahteraan keluarga. Selain daripada itu melalui Institut Wanita Berdaya juga beberapa perkara yang akan dilaksanakan bagi kumpulan sasar iaitu antaranya adalah:-

Yang pertama, pihak institut melalui Institut Wanita Budaya akan melaksanakan penubuhan koperasi wanita Selangor yang akan dianggotai dan diterajui sendiri oleh wanita yang merintis laluan kepada perniagaan berteraskan masyarakat, dipacu dengan prinsip dan dimiliki oleh ahli. Yang kedua dalam masa yang sama satu kajian penyelidikan akan dilaksanakan berhubung gender dan jurang pemilikan aset dan cara-cara untuk pengagihan sumber ekonomi antara lelaki dan wanita dengan adil. Yang ketiga, menambah baik serta meningkatkan kebajikan sosial yang akan dirangka untuk memastikan kesejahteraan golongan wanita. Diharapkan dengan langkah-langkah yang dicadangkan ini dapat membantu mengurangkan permasalahan atau cabaran yang dihadapi oleh golongan wanita sama ada di bandar atau di desa dengan berkesan dan positif. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Tuan Speaker. Masalah wanita ialah bila wanita tu bekerja. Bila mereka bekerja dapat anak jadi ibu. Walaupun KISS program kadang-kadang mereka kena berhenti kerja. Adakah Kerajaan NegeriSelangor membuat satu inisiatif memprevent wanita yang bekerja berhenti kerja selepas mendapat anak ataupun macam memanjangkan cuti bersalin ataupun mengesyorkan *flexi working hour* untuk wanita kita khusus di Selangor?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Ijok. Banyak ya, cadangan daripada pihak Ijok tentang kemudahan-kemudahan yang dicadangkan untuk wanita Selangor. Sebenarnya di peringkat Kerajaan NegeriSelangor juga kita telah pun melaksanakan beberapa inisiatif-inisiatif yang kita namakan Inisiatif Hormat Wanita

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

supaya mereka tetap bekerja dan tetap berada di dalam pasaran perkerjaan. Antaranya yang telah pun kita laksanakan adalah pelaksanaan parkir untuk ibu hamil dan keduanya adalah bilik laktasi dan ini kita telah laksanakan di bangunan SUK dan kita akan perpanjangkan kepada PBT dan juga Pejabat Daerah di seluruh Negeri Selangor. Sementara tentang memperpanjangkan cuti bersalin untuk para penjawat awam di Negeri Selangor. Ianya telah pun dimulakan oleh Negeri Selangor iaitu sebanyak sehingga 120 hari tetapi kebanyakan mereka mengambil sehingga 90 hari kerana bila lebih lama mereka bercuti maka senioriti untuk mereka naik pangkat akan lambat sedikit. Jadi memang Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan perkara tersebut.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan. Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan dulu.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Ini berdasarkan daripada jawapan Y.B. EXCO, adakah Kerajaan Negeri menghalang ataupun ya lah melewatkannya kenaikan pangkat disebabkan pengambilan cuti bersalin yang telah diberikan 120 hari?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Taman Medan. Buat masa ini, itulah masih lagi belum ada prosedur untuk kita melaksanakan ataupun bagaimana untuk-untuk kita memastikan mereka terus mendapat senioriti walaupun mereka bercuti 120 hari. Namun kita cuba akan melihat perkara tersebut untuk pihak Kerajaan Negeri untuk meneliti untuk memberikan kemudahan kepada wanita tersebut.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Selat Kelang dulu.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Ok. Merujuk kepada jawapan EXCO tadi, kita tahu, saya yakin wanita paling ramai bekerja di Malaysia adalah di Selangor. Kerana kita *urban state* ya. Jadi apakah insentif Kerajaan Negeri untuk wanita-wanita ini tadi yang disebutkan oleh Ijok mereka terpaksa berhenti kerana mengutamakan anak yang baru dilahirkan yang membesar dan sebagainya. Jadi apakah insentif Kerajaan Negeri bagi memberikan peluang dan mencegah daripada *drop out* daripada wanita-wanita yang bekerja ini terutamanya bagi yang agak kritikal contoh:- insentif bagi nurseri ada pengusahaan nurseri di kawasan hospital kerana itu memerlukan 24 jam begitu juga dengan polis mereka ini bekerja ini 24jam, mungkin imigresen dan sebagainya, mungkin ada kilang yang bekerja 24jam. So,

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

apakah insentif Kerajaan Negeribagi mereka yang mahu mengerjakan nurseri yang 24 hours begitu. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Saya kira Selat Kelang terlampau apa ni, tentang nurseri untuk menggalakkan para ibu yang mungkin selepas bersalin mereka susah untuk mencari apa ni.. tempat untuk menjaga anak mereka maka pihak Kerajaan Negerijuga menyediakan nurseri di SUK dan juga beberapa PBT juga telah melaksanakan pelaksanaan nurseri di pejabat masing-masing. Cumanya apa yang di apa ni? Yang dipinta oleh Selat Kelang, apakah insentif, ya, saya kira kita belum lagi mendapatkan maklumat tersebut. Kita akan maklumkan kepada Selat Kelang kemudian. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Rawang

**RAWANG** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Rawang. Ya, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Saya ingin bertanya sama ada pihak Kerajaan Negerijuga mengkaji tentang *penalty leave* sebab peranan menjaga anak itu bukan sahaja dengan ibu tetapi ayah sebenarnya memainkan peranan sebenarnya dalam peringkat awal bila *baby* dilahirkan. Jadi sekarang kita cuma ada 14 hari sahaja kan kalau tak salah saya. Jadi ada tak sebab wakil rakyat laki minta saya tanya juga.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Rawang. Ya, di peringkat Kerajaan Negerijuga kita memberikan kemudahan cuti bersalin untuk para bapa iaitu memberikan peluang kepada para bapa cuti bagi menjaga ataupun membantu isteri yang bersalin sebanyak 14 hari. Dan ini juga adalah salah satu inisiatif untuk membantu para wanita agar mereka terus boleh memberikan semangat kepada mereka untuk sebagai isteri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya amat tertarik dengan isu wanita ini yang mana cuti bersalin dan juga cuti bapak juga diberikan dan Kerajaan bagi banyak bantuan kewangan. Macam-macam kita berikan. Tapi isunya ada sesuatu mungkin kita terlepas pandang apa khususnya di kampung dan di bandar. Di mana wanita kadang-kadang dia menghadapi bukan sahaja bersalin soal bersalin, dia ditinggalkan oleh suami atau diceraikan oleh suami dalam keadaan yang kritikal tersebut kita bukan sahaja bagi bantuan kewangan itu belum cukup bagaimana kita nak mengeluarkan mereka daripada trauma keadaan tertekan ni, hilang hala tuju kehilangan suami ditinggalkan oleh suami. Apa cara Kerajaan Negeriboleh bantu mereka ini. Terima kasih.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**TUAN SPEAKER :** Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih, Sekinchan. Tentang isu yang dibangkitkan oleh Sekinchan, mungkin itu kena ada satu soalan yang spesifik ataupun untuk yang akan datang lah ya. saya akan jawab dengan baik. Jadi kalau secara *ad hoc* ini saya tidak dapat memberikan jawapan yang terbaik. Terima kasih, Sekinchan.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL :** Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL :** Seri Serdang ingin bertanya kepada EXCO, adakah perancangan EXCO wanita terhadap IWB, Institut Wanita Berdaya mengadakan satu kursus untuk para suami sebab kita buat untuk para ibu, para isteri, ya. tapi disebabkan penceraian yang banyak, ditinggalkan yang banyak ini adalah daripada punca si suami. So, adakah IWB ini, ya, merancang atau *create*-kan satu program untuk suami-suami ini supaya mereka faham, tanggungjawab mereka sebagai ayah, sebagai suami dan sebagainya. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Ok, terima kasih Seri Serdang. Saya amat mengalu-alukan cadangan tersebut. Kursus untuk para suami dan ini sebenarnya adalah antara perancangan di dalam IWB untuk kita menjadikan keluarga yang harmoni untuk Negeri Selangor ini. Kita berikan kursus untuk, *on parenting*. Kita buatkan kursus untuk anak-anak remaja, kita berikan kursus untuk para isteri dan kita akan buatkan kursus untuk para suami, insya Allah..

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya amat tertarik dengan wanita dan yang keluarga. Saya nak tanya sama ada Kerajaan ada kemudahan untuk ibu-ibu, bapa-bapa kakitangan Kerajaan yang ada bayi yang kecil. Apabila mereka kecil, mereka banyak yang sakit. So, sama ada yang kena ada bawa mereka pergi klinik ke, apa-apa *during office our* adakah *flexi our* adakah Kerajaan ada kemudahan seperti berikut. Dan adakah akan dipertimbangkan kalau tiada.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Damansara Utama. Ini adalah satu pandangan yang sangat baik yang mana kita amat prihatin kepada para ibu bapa muda yang mempunyai anak-anak kecil yang mungkin sekali-sekali mereka akan demam, sakit untuk dibawa ke klinik atau mendapatkan rawatan, pihak Kerajaan Negeri, kita sebenarnya ada menyediakan *flexi our* ini dan terpulang

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

kepada ketua-ketua jabatan untuk memberikan *flexi our* kepada para kakitangan mereka. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZAKY BIN HASSAN:** Terima kasih. Saya ucap terima kasihlah kepada Seri Serdang yang menyentuh sensitiviti suami ini. Saya rasa, saya amat tak setuju sangat berlakunya perceraian itu kerana suami. Kalau boleh Seri Serdang buat apa satu statistik menunjukkan betul tidak suami punca perceraian.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Dusun Tua, soalan ditanya kepada Sementa bukan Seri Serdang. Ada soalan.

**Y.B. TUAN RAZAKY BIN HASSAN:** Soalannya saya minta, tak kiralah sama ada EXCO atau Seri Serdang sediakan statistik itu menunjukkan punca perceraian ini berlaku. Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Sementa, sila respon.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Dusun Tua. Saya kira Dusun Tua kena buatkan satu soalan kepada dalam Sidang yang akan datang tentang perkara tersebut. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker soalan tambahan.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya juga ingin bertanya kepada, tetapi ha.... saya rasa isu serius ini berkenaan dengan satu jawapan yang saya terima minggu lepas berkenaan dengan perkahwinan anak-anak muda. Perkahwinan di kalangan remaja, perkahwinan di kalangan mereka antara tahun 16 hingga 20 tahun yang.... walaupun tidak banyak tetapi berlaku juga perkahwinan di bawah, yang melibatkan remaja perempuan yang di bawah tahun 16 sejak tahun 2015 ialah sampai ke 89. Apatah lagi kalau di antara mereka, di kalangan mereka yang berumur di antara 16 hingga 20 tahun. Jadi, soalan saya ialah isu keluarga ini adalah satu isu yang penting. Mengapakah tidak IWB merancang sesuatu program yang memastikan mereka yang berkahwin awal khususnya mereka yang berkahwin di bawah 20 tahun ataupun 16 tahun ke bawah diberi satu bimbingan dan juga pertolongan khusus daripada Kerajaan melalui IWB. Saya kira ini adalah satu perkara yang

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Soalan. Soalan Kampung Tunku. Bukan perbahasan.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan saya adalah adakah mungkin kita boleh memberi satu perhatian, merangka satu program kursus supaya mereka diberi perhatian. Berdasarkan statistik yang dibekalkan oleh Kerajaan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Okey, terima kasih Kampung Tunku. Cadangan dan saranan daripada Kampung Tunku, pihak IWB akan mengambil maklum. InsyaAllah kita akan melaksanakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Bukan hanya ibu-ibu yang bersuami melahirkan anak, statistik yang diberi oleh Jabatan Pendaftaran sekitar 4,500 ibu-ibu yang tidak bersuami melahirkan anak. Jadi, apakah tanggungjawab Kerajaan Negerikepada kelompok ini. Yang tidak bersuami melahirkan anak, ada empat ribu lebih setahun.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kota Anggerik. Perkara ini kita ambil maklum. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ya, Meru.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** Cuma nak tanya sikit sahaja, soalan kepada Y.B. EXCO. Ada tak peruntukan ataupun insentif peruntukan untuk diberikan kepada suami-suami tunggal, eh ada rupanya suami-suami tunggal, lama dah tu membujang.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Meru. Tajuk pun kes kasih ibu jadi, untuk suami ataupun lelaki ataupun

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Sementa, saya sudah kaji soalan Meru dah lari daripada soalan pokok (Dewan ketawa), tak perlu jawab.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 165.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB (N18 HULU KELANG)**

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

**TAJUK : PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKPULIHAN PADANG BOLA SEPAK AWAM**

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan mempunyai perancangan penyelenggaraan dan pemberian pembaikpulihan padang-padang boleh sepak awam dan adakah inisiatif ini mampu mencungkil bakar baru dalam sukan ini?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Hulu Kelang, Speaker, Ahli Dewan sekalian. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa telah mempunyai perancangan penyelenggaraan dan pembentukan padang-padang boleh sepak awam setiap tahun. Di antara perancangan dan penyelenggaraan / skop kerja penyelenggaraan sesebuah padang bola adalah seperti berikut:

- (1) Kerja penyiraman;
- (2) Kerja pembajaan rumput;
- (3) Kerja pemotongan rumput;
- (4) Kerja-kerja membuat garisan;
- (5) Kerja pembersihan;
- (6) Kerja kawalan rumput asing; dan
- (7) Kerja 'Divet' selepas penggunaan padang bola.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk membaik pulih dan menaik taraf satu-satu padang bola yang berkualiti kos anggarannya sekitar RM150,000.00 sehingga RM200,000.00. Justeru pihak Kerajaan Negerikhususnya melalui PBT sedang meneliti satu persatu dan tidak semua kita dapat laksanakan proses naik taraf ya. Tetapi kalau proses penyelenggaraan *maintenance* dengan izin kita boleh laksanakan secara berkala.

Pihak-pihak Berkuasa Tempatan juga sedang bekerjasama dengan persatuan-persatuan bola sepak daerah, kelab-kelab sukan dan NGO di samping dengan Majlis Sukan Negeri untuk membina program bola sepak di peringkat daerah. Contohnya apa yang telah dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negeri dan juga persatuan bekas pemain-pemain bola sepak Negeri Selangor dan juga persatuan-persatuan sukan membina Akademi Merah Kuning yang sudah bertempat di 9 daerah. Contohnya; Kompleks Sukan Pandamaran untuk Daerah Klang, di padang awam Batu Caves untuk daerah Gombak, di padang SUK, Setiausaha Kerajaan Negeri, di padang SUK ini untuk daerah Petaling dan beberapa padang-padang lain yang kita laksanakan Akademi Bola Sepak Merah Kuning di samping beberapa badan-badan swasta yang ada, contohnya PNSB di stadium, Mini Stadium Shah Alam dan juga di tempat-tempat lain ada kelab-kelab sukan yang lain, *Soccer kits* Kalang atau pun *soccer kits* Kajang yang juga membina sukan bola sepak

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

termasuk juga di Ijok. Saya khabarkan, ada juga Akademi Bola Sepak yang dibangunkan bersama dengan kerjasama pihak PBT. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Isunya adalah dari segi jawapan yang kami dapat daripada EXCO pelaksanaannya tidak begitu jelas. Boleh tak kita menggunakan pendekatan fokus satu tahun satu tempat betul, dan dijayakan dengan baik.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih. Kita tak boleh fokus kepada satu kawasan sahaja, mungkin kita boleh fokus beberapa padang dalam satu tahun. InsyaAllah kita akan tumpukan nanti beberapa padang yang jadi tumpuan ramai dan digunakan serta ada keutamaan di tempat-tempat tersebut. Saya akan ambil cadangan tersebut dan dibawa kepada Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sukan Negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, soalan 166.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasi Yang Berhormat Speaker dan Sekinchan. Sebenarnya soalan ini telah dijawab dua kali bersama dengan soalan nombor 59 dan 130. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan mana tu, soalan yang bersekali.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** 59 dan 130. 59 Kajang dan 130 Sabak.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Soalan 167 telah dijawab bersekali dengan soalan 44. Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Tuan Speaker, soalan nombor 168.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD (N11 IJOK)**

#### **TAJUK : MASALAH INFRASTRUKTUR**

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

- a) Di Kampung Seri Sentosa, Kampung Sri Aman dan Kampung Kereta Api, penduduk-penduduk dan peneroka-peneroka masih menunggu selesainya penukaran tanah yang di janji akan siap bulan Oktober 2017. Apakah status terkini dan kenapa melambatkan penyelesaian ukuran tanah?

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker. Ijok bertanya berkaitan dengan status terkini berkaitan kampung, pengukuran tanah di Kampung Seri Sentosa, Kampung Sri Aman dan Kampung Kereta Api yang mana penduduk-penduduk telah meneroka di situ. Bagi Kampung Sri Aman Mukim Ijok, pengukuran telah dibuat oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor (JUPEM). Setelah semakan status dibuat di Laman Web JUPEM2you didapati pihak JUPEM masih dalam proses untuk pengeluaran Pelan Akui ataupun PA.

Bagi Kampung Sri Sentosa Mukim Ijok, status terbaru setakat 27 Oktober 2017 terdapat 15 pelan akui yang telah dikeluarkan oleh pihak JUPEM seperti senarai berikut:

PA 233691, PA 233690, PA 231024, PA 231025, PA 231026, PA 231027, PA 230163, PA 230164, PA 230165, PA 2311445, PA 230553, PA 231173, PA 231174, 175 dan 176. Keseluruhan jumlah lot tanah yang diukur oleh pihak JUPEM adalah sebanyak 116 lot. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 79 lot yang telah mempunyai PA manakala baki 37 lot lagi adalah masih dalam pihak JUPEM.

Bagi Kampung Kereta Api Mukim Ijok, tanah tersebut telah diceroboh oleh penduduk setempat dengan membina bangunan kediaman sejak 20 tahun yang lalu dan tidak dapat diselesaikan kerana ianya adalah rizab kereta api yang di bawah jagaan kawalan Perbadanan Aset Kereta Api. Berdasarkan surat Perbadanan Aset Kereta Api atau PAK bertarikh 8 September 2016 bersetuju melepaskan pegangan tanah seluas 14.415 ekar tertakluk kepada syarat yang ditetapkan. Perkara ini telah dibawa untuk pertimbangan pihak Berkuasa Negeri. Keputusan Mesyuarat Kerajaan NegeriKe-31-2016 yang diadakan pada 21 September 2016 telah meluluskan secara dasar tanah seluas 14.415 ekar kepada penduduk-penduduk Kampung Kereta Api Lama dengan syarat penduduk bersetuju untuk berpindah manakala baki tanah dikekalkan sebagai Simpanan Rizab Kereta Api. Berdasarkan mesyuarat bersama PAK pada 1 Februari 2017, PAK akan memproses melepaskan pegangan tanah tersebut setelah Pelan Pra-Hitung disediakan. Pejabat ini telah melantik juruukur untuk kerja-kerja pengukuran dan penyediaan Pelan Pra-Hitungan. Pelan ini telah diserahkan pada 20 Julai 2017 kepada PAK untuk tindakan. Berdasarkan kepada surat PAK bertarikh 13 Oktober 2017, agensi berkenaan dalam tindakan membawa pelepasan tanah ini ke Mesyuarat Lembaga Pengarah PAK untuk mendapatkan keputusan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker. Masalah Sungai Yu, agihan tanah. Ijok nak *prevent* masalah di Sungai Yu tu timbul. Ijok ingin bertanya siapa yang pihak kuasa muktamad yang memberi kebenaran ataupun memberi tanah-tanah ini *the decision the final decision* sebab sekarang banyak agen-agen dari luar kawasan 3 ini, orang dari luar mereka *self-appointed agent* mengatakan mereka ialah sebagai agen untuk mengendalikan, agihan tanah-tanah ini. Jadi, Ijok nak tanya bagaimana adakah cara-cara Kerajaan Negeri Selangor menghalang agen-agen ini masuk dan memberi kata kelim mereka sebagai *agent*. Tun Ijok nak tanya, siapa kuasa yang muktamad yang akan memberi tanah-tanah kepada peneroka.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, Sungai Yu, saya rasa tidak terlibat dalam persoalan ini.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Ijok hendak cuba kita mengelakkan masalah di Sungai Yu berlaku di Ijok.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Secara umumnya Pejabat Tanah akan melihat senarai-senarai yang dicadangkan dan memutuskan senarai-senarai yang akan diajukan kepada peringkat Negeri melalui PTG dan di bawah ke dalam Mesyuarat MMKN dan Mesyuarat MMKN akan memutuskan pemberimilikan tersebut dan ianya akan dalam proses pemberian hak 5A dan seterusnya pemberimilikan dan saya kira saya boleh katakan bahawa Pejabat Tanah Daerah yang mempunyai kuasa untuk menentukan akhirnya siapa yang akan terlibat dalam pemberian tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya 177.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : ADUAN JALAN ROSAK MENGGUNAKAN APLIKASI WAZE**

169. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapa banyak aduan kerosakan jalan yang telah diterima dan diselesaikan melalui Waze Connected Citizens Programme? Apa purata tempoh yang diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu kerosakan jalan?

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD :** Terima kasih Y.B. Kampung Tunku, Y.B. Tuan Speaker. Tentang jumlah aduan yang telah (aduan kerosakan jalan berlubang) yang telah diterima menerusi aplikasi Waze menerusi *Waze Connected Citizens Programmed* (dengan izin) adalah seperti berikut :-

<b>PBT</b>	<b>Jumlah Aduan</b>
MBPJ	3,769
MBSA	1,842
MPSJ	1,961
MPAJ	546
MPK	2,140
MPKajang	2,858
MPS	957
MPSepang	458
MDKL	128
MDKS	119
MDHS	82
MDSB	27

Secara purata, Pihak Berkuasa Tempatan dapat menyelesaikan 75% pelaporan yang diterima dalam bulan pelaporan dibuat. Bagi purata tempoh yang diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu kerosakan jalan, *service level agreement* (dengan izin) PBT adalah untuk menyelesaikan pelaporan jalan berlubang dalam masa 5 hari termasuk hari pelaporan dibuat.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah. Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 170.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ (N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK :** **BANTUAN KHAS KEWANGAN PESAWAH BENCANA BLB**

170. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah syarat-syarat melayakkan seseorang pesawah menerima bantuan kewangan tersebut?
- b) Berapakah jumlah penerima bantuan kewangan ini?

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

c) Adakah kesemua penerima bantuan telah menerima bantuan tersebut?

**Y.B. TUAN ZAIDIY BIN ABDUL TALIB :** Tuan Speaker dan terima kasih kepada Lembah Jaya. Antara syarat yang telah ditetapkan untuk pesawah menerima bantuan kewangan akibat bencana BLB ialah seperti berikut :-

- a) Penerima adalah merupakan pengusaha sawah (operator) tidak semestinya pemilik;
- b) Kawasan yang diserang oleh BLB mestilah sekurang-kurangnya 20% daripada keseluruhan lot; dan
- c) Lot sawah diperakui oleh Jabatan Pertanian Selangor telah dijangkiti serangan penyakit BLB melalui bancian yang telah dibuat oleh jabatan.

Berdasarkan Laporan Dapatan Hasil Bancian yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Selangor bagi musim kedua 2016, sejumlah 8,892 lot sawah yang diusahakan telah dikenal pasti layak untuk diberikan bantuan kewangan dengan jumlah penerima adalah seramai 9,124 orang. Secara keseluruhannya, penyerahan cek-cek bantuan kewangan kepada pesawah telah pun selesai dilaksanakan pada 20 Jun 2017 bermula dari kawasan Blok Pengairan Panchang Bedena, Sungai Burong, Sekinchan, Sungai Nipah, Bagan Terap, Sungai Leman dan Sungai Panjang.

Namun begitu masih terdapat sejumlah 9.5% ataupun 847 lot sawah yang telah diperakui oleh Jabatan Pertanian Selangor, pengusahanya masih belum menerima cek bantuan kewangan mereka. Ini adalah disebabkan oleh pertukaran nama penerima disebabkan oleh faktor pesawah asal telah meninggal dunia, kesilapan pada ejaan nama, nombor kad pengenalan dan juga perkara yang berkaitan dengan isu di antara pemilik tanah sawah dengan pemajak tanah sawah tersebut iaitu pengusaha sebenar sawah (operator). Selain daripada itu terdapat juga isu yang disebabkan oleh cek yang rosak serta cek-cek yang telah tamat tarikh tempoh untuk dimasukkan ke dalam akaun penerima.

**TUAN SPEAKER :** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Speaker, soalan 171.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF (N55 DENGKIL)**

**TAJUK :** **TAPAK PEMBUANGAN SAMPAH HARAM**

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

171. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah tapak pelupusan sampah haram yang terdapat di Negeri Selangor
- b) Nyatakan tindakan kepada tuan tanah dan pengusaha tapak ini.
- c) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk memulihkan semula tapak tersebut?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Tuan Speaker, terima kasih kepada Dengkil. Jumlah tapak pelupusan sampah haram yang terdapat di Negeri Selangor adalah berjumlah 106 lot di mana Kuala Selangor mencatat jumlah lot tapak pelupusan sampah yang paling tinggi iaitu sebanyak 49 lot.

Bagi pemilik-pemilik tanah yang menjadikan tanahnya sebagai tempat pelupusan sampah, Pentadbir Tanah Daerah akan mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 127 hingga Seksyen 130 Kanun Tanah Negara kerana melanggar syarat nyata tanah. Sebagai contoh, tanah pertanian yang digunakan sebagai tapak pelupusan sampah.

Secara umumnya, Pihak Berkuasa Negeri akan mengenal pasti dan menyemak pemilik tanah untuk menentu pihak yang bertanggung atas kos pemuliharaan. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Terima kasih Speaker. Saya ingin bertanya kepada Exco, kalau boleh soalan (C) saya itu iaitu berkenaan dengan cadangan untuk Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah wang secara *one-off* terutamanya kepada kontraktor-kontraktor sampah PBT yang telah pun dilantik oleh PBT sendiri supaya mereka diberikan satu peruntukan oleh PBT ataupun Kerajaan Negeri untuk membersihkan kawasan pelupusan sampah ini dan selepas itu pemantauan dibuat secara kerap dan akhirnya tapak pelupusan sampah haram ini tidak lagi wujud berleluasa di dalam Negeri yang kita cintai ini (Selangor Darul Ehsan). Bukan kita nak minta orang lain bagi tahu Selangor ini 'Darul Sampah' dan sebagainya. Selangor Darul Ehsan. Itu yang kita minta. Kalau boleh sediakan peruntukan khusus

Kepada PBT-PBT berkenaan untuk mewujudkan Selangor yang lebih bersih. Boleh?

**TUAN SPEAKER :** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Itu cadangan saya.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**TUAN SPEAKER :** Masa soalan tambahan kena tanya soalan, bukan bagi cadangan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Apakah cadangan saya itu diterima? Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Terima kasih Dengkil. Selangor telah lebih bersih berbanding dengan dahululah Yang Berhormat. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat, Kerajaan Negeriakan mengkaji tentang cadangan tersebut. Pada masa sekarang, untuk makluman Yang Berhormat kos pemulihan adalah bergantung kepada pemilik tanah (satu). Kalau ia Kerajaan, kita akan memberi peruntukan khas kepada (biasa kita akan melantik Worldwide untuk menjalankan kerja-kerja pemulihan). Kalau ia melibatkan tanah persendirian, Kerajaan Negeriakan menggunakan Kanun Tanah Negara untuk merampas tanah tersebut dan seterusnya kita akan juga melantik Worldwide untuk membuat pemulihan. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Berkenaan dengan tapak pelupusan sampah haram ini, banyak kes yang berlaku di mana pihak PBT telah mensita dan menutup, menangkap tempat-tempat yang dikenal pasti. Tetapi sering kali berlaku selepas dua, tiga bulan tempat-tempat yang dioperasi yang ditutup itu kembali beroperasi. Jadi apakah kaedah yang terbaik daripada pihak Kerajaan untuk memastikan dia tidak kembali berulang beroperasi di tempat yang sama supaya dia dapat ditutup?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Untuk makluman Yang Berhormat, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adalah biasanya melibatkan tanah persendirian iaitu pemilik tanah mereka membenarkan kontraktor sampah ataupun orang luar untuk membuang sampah tersebut dan mereka mengutip *tipping fee* daripada kontraktor tersebut. Biasanya Kerajaan Negeriakan mengambilkan tindakan tegas. Kita sita lori. PBT akan menyatakan lori tersebut dan kita juga akan melaksanakan rampasan tanah ke atas tanah yang terlibat supaya dia tidak akan berlaku lagi. Tapi prosesnya memang agak panjanglah. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 172.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN (N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : ISU MRT DAN EKVE (EAST KLANG VALLEY EXPRESSWAY)**

172. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Meminta Kerajaan Negeri menjelaskan mekanisme pemantauan ke atas pelaksanaan projek tersebut bagi memastikan pelaksanaan projek berkenaan tidak mengabaikan kepentingan Kerajaan Negeri dan rakyat Selangor.
- b) Apakah bentuk bantuan daripada pihak terbabit sekiranya berlaku kerosakan harta benda, seperti misalnya rumah-rumah retak dan lain-lain?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Tuan Speaker dan terima kasih kepada Dusun Tua. Berdasarkan peruntukan kuasa yang diberikan Pihak Berkuasa Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.1 Tahun 2015 bertarikh 12 Februari 2015 telah membuat ketetapan supaya projek-projek pembangunan infrastruktur seperti pembinaan lebuh raya, LRT, MRT, rel berkelajuan tinggi, talian voltan tinggi, jana kuasa dan lain-lain projek yang bersekalai besar serta melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk perlu melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor di bawah Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172.

Sehubungan dengan itu, tatacara yang diguna pakai dalam mempertimbangkan dan meluluskan pembinaan lebuh raya di Selangor selepas tarikh ataupun sebarang projek yang disebutkan di atas selepas tarikh tersebut dibuat melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri selaras dengan peruntukan Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172.

Oleh yang demikian, semua projek pengangkutan awam dan lebuh raya oleh Kerajaan persekutuan seperti projek MRT dan EKVE yang melibatkan pelaksanaan di Negeri Selangor perlu mematuhi syarat dan peraturan yang diguna pakai semua jabatan dan agensi Kerajaan di Negeri Selangor seperti Kajian Terperinci Impak Alam Sekitar (DEIA) dan Kajian Impak Sosial (SIA) oleh Jabatan Alam Sekitar dan proses kelulusan yang ketat bagi pengesahan pelan rundingan, pelan susun atur dan pelan bangunan oleh pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Selangor, pihak-pihak berkuasa tempatan serta jabatan-jabatan teknikal yang lain.

Antara perkara yang diambil kira dalam rundingan adalah seperti berikut :-

- a) Jajaran laluan atau lokasi kemudahan yang mengambil kira faktor *zoning*, guna tanah, koridor pembangunan, penjanaan ekonomi, kemudahsampaian, kesan kepada alam sekitar, kesan sosial dan juga pemilikan tanah;

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

- b) Juga pematuhan kepada dasar, peruntukan akta, garis panduan, peraturan dan syarat-syarat terkini semasa perancangan dan pelaksanaan projek.

Selain itu, jawatankuasa pemantauan peringkat Negerijuga telah ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan projek lebuh raya agar tidak mengabaikan kepentingan Kerajaan Negeridan rakyat Selangor. Bagi projek MRT pula dipantau melalui Mesyuarat Penyelarasan oleh Unit Perancang Ekonomi NegeriSelangor (UPEN) selaku penyelaras Jawatankuasa Tetap Pengangkutan NegeriSelangor.

Bentuk bantuan daripada pihak terbabit secara khususnya kepada MRT Corp dan juga EKVE SB, sekiranya berlaku kerosakan harta benda adalah seperti berikut :-

- a) Bagi projek yang melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk, Kerajaan Negeriakan memastikan pemaju projek untuk menitik beratkan faktor keselamatan dan kesejahteraan orang ramai sekiranya berlaku kerosakan harta benda mahupun impak sosial yang lain ketika pembinaan projek dilaksanakan;
- b) Bagi projek MRT, MRT Corp akan memastikan usaha yang sesuai akan diambil supaya impak kerja-kerja pembinaan terhadap kawasan persekitaran dapat diminimakan;
- c) Dari segi harta benda yang berada berdekatan dengan kawasan pembinaan, pihak MRT akan menjalankan kajian pra-pembinaan (*pre-construction survey*) (dengan izin) dan membuat inventori bagi merekodkan harta benda dan keadaan sedia ada struktur bangunan berkenaan sebagai rujukan;
- d) Jika berlaku sebarang kerosakan yang tidak dapat dielakkan semasa kerja-kerja pembinaan MRT, pihak MRT akan membaik pulih kerosakan berkenaan dengan persetujuan pemilik sekiranya siasatan mendapati kerosakan ini disebabkan oleh projek MRT;
- e) Dalam keadaan tertentu di mana penghuni-penghuni harta atau kemudahan yang berdekatan dengan tapak pembinaan didapati perlu dipindahkan sementara sebagai langkah keselamatan, pihak MRT akan menguruskan perpindahan dan menanggung kos-kos yang berkaitan;
- f) Secara dasarnya pihak MRT Corp akan membaik pulih harta benda yang terlibat berdasarkan keadaan sedia ada sebelum kerosakan berlaku dan menampung kos perpindahan ke unit kediaman atau kemudahan sementara yang setara dengan kediaman atau kemudahan yang terlibat.

Bagi projek EKVE:-

- a) Pihak konsesi EKVE SB telah menjalankan *dilapidation survey* bagi kawasan-kawasan yang dikategorikan sebagai sensitif sebelum memulakan kerja-kerja pembinaan di tapak;

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

- b) Survey berkenaan akan dijadikan sebagai rekod atau rujukan sekiranya berlaku sebarang kerosakan kepada harta benda individu awam ataupun pihak ketiga;
- c) Sekiranya terdapat aduan kerosakan, prosedur, semakan dan pemeriksaan akan dilaksanakan dengan sewajarnya di mana *dilapidation survey* (dengan izin) akan menjadikan sebagai rujukan;
- d) Jika kerosakan adalah disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan lebuh raya, maka kerja-kerja pembangunan akan dicadangkan untuk diterima pakai oleh pengadu sebelum pembangunan dibuat.

Untuk makluman Dewan, pihak EKVE SB dan juga konsesi lebuh raya yang lain juga mempunyai perlindungan insurans di mana tuntutan boleh dibuat melalui EKVE ataupun agensi pemantauan sekiranya kerosakan harta benda adalah disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan lebuh raya.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN :** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN :** saya minta izin dengan Tuan Speaker dulu sebelum saya meneruskan soalan tambahan. Nak memberi sedikit gambaran apa yang berlaku (MRT ini dan juga EKVE ini), baru saya membuat soalan boleh?

**TUAN SPEAKER :** Satu minit.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN :** Seminit saja? Tak cukuplah Speaker. Dia agak ini sikit (agak menyentuh perasaan rakyat) kerana saya faham apa yang telah dibaca oleh Y.B. Exco tadi. Tapi yang berlaku di lapangan lain. Tidak seperti mana yang diberitahu oleh Exco tadi. Contohnya, MRT telah berjanji dengan penduduk yang terlibat khususnya Taman Sri Raya. Mereka membuat *filling* dan buat kerja-kerja di sana. 60 biji rumah telah retak dan mereka janji nak bayar dan selesaikan sampai ke hari ini mereka tidak menyelesaikan isu ini. Dan saya terlibat secara langsung kerana saya melihat bahawa tak tahu sama ada PBT atau pejabat tanah betul ke mereka ini bekerja sama tau bertanggungjawab jawab dengan arahan yang telah diadakan dalam mesyuarat tersebut ya.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah tanya soalan.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN :** Saya tahu kerana ada 2 projek ini ialah projek daripada federal ya, dan minta Kerajaan bertindak terhadap MRT ini tentang rumah yang rosak tersebut, bila mereka akan selesaikan ya, perundingan antara penduduk dengan MRT . Yan kedua EKVE. EKVE inilah puncanya yang sekarang ini dilihat menjadikan banjir yang teruk di Dusun Tua ini di mana

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

lumpuhnya masuk rumah ke rumah dan mereka ini dan dua tiga kali berlaku sama ada banjir besar ataupun apa ni, sikit air masuk ke rumah-rumah semuanya berlumpur dan mereka ini berjanji akan memberi apa jua pampasan dan juga bantuan kepada penduduk tetapi tidak ada. Isu saya ialah baru-baru ini MPKj telah mengeluarkan satu surat arahan iaitu *stop work* kepada EKVE ini dengan notis kompaun di bawah Seksyen 71 Akta jalan Bangunan 1974 sebanyak RM250 ribu. Saya tak tahu kali kedua atau kali ketiga notis dikeluarkan tetapi saya dimaklumkan, denda ataupun notis ini atau kompaun ini sebanyak RM250 ribu mereka ini boleh merayu, mereka boleh merayu saya dengar mereka dibayar tak sampai RM250 ribu. Macam mana benda ini boleh berlaku. Sebab itu mereka tak takut, mereka buat apa juga projek. Ini projek persekutuan, mereka langgar sahaja. Yang jadi mangsa rakyat.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN :** Jadi saya minta, Kerajaan bertanggungjawab dan Kerajaan ambil terus kepada EKVE ini dan juga sekarang ini projek yang terbaru iaitu, iaitu PAP ini mereka ini pun menjadi banjir di Dusun Tua ini.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah Dusun Tua tolong duduk. Tolong duduk. Taman Templer silakan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih di atas keprihatinan Dusun Tua. Pertama dengan sebarang kerosakan saya mohon supaya Dusun Tua boleh ajukan kepada pihak Kerajaan Negerikhusus kepada saya sendiri untuk memastikan bahawa pihak-pihak MRT ataupun EKVE melunaskan apa jua yang termaktub dalam peraturan seperti mana yang saya terangkan tadi dari sudut membaik pulih sebarang kerosakan yang telah pun dirujuk kepada *base line* yang dibuat *survery* dan sebagainya, memang disebabkan oleh pembangunan. Maka saya sendiri di sini akan memastikan bahawa segala lunas peraturan dan undang-undang diikuti.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Satu sahaja Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN :** Saya nak tanya.

**TUAN SPEAKER :** Dusun Tua tadi sudah tanya soalan tambahan. Nanti salurkan soalan terus kepada Taman Templer lah ya. Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Soalan 173.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN MASJID BARU DI NEGERI SELANGOR**

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa Masjid Baru telah dibina setiap tahun dari tahun 2008 hingga tahun 2016?
- b) Senaraikan masjid-masjid tersebut mengikut daerah dan kos pembinaan tiap-tiap masjid tersebut?

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN SAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Kota Anggerik bertanyakan tentang pembangunan masjid baru di Negeri Selangor. Daripada 2008 sehingga 2016 sebanyak 43 buah masjid telah dibina daripada 2008 sehingga 2016 dan senarainya agak panjang. Cuma saya akan bacakan bagi daerah Petaling yang lain saya akan berikan jawapan bertulis ya. Bagi Daerah Petaling sebanyak 10 buah masjid telah dibina daripada 2008 sehingga 2013. Masjid Kota Damansara 5.6 juta, Masjid Bukit Puchong 5 Juta, Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz Jalan Templer 12 juta, Masjid & SRA Subang Mewah 10 juta, Masjid Subang Perdana 4.1 juta, Masjid Kg. Lindungan PJS6 6.2 juta, Masjid Bukit Jelutong 23 juta, Masjid Dato' Haji Kamaruddin 8.8 juta, Masjid Jamek Tun Uda, Sek 16 Shah Alam 6 juta dan Masjid Sek 7, Shah Alam 5.5 juta. 10 masjid dengan kos dalam 86.2 juta. Bagi Daerah Kuala Selangor, 9 masjid dibina pada tempoh tersebut dengan kos 45.6 juta. Bagi daerah Klan, 8 buah masjid dibina dengan kos sebanyak 73.3 juta. Daerah Hulu Selangor 4 buah masjid dibina dengan kos 22.6 juta. Masjid daerah Sabak Bernam, 2 buah masjid dengan kos 13.7 juta. Daerah Gombak, 3 buah masjid dengan kos 16.4 juta. Daerah Kuala Langat, 3 buah masjid dibina dengan kos 13.1 juta. Masjid daerah Hulu Langat, 4 masjid dibina dengan kos 19.4 juta. Yang menjadikan keseluruhannya kos 290.3 juta. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : 3 Masjid di Gombak itu boleh dinyatakan masjid di mana.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN SAIRI** : Terima kasih Hulu Kelang. Bagi daerah Gombak, Masjid Bandar Tasek Puteri Kundang, 5.2 juta, Masjid Taman Melawati 6 juta dan Masjid Al-Hidayah Bukit Antarabangsa 5.2 juta.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Hulu Bernam

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Saya ingin mendapat makluman masjid di Hulu Selangor

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN SAIRI** : Bagi daerah Hulu Selangor, Masjid Hulu Bernam 6 juta, Masjid Kerling 5.9 juta, Masjid Felda Sg. Tengi 5.6 juta dan Masjid Sayidina Ali Bukit Sentosa 2 5.1 juta.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI** :

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Saya dapati kos pembinaan masjid ini terus meningkat. Sebab masjid tidak dikecualikan pada GST. Apakah Kerajaan Negericuba berusaha supaya masjid ini juga dikeluarkan daripada GST.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN SAIRI** : Sedia maklum, kalau kita lihat kos pembinaan, dalam Rancangan Malaysia 10 pun sebahagian besarnya kos pembinaan sesebuah masjid melebihi daripada 10 juta. Dan saya kita buat masa ini kita terikat dengan GST saya kira menyebabkan kos begitu tinggi. Mungkin selepas PRU yang ke 14 nanti, ada satu yang boleh diperbaiki daripada sistem yang ada sekarang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jeram

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan. Antara masjid baru yang dibina daerah Kuala Selangor ialah di bandar Puncak Alam. Yang mana yang saya difahamkan sekarang, kalau saya tolong betul kan saya. Masjid yang dibina oleh pihak pemaju dengan kos pentadbiran dan juga penyelenggaraan juga dibiayai oleh pemaju sehingga tarikh sekarang. Jadi saya nak bertanya adakah sebarang tarikh *date line* untuk penyerahan kepada pihak Jawatankuasa Agama serta kaedah ini dibenarkan kalau ada pihak lain nak buat perkara yang sama di tempat yang lain. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN SAIRI** : Buat masa ini penyelenggaraan masih lagi di bawah pihak yang membina pun begitu menjadi prinsip Kerajaan Negeribahawa masjid-masjid ini sudah seharusnya di bawah pengurusan Jabatan Agama Islam NegeriSelangor dan saya kena semak secara *detailnya*. Saya kira dia akan jadi di bawah pengurusan jabatan Agama Islam NegeriSelangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Yang Berhormat EXCO saya ingin bertanya kalau kita *check* kita punya rekod bajet ya. Kalau untuk Hulu Selangor ini nampaknya, tidak dimasukkan ataupun di luar daripada kekuatan bajet yang telah kita umumkan. Jadi saya nak tahu daripada keempat-empat ini siapa yang sebenarnya menanggung kos pembinaan ini. Kalau di Kerajaan Negeriberapa peratus kita menanggungnya. Terima kasih.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN SAIRI** : Cuma saya nak bagi maklumat kepada Jeram tadi buat masa ini memang masjid itu telah diserahkan di bawah pengurusan Jabatan Agama Islam Selangor. Bagi daerah Hulu Selangor, 4 buah masjid yang telah dibina iaitu Masjid Hulu Bernam, Masjid Kerling, Masjid Sg Tengi dan Masjid Saidina yang sebutkan tadi. Semua punya adalah di bawah peruntukan Kerajaan Negeri 22.6 juta.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Saya rasa ada silap fakta di situ. Kalau saya tengok di situ Sayidina Ali dengan Sg Tengi terutamanya. Dia kos itu menjangkau lebih daripada 5 juta setiap satu. Dan saya difahamkan pada ketika itu MAIS punya *contribution* pada ketika itu RM 1 juta dan di dalam bajet kita tidak diperuntukkan. Jadi saya nak kan pencerahan.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Saya akan semak dan saya akan beri maklumat ini pada Batang Kali. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kuang tidak hadir. Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih. Soalan 175

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN**  
**(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : KELAB PJ**

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status permohonan pajakan tanah oleh Kelab PJ di Lorong Sultan Petaling Jaya?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker. Terima kasih kepada Bukit Gasing. Untuk maklumat Yang Berhormat, tanah Kelab Petaling Jaya telah dirizabkan sebagai kegunaan awam pada 8 hari bulan Jun 2017 iaitu sebagai rumah Kelab Petaling Jaya dan telah menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh pengurusan Kelab Petaling Jaya. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Meru.

**Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN** : Tuan Speaker. Soalan 176.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN**  
**(N42 MERU)**

**TAJUK : KELAB PJ**

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

- a) Berapakah pusat Dialisis Rakyat yang telah dibina sejak dari 2008?
- b) Berapakah peruntukan yang dibelanjakan?
- c) Berapakah jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan?

**Y.B. PUAN DR. DAYORAH BINTI ALWI** : Terima kasih Meru. Terdapat 5 Pusat Dialisis Rakyat yang bermula beroperasi dan kelima-lima ini adalah Pusat Dialisis Rakyat Ampang beroperasi di Dewan Datuk Tahir Karim, Jalan Kempas Kampung Melayu Ampang. Pusat Dialisis Rakyat Taman Medan di 11A Jalan PJS 3/32 Taman Sri Manja Petaling Jaya. Pusat Dialisis Rakyat Lembah Keramat , Dewan Orang Ramai, Lembah Keramat Jalan AU5C/ 10 Ampang. Pusat Dialisis Rakyat Sementa di No 7,9 & 11 Jalan Sg Kapar Indah 3G Taman Sg Kapar Indah. Pusat Rawatan Dialisis Rakyat Sri Muda di Lorong Klinik Batu 7 Kg Jalan Kebun Klang. Dan bermula pada tahun 2015, Kerajaan Negerimeneruskan program ini dengan di bawah Program Panel Dialisis Sihat Selangor iaitu dengan bekerjasama dengan pusat rawatan yang berdaftar dengan pihak Jabatan Kesihatan NegeriSelangor menjadi Panel Dialisis. Panel Dialisis ini akan memberi rawatan kepada pesakit dialisis dengan kos rawatan sebahagianya ditanggung oleh Kerajaan. Setakat ini, terdapat 72 buah Panel Dialisis yang bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeridi seluruh NegeriSelangor dan juga bersempadan.

Untuk soalan b dan c. Kerajaan Negerimula melaksanakan Program Bantuan Sihat Selangor pada tahun 2010. Salah satu bantuan yang diberikan adalah kepada pesakit kegagalan buah pinggang untuk menjalani rawatan dialisis. Sebanyak RM3,788,762.00 peruntukan yang telah dibelanjakan untuk pembayaran rawatan dialisis iaitu dengan jumlah seramai 1,412 pesakit yang menerima rawatan dialisis sejak tahun 2010 sehingga 2016. Pecahan peruntukan wang telah dibelanjakan adalah 2010 sebanyak RM123,950.00. dengan 64 orang pesakit. 2011 RM152,980.00 sebanyak 79 orang pesakit. 2012 RM230,000.00 dengan 115 pesakit. 2013 RM267,160.00 146 pesakit. 2014 RM218,110.00 dengan 111 pesakit. 2015 RM1,042,703.00 dengan 299 pesakit. 2016 sebanyak RM1,703,859.00 dengan 598 pesakit. Keseluruhannya ialah RM3,738,762.00 dengan 1,412 orang. Dan bermula 2017, Kerajaan Negeritelah meningkatkan peruntukan bagi program Panel Dialisis Sihat Selangor kepada RM5,000.000.00 setahun dengan menganggarkan seramai 1,000 pesakit akan menerima manfaat tersebut. Sehingga 31 Oktober 2017, sebanyak RM3,570,000.00 telah diluluskan kepada 639 orang pesakit yang menjalani rawatan dialisis. Terima kasih.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Soalan tambahan boleh?

**TUAN SPEAKER:** Masa telah menunjukkan 11.30 pagi. Saya tak boleh teruskan dengan urusan pertanyaan. Maka saya tangguhkan untuk urusan seterusnya.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Usul No.9 Tahun 2017. Usul Peruntukan Pembangunan 2018.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya jemput pembahasan terakhir untuk sambung perbahasan. Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Tanjung Sepat ingin menyambung perbahasan berkaitan dengan perbekalan yang telah tak selesai semalam. Seperti dimaklum, saya merujuk kepada muka surat 190, PK18 18010 berkaitan pemberian air percuma. Saya ucap tahniah dan syabas kepada Kerajaan Selangor kerana terus memberi komitmen untuk membantu rakyat Selangor meringankan beban dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM180 juta bagi tahun 2018. Dan ini adalah merupakan 6 hampir 6% daripada peruntukan perbelanjaan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Cuma saya ingin penjelasan kepada Kerajaan Negeri apakah peruntukan ini atau pun bantuan ini, subsidi ini diberikan seterusnya sehingga bila-bila ataupun ada satu masa yang akan dihadkan. Jadi, kalau ada masa yang dihadkan atau tentukan bilakah masa ataupun tempoh ini akan berakhir?

Seterusnya saya juga merujuk kepada muka surat 209, PK303 402 berkaitan dengan jalan sambungan Sungai Kelambu ke Genting Sanyen. Saya juga ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memperuntukkan untuk tahun 2018 sebanyak RM1 juta. Mungkin untuk kerja-kerja permulaan membuat pengukuran tapak. Cumanya saya mengharapkan dengan terbinanya ataupun semasa proses pembinaan jalan raya ini agar aspek keselamatan diambil, diambil peduli dan juga supaya rakyat ataupun penduduk-penduduk yang berhampiran dengan laluan tersebut tidak akan terganggu dengan aktiviti sehari-hari mereka dan seterusnya mengelakkan perkara kemalangan yang sering berlaku di situ.

Kemudian juga, saya ingin merujuk kepada perkara, muka surat 219 dan juga, sehingga 220 berkaitan dengan kerja-kerja menaik taraf sungai-sungai dan parit-parit yang dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran. Dan sebenarnya masalah banjir yang berlaku bukan sahaja tertakluk ataupun disebabkan oleh punca perparitan atau pun saliran tidak sistematik. Saya juga mengambil berat tentang perkara ini supaya masalah banjir ini diselaraskan secara bersama oleh semua jabatan-jabatan agar ianya dapat diselaraskan pembangunan-pembangunan khususnya di peringkat PBT, JKR dan juga Jabatan Perancang Bandar dan Desa supaya menyediakan 1 pelan induk yang menyeluruh supaya masalah banjir kilat ini tidak akan berlaku terutama di musim tengkujuh ini.

Dan akhirnya, saya mengambil kesempatan di sini supaya untuk merujuk kepada muka surat 236 tentang perkara PK4, surau di Daerah Kuala Langat. Pada tahun lepas, saya ada memohon sedikit peruntukan untuk membina semula ataupun membaiki surau An-Nur Kampung Ladang Batu tetapi tidak termasuk dalam Bajet

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Tahun 2018 ini dan saya mohon pertimbangan ke pihak Kerajaan Negerisupaya memperuntukkan sejumlah wang untuk membaik pulih ataupun membangun semula Surau Ladang Batu ini kerana ia adalah merupakan surau yang usang dan agak tua. Dan ia digunakan untuk kemudahan Solat Jumaat bagi, bagi penduduk tempatan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, saya jemput pihak Kerajaan untuk memberi penjelasan jika ada. Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Speaker dan Ahli-ahli Dewan terutamanya yang membangkitkan beberapa usul-usul dan juga perkara-perkara yang berkenaan dengan sukan, kebudayaan, pembangunan generasi muda dan juga pembangunan usahawan Negeri Selangor. Saya ingin menyentuh secara khusus perkara-perkara makluman yang pertamanya berkenaan dengan cadangan-cadangan yang diberi maklum balas berkenaan dengan program-program generasi muda. Cadangan daripada Yang Berhormat Bukit Gasing berkenaan dengan kewujudan *Job Centre* bagi generasi muda di Selangor untuk memberikan latihan dan persediaan kepada generasi muda. Khususnya bagi menambah baik persediaan mereka untuk memasuki dunia pekerjaan seperti menambah baik resume mereka, latihan mereka, latihan temu duga dan juga bantuan-bantuan untuk *grooming* dan personaliti para di kalangan generasi muda adalah 1 cadangan yang sangat baik, yang boleh kita fikirkan bersama. Namun begitu, kita tidak akan melaksanakan secara spesifik. Saya akan menggalakkan penggerak-penggerak belia tempatan untuk melihat persoalan ini secara lebih serius dan membangunkan pusat-pusat yang dicadangkan sebagaimana yang dicadangkan oleh pihak Bukit Gasing termasuk menganjurkan program paling kurang di Pihak Berkuasa Tempatan. Kita mempunyai 12 Pihak Berkuasa Tempatan, kita mempunyai 288 PBT. Kita tidak akan melaksanakan di 288 sebaliknya kita akan cuba untuk melihat bagaimana pelaksanaannya dilaksanakan di Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Di samping itu, ini juga adalah berkaitan dengan Yang Berhormat Seri Setia, iaitu berkaitan dengan Pembangunan Modal Insan. InsyaAllah saya akan bekerjasama dengan pihak yang berkenaan, khususnya Jawatankuasa Pembangunan Merealisasikan untuk menganjurkan Karnival Kerjaya dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor dan *Job Malaysia*. Program dilaksanakan telah berjaya melibatkan pengunjung sejak sejumlah 10 ribu orang pengunjung dan telah mengisi lebih kurang 5,818 tawaran jawatan kosong setakat ini. Mungkin kita boleh bekerjasama nanti dengan pihak Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan untuk memasukkan slot-slot yang berkenaan. Tapi tak belikanlah baju, tali leher dan baju sebagainya. Tetapi beberapa aspek-aspek penting sebagaimana penampilan, resume yang baik serta isi yang harus dikemukakan ketika hadir dalam temu duga - temu duga pekerjaan yang ditawarkan. Buat pada masa ini, Kerajaan Negeri berpandangan sejajar dengan arus teknologi terkini dan juga penerapan konsep *Smart State* yang dibawa oleh pihak Kerajaan Negeri, maklumat-maklumat terperinci, panduan penyediaan resume, contoh-contoh resume, maklumat-

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

maklumat berhubung panduan dan membuat persediaan, menghadiri temu duga boleh diperolehi melalui internet dan sekali gus dapat melahirkan generasi yang muda dan, dan celik IT. Terima kasih.

Seterusnya, saya ingin memberi maklum balas berkenaan cadangan daripada Selat Klang berkenaan dengan 1 projek di gelanggang bola jaring di Sungai Udang, di mana kawasan di sekelilingnya itu tidak rata. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keperluan kemudahan sukan di Negeri Selangor. Dalam usaha untuk meningkatkan mutu sukan terutamanya di kalangan generasi muda dan menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti di daerah. Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM13,820.00 pada tahun 2015. Projek-projek menaik taraf 1 unit gelanggang badminton, bola jaring di Jalan Udang Putih 3C, Taman Udang Putih, Kampung Sungai Udang, Klang. Justeru bagi tujuan permohonan tersebut Kerajaan Negeri akan melihat semula perkara-perkara tersebut ataupun pihak Pusat Khidmat boleh dengan sukarela menggunakan peruntukan yang sedia ada untuk menaik taraf kemudahan yang ada di sebelah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, seterusnya saya ingin memberi maklum balas berkenaan dengan cadangan-cadangan dan juga isu yang dibangkitkan oleh Taman Medan ya. Yang pertama, berkenaan dengan dataran anak muda. Kita mempunyai sejumlah lebih 20 dataran anak muda yang telah dibangunkan sekitar tahun 2012 dan 2013. InsyaAllah, Kerajaan Negeri akan menilai semula kedudukannya pada tahun ini dan kita akan cuba menumpukan untuk membangunkan dataran-dataran anak muda yang masih belum ada dan juga untuk menaik taraf kemudahan dataran anak-anak muda yang telah sedia ada, yang saya pasti sudah memerlukan peningkatan ataupun naik taraf kemudahan-kemudahan yang telah kita bangunkan dalam tempoh beberapa tahun yang lepas. Sebagaimana yang saya sebutkan pada awal penglibatan dalam EXCO dulu bahawa kita akan menumpukan usaha *maintenance* secara terancang ataupun penyelenggaraan secara terancang daripada membangunkan perkara-perkara baru ataupun membangunkan satu-satu kemudahan yang sudah hampir musnah ataupun hampir runtuh.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, berkenaan dengan cadangan-cadangan untuk menaik taraf kemudahan dewan dan kemudahan-kemudahan sedia ada kepada bangunan mini kompleks. Ini memerlukan 1 perancangan dan penelitian yang rapi sebab ia akan melibatkan kos yang agak tinggi ya. Sebagai contoh, kalau 1 kompleks sukan yang agak baik. Contohnya yang telah sedia ada di Sabak Bernam. Kita menerima kertas kerja. Kertas kerja itu melibatkan 1 kompleks sukan yang, yang menyeluruh ya. Kita ada stadium mini Sabak Bernam. Namun ada cadangan daripada pihak Majlis. Kosnya hampir RM30 juta. Kalau mini kompleks pun ia mungkin melibatkan paling kurang RM10 hingga RM15 juta. Begitu kalau dianggarkan, kalau dianggap mini dan sebagainya. Jadi saya terpaksa melihat balik kos dan melihat kepada prioriti. Sebagaimana yang saya maklumkan dalam penggulungan yang lepas, prioriti kita adalah sejauh mana ia mampu membantu

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Majlis Sukan Negeri untuk menaik taraf pasukan-pasukan ataupun atlet-atlet yang kita ada. Itu yang pertama. Dan yang kedua, melalui Jawatankuasa Pembangunan Generasi Muda. Sudah pasti kita ingin memastikan keterlibatan generasi muda dan cadangan mini kompleks sukan. Itu 1 cadangan baik. Namun kita akan laksanakan secara berperingkat. Kita takkan buat secara menyeluruh

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHD TALHA:** Mohon mencelah. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya juga lihat salah satu faktor yang mungkin perlu diberi perhatian untuk pertimbangan mengadakan mini kompleks ini adalah mengatasi masalah sosial di kalangan belia. Terutama sekali di bandar-bandar kerana mereka perlu ruang untuk melepaskan tenaga yang mereka ada ke jalan yang lebih positif. Jadi saya nampak penyediaan kompleks sukan ni sangat, sangat baik kerana ia memberi peluang kepada mereka untuk pergi ke tempat ini. Apa tu, terlibat dalam aktiviti yang bermanfaat.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih. Terima kasih. Saya sangat setuju dengan cadangan dan tanggapan tersebut bahawa kita perlu menyediakan ruangan. Sebab itu bila dibangkitkan juga berkenaan dengan Rumah-rumah Kos Rendah, apartmen-apartmen tertentu dan sebagainya. Kita bekerjasama. Sebagai contoh dengan Angkatan Belia Islam menubuhkan *Youth Garage*. Sebagai contoh di pusat-pusat ataupun di perumahan-perumahan Kos Sederhana dan Kos Rendah yang memerlukan tempat untuk remaja-remaja dan anak muda tinggal sementara menunggu ibu bapa mereka pulang. Ini kita laksanakan di, di Kota Damansara, di kawasan apartmen tersebut, kita tubuhkan 1 apartmen, 1 unit. Dan saya ingat model tersebut kita laksanakan dengan lebih menyeluruh. Namun ini akan melibatkan kerjasama dengan Chempaka terutamanya untuk mengenal pasti di manakan pusat-pusat ini dibuat. Ia bukan hanya melibatkan pusat sukan, sukan. Kadang-kadang mereka memerlukan tempat bersama untuk duduk. Mereka perlukan kawasan tempat bersama untuk lepak. Daripada ibu bapa tak tahu di mana mereka duduk melepak, lebih baik ibu bapa tahu di mana tempat mereka melepak di samping kita boleh mengisi dengan beberapa aktiviti-aktiviti. Kita mengajak *tuition*, mendidik mereka beberapa kemahiran dan sebagainya. Ini antara fokus yang kita akan laksanakan tahun hadapan setelah kita melatih banyak volunter pada tahun ini sebenarnya. Itu perancangan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda Negeri Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, seterusnya saya ingin memberi maklum balas berkenaan dengan, berkenaan dengan pembangunan usahawan. Saya ingin memberikan maklum balas berkenaan dengan Bangunan Darul Ehsan yang bertempat di Kuala Langat yang tidak digunakan sejak tahun 2010 dan ia telah menyebabkan beberapa kes-kes vandalisme atau pun kerosakan yang, yang, yang menyebabkan aset-aset Kerajaan Negeriterganggu.

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebenarnya daripada pelan dan perancangan Kerajaan Negeri, asalnya kawasan ini adalah sama dengan pusat pengumpulan industri kecil dan sederhana ataupun IKS yang bertempat di Sepang dan Kuala Langat. Kita ada 2. Namun sebagaimana yang saya maklumkan dalam sidang yang lepas atau 2 sidang yang lepas bahawa penumpuan kita menempatkan kompleks barang-barang IKS dan juga produk-produk yang dikeluarkan oleh usahawan-usahawan kecil atau usahawan-usahawan mikro Negeri Selangor ialah kita membawa produk tersebut ke kawasan tumpuan ramai. Jadi, justeru bulan 12 ini InsyaAllah kita dah memeterai beberapa perkara dan saya rasa hampir sempurna, 90% kita boleh meletakkan beberapa produk-produk IKS ini di Pavilion, di, di Giant dan ada 3 atau 4 Giant kita telah, telah, telah kenal pasti dan mungkin kita bawa. Justeru kita tinggalkan kawasan tersebut kosong. Kita menerima beberapa cadangan-cadangan termasuk daripada individu, daripada syarikat, daripada Stanco tertentu namun kita merasakan, Jawatankuasa Tetap merasakan baik Kompleks ini ataupun Bangunan ini kita serahkan kepada Agensi Kerajaan daripada diberikan kepada mana-mana syarikat ataupun individu justeru pihak Kerajaan Negeritelah bersetuju pada 6 November 2017 untuk menyerahkannya kepada HIJRAH dan HIJRAH boleh berbincang dengan pihak-pihak luar selepas itu termasuk menganjurkan dan melaksanakan program-program latihan mereka. HIJRAH sekarang ada program *zero to hero*. Kita ada 16 buah, 16 kelompok vendor, di mana 16 kelompok vendor ini asalnya merupakan vendor-vendor yang dipilih oleh Perangsang dalam program CSR mereka sebelum ini diserap sepenuhnya oleh HIJRAH dan ditambah kepada beberapa agensi lain memberi *soft skill* dan *life skill* dengan izin. Memberi kemahiran dan juga pengetahuan perniagaan kepada usahawan-usahawan daripada zero kepada usahawan yang memulakan perniagaan dan pinjaman yang diberikan oleh pihak HIJRAH. Maklumat yang sangat baik mungkin tempat ini boleh dijadikan salah satu daripada Pusat-pusat Latihan yang kita akan laksanakan termasuk juga program-program Pembangunan Keusahawanan Masyarakat India.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin memberi juga maklum balas kepada pihak Yang Berhormat ADUN Teratai berkenaan dengan kepentingan pembangunan usahawan belia dalam perniagaan *online*. Ini adalah satu perkara yang cukup kita sedari dan sebab itu semenjak daripada tahun 2011 ataupun 2012 lagi, saya kira daripada senarai semak program-program usahawan kita iaitu program-program latihan pembangunan usahawan sering kali kita memasukkan kepentingan untuk melihat bagaimana contact pemasaran melalui media sosial. Bagaimana kita mampu mencapai lebih daripada 600 juta *market* di ataupun pasaran di sekitar Asean dan bagaimana kita membawa produk-produk kita ke negara-negara yang lebih besar dan mempunyai pasaran yang besar seperti India dan juga negara Cina. Ia diperhebat lagi apabila Kerajaan Negeri menuju Selangor *Information Technology and Ecommerce Council* ataupun CITEX dan di bawah Kerajaan Negerikita telah melaksanakan program pembangunan kepada usahawan kecil dan sederhana dengan perniagaan *online* mereka dengan mensasarkan seramai 100

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

usahawan mengikut *E-Commerce Class* ataupun *E-Commerce Class 100*. Iaitu pembangunan usahawan melalui latihan dan pembelajaran *Ecommerce*. Rantaian pembangunan usahawan ini tidak terhenti di situ sahaja malah usahawan disediakan platform menjalankan transaksi jualan secara online melalui Selangor Online 100 Inisiatif dan aplikasi mobile yang dikenali sebagai Selangor Apps 100 yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap Pelaburan dan juga Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana sebenarnya. Inisiatif membantu golongan usahawan belia juga diberikan melalui Selangor Digital Kreatif Centre (SDCC). Iaitu inkubator bersaiz 11 ribu kaki dan ruang pejabat yang mempunyai kemudahan lengkap bagi golongan usahawan baru menceburi bidang perniagaan.

Saya secara peribadi juga telah melawat beberapa kemudahan dan juga aset-aset berkenaan dengan pembangunan industri kreatif, pembangunan industri-industri muda, membuat *startup-startup* dengan izin ya, yang sudah menjadi *trend* yang sangat baik. Saya sempat melawat MAGIC. Berdepan dengan kawan-kawan di MDEX dan juga di tempat-tempat lain yang sebenarnya inisiatif Kerajaan Persekutuan yang kosnya melibatkan *hundred or two hundred million ringgit a year* namun saya melihat ada beberapa perkara yang kita telah *advanced* dengan izin terutamanya dalam mengetengahkan dan melahirkan industri *Ecommerce*. Kalau *startup* kebanyakannya yang dibuat di *magic* ataupun di tempat-tempat tertentu menggabung dan merealisasikan idea-idea yang dicanai dan bagaimana menjadikan ia satu proses yang satu-satu perniagaan yang boleh di pasarkan dan boleh di bawa ke depan namun kita menumpu kepada Industri *E-Commerce* di CITEX dalam tempoh 2 tahun ini.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih kerana memberi laluan. Cukup maklum *Ecommerce* ini adalah *double age source* dengan izin di mana ia boleh membantu banyak peniaga kecil, contohnya pengeluar produk ini memasarkan produknya jauh luar daripada kampungnya tetapi bagaimana pula Kerajaan dengan semua program pembangunan usahawan ini membantu peniaga kecil di mana perniagaannya tidak *releven* lagi dalam era *Ecommerce*. Contohnya, kedai *handphone* yang kecil dulu dia boleh jual sedikit *handphone* tapi sekarang ramai orang beli *handphone online* kerana *economics of skills* di *online* tu jauh lebih murah. Contohnya, kedai komputer sekarang orang beli *laptop online* dia tak pergi kedai komputer untuk beli laptop jadi kedai komputer kecil pun akan hilang *business model* dia. Kedai runcit, banyak kedai runcit semakin tutup di kawasan-kawasan perumahan kami. Jadi bagaimana Kerajaan Negeri membantu usahawan-usahawan kecil ini untuk menukar perniagaan mereka.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat, sebab itu kita menambah nilai keperluan-keperluan usahawan-usahawan yang sudah semakin *outdated* dengan izin. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing tadi, sebab itu sebagai contoh, kita juga menawarkan selain daripada kita menjual telefon bimbit ataupun telefon genggam kita juga

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

menawarkan kepada mereka supaya mereka mempunyai kemahiran membaik pulih. Kemahiran untuk beberapa aksesori dan sebagainya yang boleh diuruskan secara mobile. Ia diuruskan dengan HIJRAH pada ketika ini. Sebagaimana mereka tidak hanya menjual telephone ataupun alatan-alatan lain seperti tambah nilai dan sebagainya tetapi mereka juga akan berkhidmat sebagai satu services bagaimana mereka boleh membaik pulih telephone-telephone yang sedia ada, bagaimana mereka boleh menambah topup-topup ataupun dengan izin tambah nilai-tambah nilai dengan lebih kreatif dan sebagainya.

Jadi melalui konsep pemasaran yang lebih baik bagaimana gapaian penggunaan sosial media sebagai alat pemasaran yang baik, saya kira ini sedikit sebanyak membantu mereka untuk kekal dalam dunia perniagaan dan mengelakkan *relevance* mereka dalam perniagaan dan bidang yang telah mereka ceburi. Terima kasih. Seterusnya saya ingin memberikan maklum balas berkenaan dengan daripada

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Minta celah.

**TUAN SPEAKER :** Ya. Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Terima kasih. Saya ingin. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas usaha untuk membantu usahawan yang khususnya *online* tetapi Teratai ingin nak tahu sama ada Kerajaan Selangor ada buat pemantauan khususnya bagi 100 usahawan yang terpilih daripada Kerajaan Selangor yang sepatutnya menjadi model untuk usahawan-usahawan yang lain ataupun anak muda lain untuk menceburi dalam bidang usahawan secara *online* ini sebab saya dimaklumkan bahawa mungkin ada satu dua yang hadapi masalah lepas tu macam mana Kerajaan Selangor dapat membantu mereka. Terima kasih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Untuk jawapan itu, saya memerlukan maklumat yang lebih spesifik daripada CITEX. Maklum lah CITEX pun di bawah Sungai Pinang, saya hanya menjawab sahaja. Nanti saya akan berikan kepada Teratai untuk maklumat itu, namun begitu rekodnya secara rekodnya saya percaya kita telah melahirkan lebih 200 usahawan-usahawan *E-Commerce* ataupun membuat, membantu mereka untuk memasarkan. Berbanding dengan agensi-agensi lain.

Saya ingin memberikan maklum balas berkenaan daripada Usul-usul yang dibangkitkan oleh Kuala Kubu Bharu. Khususnya dengan penglibatan NGO-NGO dan juga bagaimana daerah-daerah serta badan-badan yang terlibat ataupun yang berminat untuk membangunkan program untuk masyarakat India khususnya dalam program pembinaan upaya usahawan India 2018 nanti setelah kita mendapat peningkatan tiga kali ganda daripada satu juta kepada tiga juta pada tahun hadapan. Untuk makluman Kuala Kubu program pembinaan upaya usahawan masyarakat India merupakan program khas yang mula diperkenalkan pada tahun 2017.

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Walaupun kita mensasarkan sekitar 200 penglibatan usahawan-usahawan muda masyarakat India terutamanya dalam program ini. Namun begitu setelah kita mengubahsuai, merencana dan menyesuaikan dengan keadaan persekitaran sehingga Oktober tahun 2017 seramai 470 usahawan India telah dilatih. Ini merangkumi bidang gubahan bunga malai, aksesori wanita, pemakaian henna, henna ya, apa nama inai, inai, fotografi dan pembuatan kek ya.

Maknanya daripada sasaran kita 200 dengan anggaran kos sekitar lima ribu ringgit sekepala untuk latihan dan juga persediaan mereka dalam bidang keusahawanan kita telah melebarkannya kepada hampir 500 orang. Iaitu sekitar RM200.00 perhead dengan izin untuk setiap latihan dan juga persediaan keusahawanan-keusahawanan mereka. Sekarang ini, pada tahap ini, selepas ini bagi kita adalah bagaimana kita nak gabungkan dia dengan HIJRAH di mana mereka dilatih dan juga mampu diberikan suntikan-suntikan bagaimana merealisasikan. Ini lah yang saya sebutkan tentang *hard skill* ataupun tentang *soft skill* dan juga *life skill* yang saya sebutkan tadi. Apa ni, *soft skill* ialah bagaimana menguruskan perniagaan, akaun, berinteraksi, pemasaran dan sebagainya. *Life skill* ialah bagaimana membuat henna yang cantik, bagaimana memotong rambut yang baik, bagaimana kek yang baik, itu memerlukan *life skill* ataupun kemahiran-kemahiran dan kita gabungkan dua konsep ini, in shaa Allah kita akan gunakan kemahiran latihan yang sedia ada di kalangan NGO dan juga kemahiran perniagaan sebagaimana business-business player yang sedia ada supaya mereka bukan hanya dilatih menjadi orang yang terlatih membuat sesuatu. Itu melatih pekerja, sebaliknya kita hendak dia mampu membuat sesuatu dan mampu memasarkan produk-produk yang mereka buat ya seperti keropok yang mereka buat, muruku yang mereka buat ataupun kek yang mereka buat ataupun memotong rambut. Bukan bekerja dia memotong rambut tapi bagaimana mereka mampu membuka kedai rambut dan seterusnya memajukan khususnya untuk masyarakat yang sedia ada.

Untuk makluman Kuala Kubu juga sejajar dengan pencapaian usahawan tersebut, ini telah menunjukkan program tersebut telah mendapat penyertaan yang sangat baik dan mendapat maklum balas yang sangat baik daripada segi prosedur dan makluman selepas ini ya untuk tahun ini saya maklum ia masih lagi di peringkat awal. Kita belum dapat lagi melihat mungkin kesan-kesannya jadi awal tahun depan sekitar bulan Januari dan Februari saya akan sedia merangka program khas mungkin setiap DUN ada jumlah tertentu yang mereka perlu cadangkan atau boleh hantar ataupun ada mekanisma sebab kalau macam sekolah analogi yang cuba dibuat oleh Kuala Kubu ialah membandingkan kita dengan sekolah. Sekolah tetap, sekolah itu tetap ya maknanya sekolah ini di sini, tak ada sekolah baru, sekolah baru di buat mungkin dua tiga tahun, jadi kita boleh ada anggaran daripada awal tapi usahawan ni dia agak cair, sikapnya jadi ada yang di sana lebih banyak, ada yang di sini lebih banyak lebih baik kita mengambil sikap terbuka tidak berdasarkan kuota, sebaliknya berdasarkan prosedur yang lebih baik sebagaimana yang kita laksanakan dalam usahawan mikro, prosedurnya saban tahun boleh orang daftar,

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

setiap bulan kita bermesyuarat, setiap bulan penghulu berada di bawah untuk memeriksa mungkin prosedur ini juga boleh diguna pakai untuk proses pemilihan usahawan-usahawan India sebagaimana yang telah kita laksanakan.

Itu berkenaan dengan usahawan Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin memberi maklum balas pula berkenaan dengan beberapa aspek ataupun perkara yang dibangkitkan dalam bidang kebudayaan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk tahun hadapan sebenarnya berdasarkan daripada maklum balas dan juga daripada cadangan-cadangan yang telah kita kemukakan dan kita bangkitkan. Kerajaan Negeritelah menambah program pembangunan kebudayaan daripada RM 2.7 juta kepada RM 5.2 juta ini adalah satu peningkatan yang sangat-sangat besar sebenarnya. Beberapa tahun lepas peruntukan untuk kebudayaan kita sekitar RM 500 ribu. Saya telah berjaya menaikkan sekitar RM 1.5 juta pada tahun 2015 dan meningkat hampir 3 juta tahun 2017 dan sekarang kita telah sampai peruntukan lebih kurang RM 5.2 juta. Selain daripada program-program yang dibangkitkan oleh beberapa cadangan yang dibangkitkan sebenarnya kita ada program khusus ya. Saya nak maklumkan di sini kita ada Program Dana Seni Selangor berjumlah RM 1.5 juta. Dana Seni Selangor ini merujuk untuk Badan-badan Bukan Kerajaan, Individu dan Kelompok seperti PAKSI ataupun Majlis Kebudayaan Negeri yang dibangkitkan boleh memohon progam-program berdasarkan daripada yang difikirkan sesuai untuk pelaksanaan-pelaksanaan program yang kita buat. Kita sedia bincang dan dana ini untuk seterusnya melihat bagaimana pembangunan generasi muda keterlibatan mereka dalam bidang kebudayaan dan ini juga termasuk peruntukan untuk filem-filem festival Hulu Klang sebab filem-filem festival kita telah sumbangkan RM100,000.00 saban tahun namun begitu saya berpandangan konteks filem festival yang bermula sejak tahun 2003 lagi. Yang telah bersama saya, yang bersama-sama mereka sebenarnya sejak masa ketika saya menjadi aktivis mahasiswa dan aktivis masyarakat ketika tahun 2004 dan tahun 2005 lagi bersama-sama dengan mereka. Sudah sampai masanya saya kira supaya kelompok ini mengembangkan aspek-aspek komersial dalam pembuatan filem mereka. Kita nak filem yang ada nilai komersial tetapi dalam masa yang sama syarat atau dipenuhi dengan nilai-nilai dan aspek-aspek yang ingin dikembangkan tentang hak asasi, tentang hak masyarakat dan sebagainya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:**

Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Pendekatan itu hanya boleh berlaku sekiranya kita berada di Putrajaya. Isu FINAS ini sangat mendalam. Mereka tidak boleh terbitkan dokumentari filem dan sebagainya kerana tuntutan penapis. Satu lagi saya ingin ketengahkan, saya ingin bertanya adakah dari segi "software", dari segi produk, kajian daripada itu perlu sokongan di antara pengajur filem-filem festival dengan Kerajaan Negeri. Contohnya kita buat satu tema bertajuk tentang

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

hak asasi dan sebagainya di Selangor dan kita nak terapkan sebagai filem dokumentari yang mendidik rakyat Selangor. Adakah rancangan masa depan?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Saya sedia berbincang dengan pihak terbabit untuk mengetengahkan aspek itu namun saya melihat bagaimana filem-filem yang mereka nak bawakan itu mungkin ada halangan-halangan tertentu atau kekangan tertentu bagi saya berpandangan sudah sampai masanya untuk mereka keluar daripada “comfort” zon. Apa yang mereka laksanakan selama ini 1,000 ini memang kita sedia ada namun saya sedia menambah jika mereka bersedia untuk menambah nilai komersial mereka supaya mereka boleh memasarkan produk mereka. Saya percaya apa “kalipto” cinta tentang masyarakat orang asal di Afrika atau zon yang dibuat itu mampu dipasarkan di peringkat dunia. Kita juga boleh membawa tentang masyarakat kita tentang isu setempat yang saya percaya kalau dibuat atau di kelas dengan betul dia boleh dipasarkan di peringkat dunia itu pandangan saya terhadap kelompok filem ini. Namun yang sedia ada kita bolehkekalkan tapi kita bersedia untuk menambah kalau ada cadangan yang baik kepada mereka.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** Terima kasih Tuan Speaker, saya nak bagi pandangan dan juga cadangan meminta EXCO jawab sekarang di dalam Negerikita telah kutipan cukai hiburan dan berbagai-bagai cukai tapi saya boleh kategorikan separuh kutipan itu sebagai sintek. Di negeri-Negerimaju itu sintek ini digunakan untuk kebudayaan dan juga untuk majukan macam filem festival dan sebagainya. Adakah tidak saya nampak dalam bajet kita kutipan cukai hiburan sampai RM59 juta kalau tidak silap saya “plus minuslah” yang saya baca. Berapa peratus dari cukai hiburan itu digunakan balik di dalam segi industri filem atau untuk di dalam filem festival ke ataupun di dalam segi kebudayaan. Bukan sahaja filem kebudayaan “Art” Festival pun boleh gunakan teks ini untuk majukan pendapatan di dalam negeri.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Saya rasa berkenaan dengan teks-teks ini di luar bidang kuasalah, saya hanya menerima peruntukan daripada “government” dan melaksanakannya, saya kurang pasti itu kerana PWN pun tidak ada jadi susah. Setahu saya memang teks cukai-cukai hiburan ini tidak dikutip sepenuhnya oleh pihak Kerajaan Negeritapi ada cukai hiburan seperti panggung wayang dan sebagainya. Itu ada seperti pusat-pusat seperti pusat taman tema dan sebagainya itu ada pungut dan itu ia dipulangkan balik dan dalam bentuk dalam kebanyakannya ia dipulangkan balik dalam bentuk infrastruktur dan sebagainya. Itu saya rasa Menteri Besar kena jawablah, saya tidak boleh jawab secara khusus. Baik saya juga tertarik dengan cadangan dengan Kuala Kubu ataupun pandangan Kuala Kubu berkenaan dengan Pusat Penulisan yang kita ingin buatkan di Kuala Kubu yang mengambil semangat daripada konsep bekas Allahyarham Hirman Rasyid seorang penulis dan seorang seniman dan juga seorang penulis dan

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

wartawan yang sangat disegani yang baru meninggal baru-baru ini. Konsep ini sebenarnya kita hampir sama dengan impian program yang pernah dihadiri oleh beliau sendiri iaitu International Writing Program di IOI University. Program ini mengumpulkan penulis-penulis serata dunia dan di sana mereka melatih dan dididik serta mengetengahkan tulisan-tulisan baru mereka untuk mereka pasarkan. Dan Hirman di antara rakyat Malaysia yang pernah dipanggil untuk program tersebut dan dia mengembangkan konsep itu di Kuala Kubu dan sebab itu Kerajaan Negeri mengambil sikap ini dan kita nak ajak kelompok-kelompok muda dan generasi muda sama-sama dalam melatih mereka menjadi penulis-penulis yang kompetitif dan berdaya saing. Sebenarnya ini bukan perkara baru yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri. Untuk rekod Kerajaan Negeri telah melaksanakan program membantu sekitar RM100 sehingga RM150,000 kepada Sasterawan Negara daripada Selangor iaitu Dr Anuar Riduan untuk menerbitkan semula dan menerbitkan karya-karya besar mereka. Mereka terbitkan dan mereka pasarkan dan dalam masa yang sama Kerajaan Negeri juga memberi ruang kepada penulis-penulis muda melalui Anugerah Sastera Selangor Kini pada tahun 2015 dan akhir tahun ini kita akan laksanakan lagi Anugerah Sastera Selangor iaitu kita akan cuba mengetengahkan karya-karya seperti teks, seperti puisi, seperti cerpen yang ada di dalam Selangor Kini itu yang kita bukukan dan kita tawarkan hadiah bagi mereka yang terbaik. Tapi beza dengan tempat-tempat lain kita “*life*” sensitif dalam isu politik dan sebagainya. Maknanya ada beberapa-beberapa kritikan-kritikan yang keluar pun dalam konteks seni tersebut kita benarkan dan dia dihargai kerana pada pandangan juri dalam siri yang lepas kita lihat keterbukaannya kita itu mampu membincang ruang spektrum yang lebih luas menjadikan Anugerah Sastera Selangor Kini sebagai satu Anugerah Sastera walaupun baru satu tahun atau dua tahun kita mampu duduk bertapak untuk mendapat kelompok-kelompok penulis yang agak “*stable*” ataupun yang agak mampan dengan izin dan maju. Untuk rekod juga saya nak maklumkan di sini.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan  
Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Sasterawan ini saya faham tetapi ini adalah golongan bumiputera Melayu yang selalu adakan sasterawan dan sebagainya. Tetapi di dalam Negeri Selangor kita ada bahasa Manderin dengan bahasa Tamil, tulisan-tulisan dalam bahasa Tamil dan tulisan-tulisan dalam bahasa Manderin juga. Boleh kita bersama-sama mendapatkan sedikit pengiktirafan atau “*recognizes*” mereka yang maju di dalam bidang ini.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Saya cukup faham tentang hal tersebut namun begitu kita memberikan sedikit keutamaannya sesuai dengan dasar kebudayaan kebangsaan yang pertama. Yang ke duanya juga kita nak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantara di kalangan masyarakat. Namun begitu

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

kalau ada seniman, artis Malaysia asal Selangor yang maju dalam bidang mereka kita ada juga dana pengupayaan Seniman Selangor tahun depan RM1 juta. Di mana kita nak bawa seniman-seniman bersaing di peringkat global mungkin ada yang boleh pergi ke Hollywood untuk filem Tamil, Bollywood atau pun ada yang pergi Hollywood atau boleh pergi ke tempat yang lain. Bidang lukisan sebagai contoh “*field Art*” dan sebagainya, ini kita akan bawa dan Inn Shaa Allah saya sedia menerima cadangan-cadangan khususnya untuk yang lain. Untuk rekod juga saya nak sebutkan di sini Kerajaan Negerimelalui Institut Terjemahan Darul Ehsan ataupun Institut Buku Darul Ehsan (DEP). Kita telah terbitkan lebih daripada 15 buah buku iaitu buku-buku terjemahan. Bagi saya ini satu perkara yang patut disokong oleh semua dan semalam saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat dapat buku yang telah diberikan. Ada 15 buah buku yang meliputi pelbagai aspek yang menambah “*compressed*” dengan izin atau bahan bacaan di kalangan masyarakat kita yang khususnya yang berkaitan dengan pembangunan kenegaraan yang berkenaan dengan kemanusiaan, yang berkaitan dengan agama. Sebagai contoh kita terbitkan buku Iman In Paris, Imam Qardawi dengan terjemahannya Iman In Paris. Sebagai contoh kita terbitkan keadilan sebagai kesaksamaan, “*Justify of fames*” karya John Rolls yang saya rasa menjadi rujukan dan di peringkat dunia khususnya melihat aspek-aspek kenegaraan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih semalam kami terima satu kotak besar buku, diucapkan terima kasih kepada Kerajaan, EXCO, inisiatif itu satu inisiatif yang baik. Boleh tak kita adakan satu wacana daripada dua buku untuk meningkatkan tahap kehebatan politik Ahli Dewan Negeri.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih saya rasa langkah seterusnya ini kita akan bawa tahun depan kita ada beberapa wacana ataupun siri syarahan kebudayaan Negeriyang tahun ini kita buat dalam satu ataupun dua inn shaa Allah kita jadikan buku ini sebagai platform ataupun wacana nak bincangkan. Tahun depan sebagai contoh kita akan terbitkan buku Almuskisminaldolal. buku yang ditulis oleh Iman Al-Qazaly berkenaan dengan falsafah dan keceluaran falsafah. Ada juga buku yang berkenaan falsafah dan sini saya rasa ia menambah nilai masyarakat dan usaha kerja rakyat NegeriSelangor menambah buku-buku di perpustakaan-perpustakaan Negeriyang boleh dijadikan rujukan kepada masyarakat. Contoh buku-buku tahun depan kita nak terbitkan buku Meditation on First Philesephy oleh Rene Descartes ini sebagai contoh rujukan-rujukan “*primary*” untuk festen Philrscphy dengan izin yang menjadi asas kenegaraan pada masa ini. Dan penerbitan-penerbitan buku seperti ini saya kira patut disokong dan dibantu dikayakan lagi ini sebahagian daripada aspek pembangunan kebudayaan Negeriyang bukan melibatkan harian, senian, pelakon dan sebagainya. Tapi buku dan pemikiran sebagai aspek yang harus diberikan sokongan. Saya kira itulah sedikit sebanyak yang dibangkitkan oleh ahli-ahli dewan, saya ucapkan terima kasih lain-lain perkara yang spesifik mungkin saya boleh jawab secara bertulis, terima kasih.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih Batu Caves, Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian yang telah memberi pandangan, teguran dan banyak lagi dalam hal yang berada di dalam jawatankuasa di bawah seliaan saya. Terutamanya terima kasih kepada Yang Berhormat Teratai yang bertanyakan tentang menaikkan kemiskinan bandar dan cadangan supaya syarat-syarat kelayakan program bantuan ini dipertingkatkan bagi membantu penduduk di bandar mempunyai pendapatan seisi rumah yang melebihi RM1,500. Kerajaan Negerimenyambut baik segala syor dan cadangan dalam membantu meringankan bebanan golongan miskin bandar. Oleh itu cadangan untuk meningkatkan syarat kelayakan bagi setiap program bantuan Kerajaan Negeri melebihi pendapatan seisi rumah RM1,500 ke RM3,000 ini diambil maklum dan akan diteliti semula akan kesesuaian pelaksanaannya. Dalam pada itu terima kasih juga kepada untuk makluman kepada Yang Berhormat menanyakan tentang program Kerajaan Prihatin, peruntukan yang agak rendah. Untuk makluman Yang Berhormat Teratai program Kerajaan prihatin telah diperuntukkan sebanyak RM1 juta sebelum ini. Namun bagi tahun 2018 ia telah dipertingkatkan kepada RM1.5 juta peruntukan ini adalah bagi menanggung pembinaan baru rumah dan baik pulih rumah bagi sembilan buah daerah di seluruh Selangor. Bagi melancarkan lagi program Kerajaan prihatin, Kerajaan Negeri juga turut menerima sumbangan daripada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor seperti PNSB, seperti KSSB, PKNS dan PKPS. Tuan Speaker dalam pada itu untuk makluman Yang Berhormat Permatang yang menanyakan tentang Kerajaan Prihatin memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta dan program subsidi tambang bas sekolah dan juga pekerja-pekerja ladang warga asing dan sebagainya. Untuk Yang Berhormat Permatang, program Kerajaan Prihatin adalah merupakan program yang membantu rakyat miskin dalam mendapatkan rumah baru dan membaiki rumah sedia ada. Seperti yang telah saya nyatakan RM1.5 juta diperuntukkan untuk tahun 2018. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang dituju kepada program pendidikan anak-anak pekerja ladang dan program pekerja ladang. Di mana program subsidi tambang bas sekolah diberikan kepada anak-anak pekerja ladang melalui permohonan yang dikemukakan oleh Persatuan Ibu bapa dan Guru bagi sekolah masing-masing. Secara amnya permohonan ini diberikan kepada anak-anak pekerja ladang yang ibu bapa berpendapatan rendah yang disyorkan oleh PIBG sekolah masing-masing. Pengesahan pendapatan ini dibuat oleh pihak PIBG masing-masing melalui sekolah mereka, pemberian ini membantu meringankan bebanan kos pengangkutan ke sekolah bagi anak-anak mereka. Sehingga kini program pendidikan anak-anak pekerja ladang telah berjaya membantu 2,738 bagi tahun 2017 dengan pecahan seperti berikut 1,871 pelajar bagi program subsidi tambang bas sekolah, 66 pelajar bagi bantuan yuran pengajian dan 241 pelajar bagi Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan UPSR. Turut dibangkitkan adalah monopoli pekerjaan asing yang kian meningkat di ladang-ladang di Negeri Selangor secara amnya pengambilan pekerja asing oleh syarikat-syarikat atau majikan di ladang-ladang di Selangor. Saya

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

percaya ini adalah luar bidang kuasa Kerajaan Negeri Selangor namun perlu disedarkan daripada pemerintahan di Putrajaya kini. Mereka begitu ianya membawa masuk warga asing khususnya dalam ladang-ladang saya percayai membawa satu impak negatif yang sangat besar dan juga telah melidahkan peluang pekerjaan kepada anak muda daripada semua bukan sahaja warga satu kaum di negara Malaysia ini. Semua Negeripun sedang menghadapi masalah ini dengan kebanjiran warga asing yang telah monopoli semua ladang bukan setakat ladang, kilang-kilang dan sebagainya. Saya percayai isu ini dapat di kawal sekiranya Akta Buruh ini dapat di selaraskan secara baik dan juga Akta Gaji Minimum patut diselaraskan dengan baik. Dengan itu sahaja daripada saya.

**TUAN SPEAKER :** Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAJMI BIN AHMAD :** Assalamualaikum dan Salam Sejahtera Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang turut serta dan membangkitkan isu-isu yang ada di bawah Portfolio saya. Pertama Taman Medan ada bangkitkan tentang bantuan kepada KAFA Integrasi pinang tunggal dan juga Integrasi Al-Islam. Untuk maklumat bagi KAFA Integrasi pinang tunggal bagi tahun 2015 kita telah memberi bantuan sebanyak RM15,000, 2016 sebanyak RM15,000 dan 2017 sebanyak RM5,000. Bagi KAFA Integrasi Al-Isiah tahun 2015 sebanyak RM5,000, 2016 RM25,000 dan 2017 sebanyak RM5,000. Namun begitu sekiranya ada apa-apa keperluan khas atau pun mendesak yang melibatkan keselamatan atau pun keselesaan pelajar pihak Ahli Dewan Negeri boleh mengemukakan permohonan program bantuan melalui sekolah dan membentangkan secara terperinci pada Mesyuarat penilaian bantuan sekolah untuk dilaksanakan pada tahun akan datang. Kita akan buka permohonan awal pada awal tahun depan. Ah..ya

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Adakah pembinaan bangunan baru boleh dikemukakan permohonan?

**Y.B. TUAN NIK NAJMI BIN AHMAD :** Boleh, sebarang perbelanjaan melibatkan infrastruktur atau pun kemudahan sekolah boleh dimasukkan dalam permohonan. Kita cuma tidak membantu misalnya perjalanan program atau pun membayar gaji itu tidak masuk di dalam bantuan Sekolah yang berjumlah RM24 juta di dalam belanjawan akan datang. Seterusnya Yang Berhormat Teratai ada membangkitkan tentang bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat Kampung Cheras Baru yang menurut beliau belum menerima sebarang bantuan program bantuan sekolah Negeri Selangor. Jadi seperti mana kita sedia maklum pihak-pihak Sekolah dimaklumkan tiap-tiap tahun untuk permohonan ini dan mereka boleh membuat permohonan dengan memuat turun borang yang ada di laman web Kerajaan Negeri apabila tawaran di buka nanti. Jadi mungkin sekiranya pihak Yang Berhormat Teratai nak bantu untuk sampaikan borang dan menyampaikannya semula kepada pihak Kerajaan Negeri, kita alu-alukan.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Seterusnya Yang Berhormat Sabak membangkitkan tentang pusat Iljis dan untuk maklumat pihak JKR sedang menjalankan siasatan forensic terhadap kekuahan struktur bangunan Iljis dan sebarang perancangan seterusnya terhadap penggunaan bangunan tersebut adalah bergantung kepada laporan terakhir oleh pihak JKR. Jika bangunan tersebut dapat di selamat untuk digunakan maka ia akan digunakan sebagai satu pusat latihan awam.

Seterusnya Yang Berhormat Bukit Gasing ada membangkitkan tentang program persijilan tivet di Negeri Selangor selaras dengan komitmen besar Kerajaan Negeri untuk program tivet atau pun teknikal dan vokasional untuk tahun depan. Untuk makluman semua program-program yang dijalankan oleh Kolej Inspens adalah program-program yang diiktiraf oleh Jabatan Kemahiran Malaysia JPK. Selain itu program-program yang disediakan oleh Selangor *Human Resource Development Center* (HRDC) dengan izin mendapat pengiktirafan daripada beberapa BADAN antarabangsa termasuk HWK Arkan daripada German dan juga Boxhill Institute daripada Australia. Jadi ini semua persijilan-persijilan yang diiktiraf oleh pihak industri dan tidak mempunyai masalah untuk bekerjasama dengan sektor industri dan tentang program apprenticeship atau pun apprentice untuk program ini kita sudah ada satu program yang dinamakan *Internship for high impact talents* yang mana pelajar-pelajar daripada bidang STEM daripada UNISEL kejuruteraan dan sebagainya didedahkan dengan kompetensi Industri sebelum melangkah masuk ke alam pekerjaan. Kita juga ada program YEZ Selangor yang mana kita adakan kemahiran program peningkatan perkhidmatan belia bersama sektor industri seperti Continental Tyre Petaling Jaya, Antahship Sdn Bhd, Top Glove Holdings, GE Engine Services, M Sdn Bhd. dan beberapa syarikat lain yang melabur di Negeri Selangor. Dan kita memberi tumpuan kepada Sektor Teknologi yang competitive yang ada di Negeri Selangor. Selain itu juga Kerajaan Negeri

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Sebelum ke Isu seterusnya, program apprenticeship yang dijalankan adalah mereka yang melalui kursus TIVET, Internship lain dia lain untuk pelajar UNISEL itu, itu lain tapi bagus tapi itu lain mereka yang belajar trade-trade seperti membaiki air-con, membaiki motosikal, mereka perlu juga *go through* latihan praktikal di mana kita perlu memberi insentif kepada pengamal sedia ada untuk membawa mereka dan melatih mereka. Jadi dia berbeza dengan Internship dengan Syarikat besar seperti yang disebut tadi. So harap dia juga akan diberi sedikit perhatian.

**Y.B. TUAN NIK NAJMI BIN AHMAD :** Untuk makluman apa yang saya telah jelaskan tadi yang I-HIT tadi itu *Internship for High Impact Talents* itu memang graduan-graduan UNISEL tetapi yang YEZ Selangor itu untuk belia secara umum lepasan SPM dan mereka dikaitkan pun diletakkan, di Syarikat-syarikat yang telah saya namakan tadi. Itu memang terbuka sebagai satu program kemahiran dan saya setuju buat masa ini misalnya INSPENS ada kerjasama dengan Perodua di mana

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

kita adakan kolobrasi dengan pihak Perodua dan kita akan lihat bagaimana kolobrasi itu dapat diteruskan dan begitu juga apabila ada pelaburan di dalam bidang Arrow Angkasa dan sebagainya dan di Negeri Selangor kita meminta bukan semua bidang ini memerlukan graduan. Ada yang memerlukan orang yang kemahiran tinggi dan kita minta agar pelajar-pelajar dari Institusi kita diberi pendedahan terhadap bidang-bidang tersebut. Dan selain daripada itu juga Kerajaan Negeri memang menekankan aspek inovasi, kreatif dan juga komunikasi yang berkesan dan juga semangat kerja yang baik di kalangan pelatih-pelatih Industri yang ada di Negeri Selangor. Untuk makluman jumlah perbelanjaan untuk sektor pendidikan tinggi termasuk latihan secara keseluruhan adalah berjumlah RM101 juta di dalam Belanjawan 2018 dan kita memberi penekanan buat pertama kali secara besar-besaran di dalam bidang TVET yang berasaskan *highly automated process* dengan izin dan juga *highly skilled labour*. Kita juga akan sebagai respons kepada apa yang dibangkitkan oleh Bukit Gasing tadi kita juga akan mengadakan pendidikan trial vokasional yang merangkumi pendidikan formal perintisan atau apprenticeship dan juga persijilan kemahiran dalam satu kurikulum pembelajaran yang holistic. Dan inilah menerusi program IKTISAS yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar program YEZ dan beberapa program yang lain dan tentang cadangan-cadangan yang lain kita akan kaji bagaimana kita dapat tambah baik program teknikal dan vokasional kita. Seterusnya Yang Berhormat Teratai ada membangkitkan tentang perpustakaan di DUN Teratai dan juga Perpustakaan Bergerak. Untuk makluman dalam Rancangan Malaysia Kesebelas antara 2016 hingga 2020 peruntukan bagi menaik taraf Perpustakaan Pekan dan Perpustakaan Desa adalah Pekan sebanyak RM1.6 juta dan membina perpustakaan Desa baru RM2.25 juta dan menaik taraf Perpustakaan Desa RM5.5 juta. Bagi DUN Teratai kita sedang menaik taraf Perpustakaan Komuniti di Taman Mawar sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dan bagi tambahan Perpustakaan baru di DUN Teratai kita akan mengambil kira beberapa aspek termasuklah adanya tapak kepadatan penduduk dan juga peruntukan yang ada di pihak Perpustakaan. Dan bagi Perpustakaan Bergerak telah diperuntukkan sebanyak RM750,000 di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan pembelian Perpustakaan Bergerak ini telah dilakukan pada tahun 2016.

Dan seterusnya Yang Berhormat Selat Kelang ada membangkitkan tentang Perpustakaan Daerah Klang dan ini saya ingat satu soalan kegemaran Yang Berhormat Selat Kelang. Memang kita tahu bagi Daerah atau pun Bandar Di Raja dengan satu Daerah yang begitu padat penduduk Perpustakaan Daerah Klang yang ada di Jalan Tengku Kelana buat masa ini bukan pada tapak yang sesuai. Ia hanya berkeluasan 0.871 ekar, pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor sedang berusaha mencari tapak yang bersesuaian dan akan bekerjasama dengan Pejabat Daerah dan Tanah untuk mencari mana-mana tapak kosong yang di peruntukan sebagai tapak Persekutuan di dalam kebenaran merancang atau mana-mana tapak yang boleh diwartakan sebagai tujuan perpustakaan. Sekiranya kita dapat

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

selesaikan isu ini Perbadanan Perpustakaan akan memasukkan ini dalam cadangan untuk tahun 2019.

Bagi Yang Berhormat Taman Medan ada bertanya tentang naik taraf Perpustakaan pekan, susunan buku yang terlalu banyak ubah suai kafe dan aktiviti cuti sekolah. Untuk makluman Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah menaik taraf Perpustakaan Pekan seperti berikut iaitu Perpustakaan Pekan Hulu Bernam, Sekinchan, Sri Manja dan Semenyih dan beberapa Perpustakaan Pekan yang akan di naik taraf adalah Perpustakaan Pekan Bestari Jaya dan Perpustakaan Pekan Dataran Sabak.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Bilakah dia naik taraf Perpustakaan Pekan Sri Manja sebab nampaknya macam serupa tak ada perbezaan daripada asal.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD :** Saya akan semak semula sebab dia tak spesifikasikan apa ini tarikh di sini tetapi dimaklumkan oleh Perbadanan Perpustakaan bahawa ia telah dinaik taraf. Saya akan semak semula berdasarkan respon Yang Berhormat Taman Medan tersebut. Tentang susunan buku di perpustakaan komuniti Sri Manja tersebut kita mencadangkan penyelesaian seperti berikut:-

Melaksanakan pinjaman berkelompok ke Sekolah Tadika dan tempat-tempat lain dan menaikkan jumlah pinjaman buku maksimum kepada 10 naskhah setiap pengguna. Mungkin ada perpustakaan lain yang bermasalah tak cukup buku tetapi di Perpustakaan Sri Manja ini dia nikmatnya banyak sedikit buku yang agak terlebih banyak jadi Perbadanan Perpustakaan juga mengalu-alukan sekiranya ada pengusaha tempatan yang ingin mengendalikan kafe di perpustakaan berkenaan dan mereka boleh menulis secara langsung kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan kita juga memang ada jadualkan program-program yang bersesuaian ketika musim cuti persekolahan dan sebagainya dan mungkin kita boleh buat kolobrasi yang lebih teratur dengan pihak pejabat DUN untuk kita adakan program-program di sana. Seterusnya sebab ini tentang *job center* yang telah pun dijawab sebahagian besar oleh Yang Berhormat Batu Caves. Dan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing. Saya cuma ingin menjawab, pertama, memang daripada segi kita dah laksanakan *job fare* ataupun program jom kerja, yang sangat popular. Kita telah adakan di seluruh Negeri Selangor. Dan, yang, kita ada buat yang berpusat pada tahun lepas di IDCC, yang melibatkan 5,800 jawatan kerja kosong dan menerima 10,000 pengunjung. Kita juga, memang amalan *job center*, satu amalan yang lazim bagi negara-negara lain yang ada *welfare state*, negara berkebajikan. Dan kita, mungkin kita boleh mengkaji salah satu opsyen lain, selain daripada menggunakan penggerak belia tempatan, ialah kita bekerjasama dengan pihak PBT. Sebab, misalnya setiap syarikat mesti memperbaharui lesen perniagaan. Mungkin kita boleh minta mereka *detail* tentang keperluan pekerjaan mereka dan

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

sebagainya. Dan itu dapat membantu. Yang tentang kod dan sebagainya, saya ingat itu dah dijawab oleh Yang Berhormat Batu Caves.

Yang Berhormat Bukit, Yang Berhormat Hulu Kelang ada bertanya tentang pinjaman jenis perniagaan, utama peserta yang berjaya mendapat pinjaman HIJRAH, bagi rangsangan kerjaya rakyat Selangor ataupun RKRS. Dan untuk makluman, bagi tahun 2017, statistik terkini kita, 30% daripada mereka menjalankan perkhidmatan penyaman udara, 20% solekan profesional, 10% percetakan, 10% bakeri, 5% bekam, 5% gubahan bunga, 5% perkhidmatan gunting rambut, 5% ayam gunting, 5% minuman kopi, dan 5% burger.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Penjelasan sikit.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : ya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Yang solek itu, adakah wanita semua dan yang gunting rambut itu apakah lelaki semua.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : yang itu saya kena semak balik dengan agensilah. Tentang jantina ataupun gender, apa tu, penerima bantuan dan yang telah berjaya ini. Seterusnya, Yang Berhormat Damansara Utama bertanya tentang SSDU dan perancangan inisiatif. Kita kena bergerak mengatasinya hanya ada *blueprint*, tetapi melaksanakan aplikasi-aplikasi tertentu. Untuk makluman, sebenarnya, *Smart Selangor* itu hanya dinyatakan pada November 2015, dan SSDU ditubuhkan pada April 2016. Dan antara beberapa, bagi tahun 2018, ini merupakan beberapa inisiatif utama yang nak kita laksanakan di peringkat SSDU. Pertama ialah sistem *Smart Parking*, kedua ialah hentian bas pintar, untuk bas *Smart Selangor*. Dan ketiga ialah penambahbaikan sistem *intelligence response* Selangor. Ini menambah baik, misalnya laporan pengguna waze, yang ada pada hari ini. Dan juga beberapa aplikasi yang lain. Kita juga nak melaksanakan apa yang dipanggil *community opinions online* ataupun *COOL*, yang akan meningkatkan kadar *citizen engagement*. Sekarang dimulakan di tiga DUN untuk pilot projek. Tetapi untuk tahun depan kita nak laksanakan di 56 DUN yang akan membolehkan ada *interface* dengan sistem aduan yang sedia ada di Negeri Selangor. Dan kita juga akan menambah opsyen bahasa pilihan Mandarin sebelum kita nak tambah bahasa-bahasa yang lain. Sekarang yang ada bahasa Melayu sahaja di dalam sistem *COOL* ini.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Kg Tunku minta. Sila Kg Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya mengalu-alukan cadangan daripada Kerajaan untuk menambahbaikkan sistem aplikasi ini. Tadi kita telah pun menerima jawapan bahawa service level agreement yang dipersetujui antara PBT dan waze adalah 5

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

hari bekerja untuk mengatasi masalah ini. Saya ingin bertanya adakah Kerajaan mempunyai statistik yang menunjukkan bahawa adakah tempoh 5 hari untuk mengatasi masalah lubang jalan ini telah pun diikuti sepenuhnya oleh PBT. Dan sekiranya ada, adakah, sekiranya tidak ada, adakah ia juga akan dimasukkan ke dalam apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat nanti. Saya mohon jawapan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Saya ada lihat angka tersebut tetapi saya tidak ada di dalam bersama dengan saya sekarang. Jadi mungkin saya beri secara bertulis kepada Yang Berhormat. Seterusnya kita juga akan memperbaiki sistem pengurusan trafik menerusi penggunaan CCTV dan juga aplikasi waze. Dan penambahbaikan *Smart Selangor Command Center*, dengan izin SSCC, menerusi pemantauan CCTV, kualiti air sungai dan pembuangan sampah haram di sepanjang sungai. Lampu isyarat, lampu jalan dan keadaan aliran trafik. Kita juga, ini juga, satu perkara yang lama, yang saya pun dah lama diminta oleh Dato' Menteri Besar ialah untuk konsolidasi inisiatif peduli rakyat ataupun IPR. Sekarang banyak info-info itu berterabur, tidak ada data base yang sentral dan tidak dapat digunakan ataupun di akses oleh rakyat mahupun wakil rakyat. Jadi kita mahu konsolidasi perkara ini supaya rakyat tidak perlu hadir ke banyak agensi, dan juga ataupun pergi ke pejabat ataupun pusat khidmat berulang kali untuk mendaftar bagi sesuatu program. Dan kalau kita nak, sebaik-baiknya nak mansuhkan terus permohonan secara manual. Opsyen itu ada bagi mereka yang mungkin tidak ada Internet tetapi kita, bagi mereka yang ada pilihan kita nak gunakan sepenuhnya di atas talian. Kita juga akan memperkenalkan *smart cctv*, juga menjawab soalan Yang Berhormat Teratai, yang mana ia adalah sistem pintar yang menggunakan enjin kognitif yang akan membolehkan *cctv* di bawah seliaan PBT-PBT, dipantau secara automatik tanpa perlu melibatkan ramai pegawai ataupun kakitangan. Misalnya dia akan detect motion ataupun pergerakan dan sebagainya. Jadi ia membuatkan lebih efisien, untuk pemantauan keselamatan dan sebagainya. Bagi menjawab pertanyaan Teratai anggaran belanjawan inisiatif.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : soalan..

**TUAN SPEAKER** : Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Ya, saya nak minta penjelasan daripada Y.B. Exco. Bilakah yang aplikasi *smart parking* itu akan siap. Sebab itu sangat *urgent* dan yang kedua adalah *the cognitive smart cctv* yang untuk saya, dalam pengetahuan saya, sebab kawasan saya ada buat pilot projek. Ia sangat mahal. Kalau kita nak buat seluruh Selangor memang, memang, I think is not possible, in term of cost. Dengan izin. Apakah rancangan Kerajaan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Tentang *smart parking*, itu saya pun, sebab saya kena dapat notis untuk jawab secara spesifik jawapan tersebut. Tetapi tentang cost *smart cctv* ini, kita sebagai saya cakap kita akan mulakan dengan

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

program pioneer ataupun program perintis dahulu di beberapa tempat sebelum kita luaskan di seluruh negeri. Jadi kita akan melihat di hot spot-hot spot tertentu untuk kita mulakan perkara tersebut. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Teratai, anggaran belanjawan inisiatif smart Selangor adalah termasuk smart safety and security, yang menjurus kepada penambahbaikan kualiti keselamatan melalui inisiatif smart cctv dan perimeter fencing. Projek perintis, sebagaimana tadi yang dibangkitkan yang dijalankan di damansara utama dan sebagainya akan diperkembangkan di lain-lain kawasan di NegeriSelangor. Dan kita memang hendak memberi fokus antara lain ialah kepada keselamatan wanita dan kanak-kanak yang ada. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih Seri Setia. Sebelum saya serahkan kepada Exco, seterusnya saya ingin buat sedikit alu-aluan, dewan ini, hari ini mengalu-alukan kehadiran Jabatan AMAL Selangor, ke dalam Sidang pada pagi ini. (TEPUK) Iaitu sebuah NGO yang aktif dalam kerja-kerja amal dan kebajikan di Selangor dan seluruh negara. Selamat Datang. Silakan Sementa.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Dewan Negeriyang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan. Kg Tunku, Yang Berhormat Kg Tunku telah bertanyakan tentang prestasi kebajikan NegeriSelangor. Untuk makluman ahli semua Ahli Dewan, jumlah bantuan di bawah Kerajaan NegeriSelangor,untuk kebajikan rakyat secara keseluruhan bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM309,148,763.00, yang merangkumi pelbagai manfaat kebajikan dan inisiatif peduli rakyat. Meliputi semua peringkat usia dan golongan dari lahir sehingga kepada manfaat kematian. Dan sehingga kini sebanyak 42 program-program inisiatif peduli rakyat yang telah dilaksanakan. Kesemua inisiatif peduli rakyat yang disediakan oleh Kerajaan Negeriuntuk manfaat warga Selangor terbukti keberkesanannya dalam membantu membasi kemiskinan. Menurut laporan penyiasatan pendapatan isirumah dan kemudahan asas tahun 2016 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar kemiskinan di Selangor telah menurun daripada 0.2%, pada tahun 2014 kepada sifar ataupun 0% pada tahun 2016. Ini juga membuktikan bahawa program-program IPR yang dilaksanakan sejak tahun 2008 memberikan impak yang positif dan menunjukkan keberkesanan dalam membantu Kerajaan Negerimembasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup penduduk di Negeri Selangor. Yang Berhormat Bukit Gasing mencadangkan agar ditubuhkan Yayasan Warga Emas dan menyediakan manfaat semasa hidup. Kerajaan Negerimengambil maklum cadangan tersebut dan akan mempertimbangkannya jika terdapat keperluan semasa. Manakala manfaat semasa hidup seperti yang telah dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa semua program inisiatif peduli rakyat yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeriadalah layak untuk dinikmati oleh warga emas mengikut syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Yang Berhormat Morib dan teratai ingin penjelasan berkenaan program OSCC ataupun *one stop crisis center*. Untuk makluman ahli dewan, jawatankuasa tetap hal ehwal wanita

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

akan menambah baik program tersebut dengan cadangan penubuhan Pusat Sokongan Santunan Harmoni atau PSSH. Pusat ini yang akan bertindak sebuah pusat sehenti kaunseling dan sokongan bagi isu dan permasalahan berkaitan wanita dan keluarga. Selain memberi kesedaran kepada orang awam berkaitan kes-kes keganasan rumah tangga. Bagaimana saluran dan bantuan yang dapat diberikan oleh pelbagai agensi dan jabatan Kerajaan serta nasihat dan bantuan guaman kepada mangsa yang terlibat. Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu...

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : minta celah.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI** : Ok, silakan Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih, Yang Berhormat Exco saya ingin nak tanya dengan pusat yang dirancangkan itu, adakah setiap DUN akan disediakan pusat yang berkenaan. Memandangkan pusat *crisis center*, peruntukannya agak rendah, jadi pusat yang memberi kaunseling, yang memberi khidmat yang lain khususnya kepada wanita yang menghadapi masalah keganasan rumah tangga. Adakah pusat itu akan dibina ataupun disediakan di setiap DUN. Sebab ada ramai wanita, kemungkinan mereka ada masalah. Apabila mereka dalam keadaan trauma, mereka tidak akan nak pergi ke tempat yang jauh. Barangkali, selalunya saya menerima permohonan bantuan adalah daripada golongan ini dan mangsa-mangsa sebegini dibawa oleh ahli keluarga ataupun kawan-kawan mereka. Jadi adakah pusat ini akan disediakan di setiap DUN. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Teratai. Apa yang dimaklumkan oleh Teratai sememangnya ia adalah suatu keperluan. Namun buat masa ini, cadangan yang akan dilaksanakan adalah satu tempat sebagai pilot projek yang akan dilaksanakan di Shah Alam. Seterusnya saya teruskan kepada....

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Damansara Utama minta..

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Ok, silakan

**TUAN SPEAKER** : sila Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Saya amat tertarik dengan pusat anti keganasan ini. Dan saya nak tanya bahawa adakah fungsi-fungsi pusat ini bertindih dengan JKM. Sebab *under* JKM juga ada satu kaunseling session. Adakah Kerajaan Negerilebih baik kita bekerjasama dengan JKM ataupun kita ada lebih staf di JKM supaya semua boleh diuruskan di JKM, *is that of* ada satu pusat yang lain.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BT. ALWI :** Terima kasih Damansara Utama, Pusat ini, kita tidak bekerjasama, maknanya ia dilaksanakan oleh satu Badan NGO yang mana kita akan bekerjasama dengan pihak JKM sebagai Agensi-agensi yang perlu untuk kita perpanjangkan kes-kes sekiranya ada dan untuk makluman Teratai pihak *One Stop Crisis Centre* ini ataupun PSSH ini akan melaksanakan program jelajah ataupun kaunter bergerak ke mana-mana kawasan yang mungkin diperlukan jadi untuk permulaan kita ada satu tempat sebagai *Pilot Project* dan boleh *engaged* dengan PSSH ini ataupun Pusat Sokongan Santunan Harmoni ini untuk mengerakkan mereka ke mana-mana kawasan diperlukan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Soalan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Damansara Utama lagi.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Sorry, saya nak tanya *this PSSH* yang *according to* YB EXCO ia adalah satu NGO? Adakah saya *get the correctly* kalau adalah NGO kenapa Kerajaan ambil peranan sebagai satu NGO bukan sebagai satu Kerajaan apa yang kita kena buat dari segi Undang-undang dan menguatkuasakan fungsi-fungsi kita berbeza dengan NGO.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BT. ALWI :** Ok. Terima kasih Damansara Utama. Ianya adalah kerjasama NGO dengan kerjasama Kerajaan Negerijadi ini adalah untuk memudahkan agar kita boleh mengerakkan apa ni, PSSH ini.

Untuk Kuala Kubu Bharu, saya menyambut baik saranan Kuala Kubu Bharu yang mencadangkan Kerajaan Negeriuntuk memberikan peruntukan kepada Jabatan dan Agensi Kerajaan Negerimenyediakan kemudahan yang mesra wanita seperti Bilik Laktasi dan Pusat Jagaan Kanak-kanak di tempat kerja. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, cadangan tersebut sememangnya di dalam perancangan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga untuk pelaksanaan tahun 2018 di Pihak Berkuasa Tempatan dan di Pejabat Daerah dan Tanah yang masih belum mempunyai kemudahan ini di bawah inisiatif Kempen Hormat Wanita. Bagi cadangan insentif pemberian susu dan lampin pakai buang bagi tempoh enam bulan kepada para ibu yang bekerja dalam usaha mengekalkan wanita dalam pasaran kerjaya, pihak Kerajaan Negeribelum lagi berhasrat untuk melaksanakan cadangan tersebut.

Yang Berhormat Damansara Utama mencadangkan Kerajaan Negeriuntuk dan Kerajaan Negerimengambil maklum akan saranan bahawa Pusat Wanita Berdaya diperkembangkan dan diperluaskan kepada golongan wanita berjaya. In shaa Allah, dengan kerjasama IWB, Institut Wanita Berdaya, satu cadangan penambahbaikan akan disediakan bagi melihat semula keperluan agar dapat di manfaatkan oleh pelbagai lapisan masyarakat. Sementara Yang Berhormat Damansara Utama menyatakan bahawa Dasar Wanita Selangor tidak punyai

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

petunjuk dan *indicator* yang jelas dan spesifik ini adalah kerana pelan tindakan yang digariskan merupakan pelan tindakan dan *indicator* umum, manakala *indicator* atau KPI yang lebih spesifik telah digariskan dalam kertas kerja untuk setiap program yang akan dilaksanakan.

Manakala bagi kempen gangguan seksual melalui Dasar Wanita Selangor iaitu matlamat ke enam bebas dari keganasan, bebas daripada ketakutan yang akan merangkumi isu *Gender Based Violence* (GBV) termasuk gangguan seksual akan melaksanakan beberapa program berikut, Forum Kesedaran Gender, Dialog Kesedaran Gender Educationd Talk , Bengkel Latihan Kempen Kepekaan Gender, Bual Bicara Wanita, Bengkel OSCC, Kempen Ayuh Bertindak, Bengkel Kesedaran Keganasan Berasaskan Gender, Buku Lelaki Pelindung Wanita yang mana kesemuanya akan dilaksanakan melalui IWB.

Taman Medan menyatakan tentang membangkitkan tentang isu kursus Pengusaha Taska. Kerajaan Negerimelalui Kursus Intensif Pengembangan Kanak-kanak atau (KIPK) telah menyediakan enam belas modul berkaitan Pengusahaan Penjagaan Kanak-kanak Di rumah. antaranya keselamatan kanak-kanak dan bayi di taska rumah, penyakit berjangkit dan pertolongan cemas, pemakanan seimbang dan perancangan menu, perlindungan kanak-kanak di taska rumah dan etika dan profesionalisme pengasuh. Sejak program ini dilaksanakan pada tahun 2013, sehingga kini seramai 506 orang peserta atau pengasuh di rumah yang telah menjalani kursus ini secara percuma bagi membantu golongan pengasuh di rumah memperolehi ilmu penjagaan anak-anak bagi menjamin kualiti penjagaan asuhan anak-anak di rumah. Menyedari pentingnya kualiti penjagaan kanak-kanak di rumah bermula tahun depan Kerajaan Negeriakan menaja pengasuh taska di rumah yang terpilih untuk menjalani Kursus Asuhan Permata atau KAP yang menjadi salah satu syarat pendaftaran taska oleh Pihak Kementerian. Oleh kerana kos kursus tersebut adalah tinggi dan ramai kalangan pengasuh taska di rumah yang tidak mampu menyediakan wang bagi yuran kursus tersebut maka Kerajaan Negeriakan membiayai kursus tersebut bagi menyokong usaha ke arah menjamin kualiti penjagaan kanak-kanak di NegeriSelangor.

Berkenaan dengan pemantauan ke atas taska di rumah pula, Kerajaan Negerimelalui Jabatan Kebajikan Masyarakat membuat pemantauan berkala sebanyak dua kali setahun ke atas semua taska di rumah yang telah berdaftar. Sehingga kini 1,220 buah taska yang berdaftar di NegeriSelangor. Manakala 270 buah taska di rumah yang berdaftar dengan Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Manakala pemantauan mengejut akan dijalankan oleh pihak JKM dan PDRM sekiranya aduan yang diterima melibatkan kes-kes penderaan atau pengabaian kanak-kanak di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan Akta Kanak-kanak 2001.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih YB. EXCO.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya ingin tahu sama ada taska-taska yang telah mengikuti kursus yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri ini mempunyai direktori ia senarai supaya pihak awam boleh akses kepada perkhidmatan yang mereka boleh sediakan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BT. ALWI :** Terima kasih Taman Medan. Kita akan mengambil maklum tentang saranan tersebut. Buat masa ini di pihak JKM mereka telah pun ada *database* tentang senarai nama-nama taska yang beroperasi ini.

Saya teruskan kepada isu keselamatan kanak-kanak di rumah oleh Yang Berhormat Teratai yang mencadangkan agar sebuah program khas diadakan kepada para Ibu bapa sebagai langkah pencegahan terhadap isu keselamatan yang melibatkan kanak-kanak di rumah. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga akan mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat untuk dilaksanakan pada tahun hadapan namun kita telah pun mengadakan beberapa kursus, iaitu kursus literasi media untuk perlindungan kanak-kanak bersama Majlis Kebajikan Negeri Selangor dan Seminar Hak dan Keselamatan Kanak-kanak bersama Persatuan Taska Negeri Selangor yang meliputi langkah-langkah pencegahan daripada risiko jenayah kanak-kanak apabila berhadapan dengan orang yang tidak dikenali. Cubaan culik dan sebagainya.

Yang Berhormat Balakong bertanyakan tentang isu rumah kebajikan. Rumah kediaman yang dijadikan rumah kebajikan serta zonning kawasan rumah kebajikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai zoning bagi kawasan rumah kebajikan di dalam Rancangan Tempatan atau RT. Walau bagaimanapun pemohon atau pengusaha rumah kebajikan boleh memohon tukar ganti syarat rumah kediaman mengikut keperluan aktiviti kediaman seperti taska, tadika, rumah kebajikan, rumah orang tua dengan mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Sejumlah 761 buah pusat jagaan direkodkan di Negeri Selangor dengan pecahan 472 berdaftar dan 289 tidak berdaftar dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Morib pula membangkitkan isu...

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE :** Mohon penjelasan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Balakong minta.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE :** Terima kasih

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO, atas jawapan yang diberikan. Ya saya memang faham bahawa pemilik premis boleh memohon untuk tukar syarat bangunan tapi apa yang masalah dihadapi kebanyakan pengusaha taska ke, rumah orang tua ke, rumah anak yatim ke mereka menyewa bangunan tersebut dan mereka tidak mempunyai hak ataupun kuasa untuk memohon untuk menukar syarat. Apa yang mereka boleh buat hanya untuk menukar syarat secara sementara. Tiap-tiap tahun dia kena buat pembaharuan dan itu lah di mana masalah timbul apabila jiran-jirannya membuat aduan dan PBT terpaksa mengambil tindakan. Jadi apa yang saya cadangkan adalah Pihak Jabatan Perancangan ataupun PBT haruslah mewartakan dalam pembangunan baru tanah yang spesifik untuk kegunaan institut-institut kebajikan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BT. ALWI :** Terima kasih Balakong, sememangnya tuan pemilik premis yang harus membuat permohonan namun oleh kerana penyewa adalah orang yang akan melaksanakan aktiviti tersebut namun buat masa ini belum ada satu dasar yang membolehkan untuk pelaksanaan tersebut dan kita harap mungkin nanti di pihak Kerajaan Negeriakan mengambil perkiraan tentang perkara tersebut.

Saya teruskan kepada Yang Berhormat Morib yang membangkitkan tentang isu tiada peruntukan PCO untuk daerah Klang dan Kuala Langat. Apa yang dibangkitkan oleh Morib ketiadaan peruntukan untuk PCO di kedua-dua daerah ini adalah di peringkat PKD daripada Jabatan Kesihatan dan juga Kementerian Kesihatan namun Kerajaan Negerikita memperuntukkan dan kita telah pun menyalurkan peruntukan PCO ini kepada semua 12 PBT di Negeri Selangor sejak awal tahun lalu ya sebanyak RM2.66 juta ya mengikut keperluan di PBT masing-masing.

Pecahan pengagihan PCO ini ya, MBSA – RM300 ribu, MBPJ – RM250 ribu, MPSJ – RM300 ribu, MPK – RM280 ribu, MPAJ – RM300 ribu, MPKj – RM300 ribu, MPS – RM300 ribu, MPSP – RM150 ribu, MDKS – RM80 ribu, MDKL – RM152,950, MDHS – RM198 ribu dan MDSB 50 ribu.

Kerajaan Negeri mengambil maklum Jabatan Kesihatan Negeri Selangor hanya membekalkan PCO di daerah Petaling dan Hulu Langat sahaja yang berjumlah RM4 juta. Memandangkan terdapat keperluan tambahan PCO di PBT yang tidak disediakan oleh pihak JKNS. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta untuk pelantikan PCO ini kepada PBT-PBT lain terutamanya di daerah Klang dan Gombak.

Sementara Morib juga bertanyakan tentang cadangan memanjangkan penggunaan Kad Peduli Sihat di Farmasi-farmasi buat masa ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk perkara tersebut dan terakhir bantuan banjir daerah Hulu Langat. Kerajaan

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Negeriakan memberikan bantuan sumbangan wang ihsan kepada mangsa banjir di daerah Hulu Langat yang berpindah ke pusat pemindahan sahaja. Bagi yang tidak berpindah pemberian wang ihsan diberikan hanya sekali sahaja dalam setahun. Walau bagaimanapun Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat boleh memanjangkan permohonan kepada Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor untuk mendapatkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan bantuan tambahan kepada mangsa banjir kilat yang telah mendapat bantuan pada pertengahan tahun ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat. Masa menunjukkan jam 1.00 petang. Saya tangguhkan sidang pada jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)**

**(Dewan Disambung Semula)**

**(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Assalamualaikum dan selamat petang dan dewan disambung semula, dipersilakan Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera, terima kasih Tuan Speaker pertamanya saya nak mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli dewan Negeriyang membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan di bawah portfolio Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, pembangunan desa dan kampung tradisi. Seperti yang kita sedia maklum dalam buku anggaran bajet ini yang diperuntukkan dengan peruntukan-peruntukan yang tertentu terutamanya di bawah portfolio saya peruntukkan di bawah PK 14 pembangunan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor jumlah RM106 juta kemudian di bawah kepala PK 2 luar bandar, menaik taraf dan baik pulih jalan RM10 juta, kemudahan awam RM10 juta, pembangunan ekonomi kampung tradisi RM1.65 juta, program pembangunan desa RM4.9 juta dan juga beberapa pelbagai yang lain. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa saya faham kepada Ahli-ahli Dewan Negeriyang membangkitkan isu-isu ini terutamanya yang melibatkan kawasan masing-masing dengan permohonan-permohonan pembangunan. Kalau pembangunan luar Jabatan Agama Islam yang berkaitan dengan masjid, surau, pejabat, Agama Islam dan sebagainya yang besar. Kita juga dimaklumkan bahawa kos-kos projek di bawah buku anggaran yang ada di dalam buku anggaran ini juga melibatkan kos yang begitu besar tetapi tidak semuanya akan diperuntukkan melalui RMK, Rancangan Malaysia Kesebelas dan kalaupun tersenarai dalam Rancangan Malaysia Kesebelas tidak bermakna dia akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Dan saya akan terus kepada beberapa isu yang di bawah oleh Ahli-ahli Dewan Negeri, pertamanya daripada Dengkil yang berkaitan dengan Masjid Desa Sentosa yang bertanyakan berkaitan dengan Masjid Desa Sentosa tidak dimasukkan dalam belanjawan tahun ini sedangkan jawatankuasa pembinaan telah pun membuat kutipan wakaf atas usaha mereka. Untuk makluman bahawa pihak kami dan juga pihak Kerajaan Negeriamat menghargai usaha yang telah dilaksanakan oleh jawatankuasa pembinaan masjid tersebut. Walau bagaimanapun siling RMK ke 11 yang sedia ada tidak dapat menampung yuran kos projek bagi masjid ini. Dan saya kira sebab masjid itu telah senarai mungkin boleh kita lakukan pada Rancangan Malaysia ke dua belas yang akan datang. Kemudian soalan yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang berkaitan dengan permohonan pembangunan pembinaan sepuluh unit deretan kedai untuk dibangunkan di Kampung Kemensah untuk aktiviti keusahawanan anak muda OKU dan sebagainya. Kita maklum terdapat permohonan bagi membangunkan pembinaan sepuluh unit kedai di Kampung Kemensah yang telah dipanjangkan mulai Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor pada pihak Pejabat Tanah dan Daerah Gombak pada 15 September 2016. Pihak UPEN memohon Pejabat Tanah dan Daerah Gombak untuk mengkaji keperluan-keperluan tersebut dan menyemak status tanah lokasi cadangan pembinaan kedai

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

berkenaan. Susulan daripada itu satu lawatan tapak telah diadakan pada 5 Oktober 2016 bersama Hulu Kelang dan Pejabat Tanah Daerah Gombak dan MPAJ bagi tujuan tersebut. Hasil daripada semakan dan lawatan mendapati lokasi yang dicadangkan tidak sesuai kerana termasuk dalam rizab jalan dan berhampiran dengan cerun. Oleh yang demikian Pejabat Tanah Daerah Gombak dan pihak MPAJ akan mengadakan perbincangan bersama dengan Hulu Kelang bagi mengenal pasti lokasi lain yang lebih sesuai sebelum diangkat ke pihak UPEN untuk pertimbangan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Penjelasan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tempat itu biasanya dianggap oleh penduduk sebagai tanah kerajaan dan sentiasa menjadi persengketaan di kalangan kumpulan-kumpulan yang hendak membina sesuatu di situ, ini pun boleh diselesaikan buat sekalian kalinya. Boleh selesaikan masalah itu, masalah pertikaian orang, cacak pokok, cacak tumbuh, buat garaj dan sebagainya. Kalau boleh buat papan tanda boleh.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Isunya adalah tanah ini tidak sesuai sebab dia termasuk rizab jalan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ok saya baru pertama kali itu adalah rizab jalan dan rizab sungai.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Rizab jalan dan berhampiran dengan cerun.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ini memang tidak sesuai.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ya memang tidak sesuai.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tapi tanah kerajaan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ya tanah kerajaan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Itu yang isunya.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Rizab jalanlah

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Itu rizab jalan bukan tanah kerajaanlah.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ya rizab jalanlah, kemudian Batang Kali banyak bertanyakan berkaitan dengan pembangunan di JAIS, satu berkaitan dengan status SRA di Taman Bunga Raya yang hanya peruntukan token sahaja RM10. Bangunan tambahan SRA Taman Bunga Raya telah siap pada 11 Ogos 2017 dan juga telah digunakan kita masih meletakkan lagi token di situ kalau

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

ada apa-apa mungkin perlu penambah baikkan dan sebagainya kecacatan sebagainya maknanya ada lagi peruntukan yang mungkin kita boleh diperuntukkan kerana tajuk itu masih ada lagi di situ. Kemudian berkaitan dengan status Kompleks Islam Hulu Selangor yang langsung tidak diberikan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas kerana dalam memang kita tahu tajuk dia ada dalam tajuk projek tetapi tidak diperuntukkan kerana peruntukan yang kita ada ialah Rancangan Malaysia Kesebelas ini tidak dapat menampung untuk kos projek yang akan dibangunkan tersebut. Kemudian Masjid Antara Gapi yang juga peruntukan “hands” hanya sekadar token ini juga sama seperti mana yang berkaitan dengan Kompleks Islam tadi kerana peruntukan Rancangan Malaysia Kesebelas juga tidak dapat menampung dengan kos projek yang dicadangkan. Kemudian projek.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mencelah.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ya.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Cuma nak tenguk sahaja, tidak dapat menampung maksudnya dalam anggaran kita sudah masukkan RM3 juta. Apakah maksud tidak dapat menampung, kita perlukan “addition” ataupun macam mana boleh kita buat perkongsian macam biasa kita buat untuk di Sungai Tengi dan juga Sayidina Ali itu ataupun bagaimana itu?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tidak menampung bermakna kos projek secara keseluruhan yang dirancang untuk dibangunkan dalam Rancangan Malaysia kesebelas dia melebihi daripada siling yang kita tetapkan untuk Rancangan Malaysia kesebelas. Tetapi mungkin ada usaha-usaha lain seperti mana yang disebutkan tadi pembangunan Masjid Sungai Tengi.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya RM3 juta ini “*inviolable fund*” adakah ini “*inviolable fund*” dan kita memerlukan tumpungan tambahan ataupun bagaimana sebab dalam ini kita punya anggaran tahun depan kita dah masukkan RM3 juta untuk Daerah Hulu Selangor.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bagi muka surat Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Muka surat 236.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** 236.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kod 3802 Masjid Antara Gapi jumlah Hulu Selangor dapat adalah RM3 juta daripada tahun depan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Masjid Antara Gapi.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ya 3802, jumlah Daerah Hulu Selangor RM3 juta, token pun telah dibagi untuk Masjid Antara Gapi.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Kalau Batang Kali lihat Masjid Antara Gapi kos projek adalah RM11 juta.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ya maksud saya, saya faham yang itu. Jadi "*inviolable fund*" sekarang ini berapa dan berapa tanggungan, "balance" tanggungan yang kita perlukan dan bolehkah kita misal kata mencari penyelesaian sama ada seperti yang kita buat di Sayidina Ali dan maksudnya kita dapatkan sedikit bajet pada Kerajaan Pusat. Macam dulu Sayidina Ali kita ambil dalam RM5 juta daripada Kerajaan Pusat, RM1 juta daripada MAIS kita buat cara macam itu. Kalau di sini minta maaf, kalau EXCO ada RM3 juta sebagai "*inviolable fund*" maknanya kita memerlukan RM8 juta lagi. So, kita kena cari RM8 juta lagi.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Bukan yang RM3 juta adalah peruntukan untuk Masjid Kampung Melayu Rasah yang diperuntukkan untuk tahun 2018.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Maknanya dia tidak ada dalam anggaran kita ini, dalam anggaran kita ada satu masjid sahaja.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ya satu masjid sebab itu saya katakan tadi bahawa Masjid Antara Gapi ini tidak diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia kesebelas dan kita tahu kosnya adalah anggaran RM11 juta.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Maknanya sekarang tajuk sudah tukar.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Apa.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tajuknya dah tukar, 03802 telah tukar menjadi Masjid Rasah, begitu.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tenguk muka surat 235 yang terakhir.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sijangkang jawab berdasarkan yang ada itu dan sekiranya ada tambahan boleh buat secara bertulis.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Maknanya Antara Gapi tidak adalah, hanya RM10.00

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tidak dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Maknanya kita boleh cari "*fund*" luar untuk masuk.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Boleh.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Terima kasih.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

- Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker.
- TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Dengkil.
- Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Yang Berhormat EXCO boleh dapat penjelasan sedikit.
- TUAN TIMBALAN SPEAKER:** "Area" mana Yang Berhormat ini.
- Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya termasuk lewat sedikit tadi tapi saya dengar dari luar.
- TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Sentosa dah lepas ya, Bukit Sentosa.
- Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Masjid Bukit Sentosa, saya nak kepastian penduduk sebenarnya sudah pun mengecilkan peruntukan daripada RM12 juta anggaran sekarang ini untuk membina masjid itu hanyalah lebih kurang RM7 juta sahaja. Jadi dengan wang peruntukan yang mereka ada di dalam wang pembangunan wakaf RM2.4 juta. Saya minta ihsan daripada Kerajaan Negerisupaya memperuntukkan juga untuk tahun depan supaya masjid ini boleh digerakkan seawal yang boleh. Itu permintaan daripada penduduk.
- Y.B. DATO DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Dengkil, seperti mana yang saya katakan tadi bahawa di Dengkil ini kita tahu ada beberapa masjid yang dicadangkan dengan kos-kos tertentu cuma pada tahun dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini dia tidak dimasukkan dalam pembangunannya kerana ada beberapa masalah sebahagian daripada masjid tersebut. Dan bermakna untuk tahun hadapan pun dia tidak ada peruntukan yang khusus untuk tujuan pembangunan tersebut. Tapi kita lihatlah kalau ada usaha daripada pihak Persekutuan, ICU dan sebagainya daripada jawatankuasa pembangunan itu mungkin boleh difikirkan bagaimana, terima kasih. Kemudian berkaitan dengan projek naik taraf Surau Al Mustakim yang mana kita dimaklumkan semalam oleh Batang Kali bahawa buat masa ini mereka menggunakan rumah sebagai surau dan mohon untuk dibina surau baru. Selain daripada itu peruntukan yang ada di sini memang ada. Yang ini memang ada peruntukan lebih kurang dalam RM500,000 untuk pembangunan cuma tidak diuntukkan untuk tahun hadapan. Tapi masih lagi di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.
- Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Boleh mencelah.
- Y.B. DATO DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ya.
- Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mengenai dengan surau Al Mustakim ini saya dah berjumpa dengan Ahli Jawatankuasa beliau dan pagi tadi pun ada berbincang sedikit dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Adakah di mana surau ini kita bina sebab dia kita memang dah ada bajet cumanya kita tidak anggarkan berapa kita nak belanja tahun depan ini, itu sahaja. Maknanya

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

dari mula kita dah rancang lebih kurang RM500,000. Dia telah mengumpul dana RM250,000 saya maklumkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Batang Kali dah mengulangi soalan daripada hari semalam. Saya ingat jawapan saya itu. Sijangkang.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tiada. Ini tidak pernah diulang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Betul Sijangkang.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Cuma saya nak beritahu kenapa saya berkata begitu, boleh tak peruntukan ini dikeluarkan RM500,000 ini sebanyak RM150,000 menampung kekurangan mereka, lagi RM150,000, dia orang telah ada RM250,000. Ini yang saya katakan pada Menteri Besar dari pagi, terima kasih.

**Y.B. DATO DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Batang Kali, saya kira Inn Shaa Allah inisiatif yang sangat baik daripada penduduk dan kita akan lihat walaupun mungkin tahun hadapan memang tidak diperuntukkan peruntukan yang tertentu untuk bangunkan walaupun ia dalam Rancangan Malaysia Kesebelas tapi kita akan cuba lihat bagaimana kita boleh bantu bagi pihak Kerajaan Negeri untuk pembangunan Surau Al Mustakim tersebut. Ok, seterusnya daripada Balakong berkaitan Masjid Taman Bukit Belimbing yang berjumlah RM16 juta yang ini memang projek pembinaan masjid baru Taman Bukit Belimbing akan dimulakan pada 2018 dan sekarang ini dalam proses reka bentuk dan saya kira Insya-Allah kita berharap pada tahun hadapan ini kita akan dapat memulakan. Kemudian berkaitan peruntukan baik pulih surau yang hanya 500,000.00 mohon dinaikkan kerana kita maklum bahawa peruntukan ini sebenarnya adalah surau ini lebih kepada program-program untuk menaik taraf ataupun baik pulih infrastruktur cuma ada memang ada beberapa surau yang kita rancang untuk pembinaan dan saya sedia maklum memang peruntukan yang kita ada ini memang tidak mencukupi untuk memenuhi semua hasrat naik taraf ataupun pemberian mahupun bina baru surau yang ada di Negeri Selangor ini. Kemudian daripada Bukit Gasing berkaitan dengan Masjid Bulat Petaling Jaya, keperluan membina blok tambahan bagi masjid yang telah dibangkitkan dan beberapa kali buat masa ini memang kalau ikutkan ada keperluan di masa-masa tertentu untuk pembangunan blok-blok seperti ini. Tapi bukan pihak Kerajaan Negerikita masih memberikan *priority* bagi bantuan keperluan asas masa itu sendiri, makna sama ada pembangunan masjid ataupun baik pulih masjid. Tapi untuk bangunan-bangunan tambahan seperti blok bangunan untuk keperluan yang lain ini tidak masih lagi tidak menjadi *priority* oleh Kerajaan Negeri. Kemudian isu yang berkaitan yang dibangkitkan oleh Dusun Tua berkaitan dengan Masjid Sungai Serai Batu 10 sudah dua kali menukar permaidani sebab kan oleh banjir dan sebagainya Jabatan Agama Islam telah meneliti permohonan yang dikemukakan

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

walau bagaimanapun syiling RMK-11 sedia ada tidak juga dapat menampung untuk pembangunan masjid yang di sebut oleh Dusun Tua ini dan tanah yang dirancangkan untuk pembangunan tersebut itu juga adalah tidak memenuhi keperluan prasyaratnya cuma buat masa ini kertas pengambilan tanah sedang disediakan bagi tujuan untuk keperluan keluasan tapak yang bersesuaian untuk pembangunan masih tersebut. Kemudian Sabak bertanya berkaitan dengan baik pulih Masjid Makmuriah, Masjid Sepintas dan Masjid Parit 10 yang berusia dan berlaku kebocoran dan sebagainya. Pembaikan dan naik taraf masjid sentiasa menjadi keutamaan oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor memandangkan ia menjadi tumpuan umat Islam untuk makluman keperluan baik pulih melibatkan pendawaian elektrik, bekalan air dan juga struktur bangunan yang mana berkaitan dengan perkara-perkara keselamatan ini menjadi keutamaan oleh Kerajaan Negeri dan daripada masa ke semasa kita akan melihat keperluan-keperluan ini dan peruntukkan baik pulih di bawah P14 PK303001 kita akan gunakan peruntukkan-peruntukkan untuk baik pulih. Seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Morib berkaitan dengan Ketua Kampung yang telah meninggal dunia, pada bulan Jun pada tahun ini. Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa terdapat beberapa buah kampung yang tidak mempunyai Ketua Kampung disebabkan oleh meninggal dunia dan isu-isu lain serta di mana yang berlaku juga di Morib, Kampung Kelanang keputusan MMKN pada 14 Disember 2016 telah bersetuju melanjutkan tempoh perkhidmatan Ketua Kampung Tradisi sehingga Pilihan Raya yang ke-14 yang akan diadakan. Walau bagaimanapun Ketua Kampung yang mengalami masalah kesihatan ataupun disiplin ini akan diganti. Kerajaan Negeri bersetuju supaya tugas-tugas Ketua Kampung tersebut Ketua-ketua Kampung yang meninggal dunia ini akan dilaksanakan oleh Setiausaha JKKN kampung masing-masing dan elau Ketua Kampung tersebut diberikan kepada Setiausaha Jawatan Kemajuan Keselamatan Kampung yang menanggung tugas-tugas Ketua Kampung berkuat kuasa pada tarikh pengesahan tanggungan kerja oleh Pejabat Tanah dan Daerah sehingga pelantikan Ketua Kampung yang baru nanti akan diputuskan. Kemudian perkara yang berkaitan yang dibangkitkan oleh Taman Medan, berkaitan dengan KAFA dan juga surau.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Morib, minta bertanya

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Terima kasih Speaker dan EXCO, cuma keputusan itu MMKN itu dibuat selepas *interview* dijalankan atau bila saya kurang jelas tadi bila tarikh keputusan MMKN tersebut.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Keputusan MMKN bertarikh 14 Disember 2016 telah bersetuju melanjutkan tempoh Ketua Kampung Tradisi sehingga Pilihan Raya yang ke-14.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Jadi kenapa dipanggil *interview* yang bulan 8 yang lepas ini untuk lantikan baru. Kalau tidak perlu kenapa

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Saya ingat prosedur di peringkat Pejabat Daerah apabila berlaku kematian mereka akan mengadakan temu duga untuk pelantikan Ketua-ketua Kampung dan sebenarnya memang ada tarikh yang mana pihak Kerajaan Negeritelah melalui mesyuarat MMKN memutuskan supaya Ketua-ketua Kampung ini semua akan yang Ketua Kampung yang meninggal dunia ini akan ditanggung kerja tugasnya oleh Setiausaha dan elaun boleh diberikan kepada Setiausaha. Kemudian Taman Medan berkaitan dengan KAFA Pinang Tunggal dan juga KAFA Al-Islah untuk makluman bahawa kita sedia maklum penubuhan KAFA ini adalah inisiatif pihak persendirian bantuan hanya disediakan kepada sekolah-sekolah yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeripun begitu bantuan-bantuan seperti daripada bantuan Sekolah Agama Rakyat dia dapatlah membantu menampung keperluan-keperluan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan bangunan dan juga infrastruktur oleh Kerajaan Negeri.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Mohon mencelah, bagaimana dengan kos sewaan premis kalau binaan itu boleh daripada SAR peruntukan SAR tapi kos penyewaan premis

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Setakat ini pun penyewaan premis Kerajaan Negeritidak menanggung dan ini adalah inisiatif juga daripada pihak yang menubuhkan ataupun pihak persendirian tersebut. Kemudian berkaitan dengan Surau At-Taqwa PJS2 bantuan untuk bina bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negerisetakat ini adalah hanya untuk baik pulih sahaja. Jadi tidak ada peruntukan untuk kita bina bagi surau di PJS2 ini.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** saya nampak selalu bulan lepas dan juga penggal ini saya rasa tak pernah lagi Taman Medan dapat pembiayaan surau. Binaan yang baru so adakah mungkin pihak Kerajaan Negeriboleh bantu sebab ini sudah tertangguh dari pecah tanahnya 2008 / 2009 tetapi sehingga sekarang tak mampu untuk sebab kutipan daripada awam itu tidak cukup.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Pihak Kerajaan Negerikita sedia maklum bahawa kos untuk pembangunan surau ini memang lah dia memerlukan kos yang agak tinggi dan sebenarnya sebelum ini pun tidak ada satu peruntukan khusus untuk pembangunan surau cuma pada tahun 2015 Kerajaan Negeritelah mula memperuntukkan untuk pembangunan surau ini di bawah peruntukan Kerajaan Negeri, sebelum ini ada bantuan daripada MAIS ataupun daripada Lembaga Zakat dan itu pun saya ingat terlalu terhad mana kalau kita cuba boleh tak *priority priority* yang ada ini dalam peruntukan ataupun bajet di masa akan datang. Saya ingat itu antara beberapa perkara yang saya nak sebutkan cuma ada beberapa perkara lain yang berkaitan dengan pembangunan desa di mana yang diminta oleh Ijok dan juga berkaitan dengan pencahayaan dan juga Hulu Bernam tentang pencahayaan ataupun lampu jalan, mana yang kita sedia maklum peruntukkan kemudahan awam RM 10 juta yang diperuntukkan saya kira mungkin daripada peruntukkan itu kita

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

boleh lihat bagaimana juga lampu-lampu jalan di seluruh Negeri Selangor, kampung-kampung atau pun kawasan-kawasan yang berisiko nanti kita boleh gunakan peruntukan ini cuma isu nya apabila kita adakan lampu-lampu jalan ini sewaan bulanan yang harus juga dilihat kerana ia juga memerlukan kos yang cukup besar seperti mana yang dibangkitkan oleh Sungai Pelek yang mana pejabat daerah terpaksa menanggung jumlah yang agak besar untuk bayaran bil atau pun bayaran bil jadi saya ingat ini perkara yang harus difikirkan saya kira mungkin peruntukan-peruntukan penyelenggaraan di bawah pejabat daerah boleh digunakan untuk keperluan itu. Saya ingat Ijok juga membangkitkan isu berkaitan keselamatan kampung yang mana untuk makluman bahawa pada tahun ini kita telah memulakan kursus atau pun kita telah mengadakan Program Ikatan Desa tujuannya adalah untuk mewujudkan pasukan keselamatan kampung yang secara tidak langsungnya ia juga membantu bagaimana dapat berkawal di kampung untuk tujuan keselamatan seperti juga rukun tetangga ataupun pasukan-pasukan yang lain. Cadangan daripada Kuala Kubu Baru berkaitan dengan rumah DO untuk dijadikan sebagai Muzium Daerah yang ini kita juga akan lihat kesesuaianya seperti mana walaupun dimaklumkan oleh Kuala Kubu Baharu ada kepunyaan-kepunyaan orang tertentu bahan-bahan sejarah yang boleh dijadikan bahan-bahan pameran saya kira isu yang berkaitan dengan untuk membangunkan rumah DO ini sebagai muzium harus kita lihat secara teliti dan juga pengisian kita kena fikirkan, insya-Allah dalam masa terdekat pihak PADAT akan mengadakan lawatan dengan JKR untuk melihat keperluan-keperluan ini dan saya kira mungkin ada sesuatu yang kita boleh susun ataupun kita rancangkan nanti. Perkara yang dibangkitkan oleh Selat Kelang berkaitan dengan supaya ada sesuatu insentif-insentif ataupun *appreciate* tertentu kepada kampung-kampung yang menjuarai dalam pertandingan kampung dan juga pertandingan inovasi kampung. Saya kira di bawah JPBD kita telah melihat perkara ini dan saya ingat 4 kampung tradisi yang telah dikenal pasti sebagai Projek Kampung Perintis Pelaksanaan Pusat *SmartDesa* Selangor ataupun Mini *SmartDesa* Selangor melibatkan kampung-kampung yang memenangi anugerah kampung ini telah kita kenal pasti dan pusat *SmartDesa* Selangor dan Mini *SmartDesa* Selangor ini akan berperanan untuk mengukuhkan lagi peranan sesebuah kampung itu baik daripada sudut jaringan ekonomi pencapaian perkhidmatan dan juga kemudahan masyarakat dan kemudahan kegunaan orang-orang kampung terbaik apabila kita peruntukkan kewangan nanti insya-Allah kita akan lihat kampung-kampung ini mungkin sebagai satu bentuk apresiasi yang kita boleh berikan. Jadi

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** boleh mencelah, bermaknanya *SmartDesa* Selangor itu akan bermula 2018, mana peruntukan itu dah ada di dalam itu tapi saya tengok di dalam peruntukan itu terlalu kecil adakah itu munasabah

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Untuk 2018 kita belum ada lagi satu peruntukan yang tertentu cuma peruntukan yang diperuntukan itu adalah untuk melihat bagaimana kampung-kampung tradisi yang berada di pinggir bandar untuk

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

kita lihat bagaimana kita nak bangunkan supaya ciri-ciri tradisi dan dia juga tidak akan terpinggir disebabkan oleh pembangunan dan yang berada di kawasan bandar mungkin dalam tahun-tahun yang akan kita akan melihat peruntukan seperti ini tetapi saya kira persiapan kita ataupun persediaan kita untuk membangunkan perancangan dalam Pelan Strategik Hala Tuju pembangunan *SmartDesa* di Selangor ini harus kita mula fikirkan daripada sekarang. Terima kasih

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Sijangkang. Silakan Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian kerana telah membangkitkan isu mengenai Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk menjawab soalan daripada Kota Damansara mengenai kereta buruk. Garis panduan atau SOP yang diguna pakai oleh PBT untuk tindakan pengeluaran notis atas kesalahan dan tindakan menyita kenderaan buruk atau lusuh di tempat awam yang menyebabkan halangan adalah merujuk kepada Akta 133 iaitu Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 di bawah Seksyen 46 i(e) halangan dan juga Seksyen 46 3(a) kuasa memindahkan halangan. Sebelum sebarang penundaan dapat dilaksanakan pihak PBT perlu terlebih dahulu memaklumkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia dan setelah penundaan dilaksanakan PBT perlu membuat laporan polis. Kekangan yang dihadapi oleh PBT ialah menguruskan kenderaan buruk, lusuh yang tersadai adalah satu PBT perlu memaklumkan kepada pihak PDRM sebelum penundaan dilakukan dan menyemak dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk mengenal pasti pemilik kenderaan. Dua, depot simpanan bagi kenderaan yang didenda adalah terhad dan tidak mendapat menampung jumlah kenderaan yang banyak. Tiga, tempoh simpanan kenderaan buruk dan lusuh yang penuh adalah disebabkan prosedur pelupusan kenderaan yang memerlukan tempoh yang lama untuk dilupuskan kerana memerlukan semakan atau ulasan daripada pihak polis, JPJ sekiranya kenderaan tersebut terlibat dengan kes jenayah. Cadangan untuk menjadikan tanah rizab kegunaan awam yang terbiar sebagai tapak simpanan kereta buruk juga dalam kajian dan pertimbangan Kerajaan Negeri. Seterusnya saya ingin juga menjawab soalan dari Bukit Gasing tentang kemudahan kaunter secara online ataupun di atas talian. Untuk makluman Yang Berhormat, PBT-PBT yang telah melaksanakan sistem permohonan lesen secara online adalah selain daripada Majlis Daerah Sabak Bernam kesemua 11 PBT telah mengadakan permohonan atas talian tapi untuk lesen anjing itu masih belum dilaksanakan oleh PBT dan saya akan ambil maklum dan akan menyarankan kepada semua PBT supaya mereka memasukkan cadangan tersebut. Selain itu Yang Berhormat Bukit Gasing juga membangkitkan isu tentang objektif pembinaan Japanese Garden. Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan Japanese Garden adalah sebagai tanda atau simbol kepada kerjasama dua hala di dalam bidang ekonomi dan kebudayaan di samping sebagai tanda penghargaan atas sumbangan besar pelabur-pelabur Jepun kepada pertumbuhan ekonomi Negeriyang sekian lama setia kekal menjadi Selangor

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

sebagai salah satu destinasi pelaburan dan rumah kedua mereka. Japanese Garden di Selangor adalah bagi menonjolkan sosial budaya masyarakat Selangor dan sosial masyarakat Jepun yang kaya dengan nilai ketimuran dan kesopanan. Amalan dalam dua-dua budaya seperti gaya, adat, pemakanan dan juga kepercayaan. Di samping itu Japanese Garden dibina sebagai tempat untuk beristirahat dan beriadah serta memacu industri pelancongan, menyemarakkan budaya dan intelektual. Seterusnya Japanese Garden ini dibina adalah sebagai taman untuk menggalakkan sesi tafakur dan untuk mempamerkan spesies tumbuh-tumbuhan yang jarang ditemui dan mempamerkan unsur-unsur landskap yang unik. Bagi tahun 2018 pihak MBSA akan terus menumpukan kerja-kerja pengurusan dan pembangunan fasiliti Japanese Garden atau Taman Persahabatan Selangor Jepun. Seterusnya saya ingin menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Taman Medan mengenai jejantas NPE. Pihak Railway Aset Corporation telah memberi kelulusan bagi MBPJ menjalankan kerja-kerja ukur dan siasatan tanah di rizab RAC. Kerja-kerja pengukuran dan siasatan tanah ini telah siap dilaksanakan oleh MBPJ dan sedang dalam semakan RAC. Status terkini pihak MBPJ dalam proses membuat pindaan reka bentuk jejantas sebagai mana yang diminta oleh KTMB. Seterusnya juga soalan daripada Taman Medan mengenai cadangan bagi tempat letak kereta tambahan di rentis TNB. Untuk mengelakkan halangan lalu lintas di kawasan perumah yang bertingkat. Berdasarkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor bilangan 4/2015 permohonan lesen menduduki sementara LPS di atas tanah rizab kerajaan termasuk di atas rizab talian rintis TNB hanya dibenarkan untuk tujuan satu tanaman kontan. Dua, tapak semaihan ataupun jalan pokok hiasan. Tiga, pondok pengawal. Empat, papan iklan dan menara telekomunikasi. Lima, tempat letak kereta. Oleh yang demikian permohonan LPS bagi tujuan tempat letak kereta di bawah rizab talian rintis adalah dibenarkan. PBT boleh mengemukakan permohonan LPS bagi tujuan tempat letak kereta ini kepada Pejabat Daerah dan Tanah. Seterusnya juga daripada Taman Medan. Memohon PBT untuk pindah status guna tanah bagi tapak loji kumbahan di tukar sebagai kemudahan awam ataupun kawasan rekreasi dan sebagainya. MBPJ telah mengambil kira cadangan tersebut dalam draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 penggubahan tiga dan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 penggubahan 2 yang sedang dijalankan dengan memasukkan tapak-tapak IWK yang tidak lagi digunakan dan akan dizonkan sebagai kegunaan awam atau kawasan lapang. Untuk menjawab soalan daripada Teratai isu gejala sosial di Kampung Baru kerana kebanjiran warga asing. Kerajaan Negerisemangnya prihatin terhadap masalah sosial di kalangan masyarakat di Kampung Baru kesan dari kedatangan warga asing yang bekerja berhampiran dengan Kampung Baru. Dengan itu saya ingin menyatakan kerana bagi pemilik harta tanah ataupun rumah yang sewa rumah kepada warga asing adalah di luar kawalan Kerajaan Negeri.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Minta mencelah. Terima kasih. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat EXCO berkenaan isu warga asing yang telah secara berada di kawasan sekeliling kampung baru itu. Bukan di bawah

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

tanggungjawab Kerajaan Selangor. Itu ialah di bawah Kerajaan Pusat itu imigresen jadi saya berharap bahawa Kerajaan Selangor boleh bawa isu ini kepada Jabatan Imigresen ataupun operasi bersepodu boleh dilaksanakan bersama dengan pihak PBT supaya ataupun kita boleh adakan polisi supaya macam mana kita nak menangani isu ini. Sebaliknya warga asing ini kita juga tidak boleh abaikan. Sebab mereka juga menjadi satu tenaga buruh. Ada golongan antara mereka yang menjadi tenaga buruh di kilang-kilang ataupun di tapak-tapak kerja tapi macam mana kita nak selesaikan isu penempatan warga asing ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Teratai. Seperti apa yang saya katakan tadi bahawa warga asing ini di luar kawalan Kerajaan Negeri. Kebanyakan mereka telah dapat kelulusan daripada imigresen untuk dapatkan permit bekerja di tempat yang berkaitan ataupun di kilang dan sebagainya. Jikalau mereka melakukan satu jenayah dan sebagainya maka polis akan mengambil tindakan ke atas mereka. Kalau mereka merupakan warga asing tanpa izin saya rasa tak ada isu dengan PBT untuk kerjasama bersama dengan imigresen untuk mengambil tindakan dan sebagainya dan saya juga ingin menjawab soalan daripada Hulu Kelang tentang cadangan untuk membina gelanggang futsal di Kampung Baru Hulu Kelang. Kerajaan Negerisentiasa komited dalam menyediakan kemudahan-kemudahan awam ataupun infrastruktur di kawasan Kampung Baru. Bagi cadangan pembinaan gelanggang futsal di Kampung Baru Hulu Kelang, Kerajaan Negeriakan melalui Majlis Perbandaran Ampang Jaya, berhubung dan bincang dengan JKK untuk cadangan dan tapak yang dicadangkan oleh pihak JKK dan sebagainya. Yang Berhormat Sekinchan bertanyakan tentang adakah Kerajaan Negeriuntuk menaiktaraf Dewan Seri Sekinchan. Saya ada satu salinan surat daripada pihak UPEN bahawa pihak UPEN telah menulis satu surat kepada pihak Majlis Daerah Sabak Bernam pada 27 Oktober 2017 berbunyi seperti berikut. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan peruntukan bagi projek-projek di bawah peruntukan P01 permohonan untuk Cadangan Membaik pulih dan Naik Taraf serta Kerja Berkaitan di Dewan Sekinchan telah diluluskan dengan pembayaran dibuat secara direct grant berjumlah RM19,900.00.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya nak minta sedikit pencerahan. Terima kasih kepada UPEN dan juga Yang Berhormat tapi memandangkan dewan itu merupakan mercu tanda di kawasan komuniti masyarakat setempat di Sekinchan dan dimiliki oleh Majlis Daerah Sabak Bernam maka itu hanya satu-satunya dewan yang agak besar sedikit maka saya minta bukan sahaja RM19,900.00 sebagai satu membаіk pulih sahaja. Kita nak buat dewan itu dibuat aircond dan juga dinaiktarafkan sebagai satu dewan yang lebih selesa kerana Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar kalau datang situ ceramah ke, bagi penyampaian boleh lebih selesa. Kalau tidak saya pun agak malu juga sebagai ADUN Sekinchan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Cadangan Yang Berhormat adalah untuk menaik taraf atau membina semula atau macam mana?

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya nak dewan itu dibuat lebih besar. Sekarang itu dewan itu kecil dan tidak beraircond. Panas. Ini yang saya nak minta.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Saya akan minta Majlis Daerah Sabak Bernam untuk memberi satu cadangan kepada pihak Kerajaan Negeriuntuk menilai dan menimbang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Seterusnya juga daripada Sekinchan mengenai pengurusan sisa pepejal di bawah KDEB Waste Yang Berhormat bercadang kepada Kerajaan Negeriuntuk mengambil alih kesemuanya perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di semua PBT Selangor. Kita akan ambil maklum tentang cadangan Yang Berhormat. Setakat ini KDEB Waste telah beroperasi di 3 PBT iaitu MPK, MPAJ dan MPS. Dan juga mereka sedang dalam proses peluasan kepada PBT lain pada tahun 2018 setelah kontrak kutipan dan pembersihan awam operator sedia ada yang dilantik PBT untuk tempoh dua tahun mulai 2016 tamat pada 2018 secara berperingkat di semua PBT.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta sedikit pencerahan. Saya juga ada membangkitkan juga kepada Yang Berhormat Kerajaan Negerisupaya KDEB bukan saja diberi kuasa untuk memberi perkhidmatan kepada semua PBT, kerajaan juga harus mempertimbangkan bagi satu peruntukan secara one off tahunan kepada KDEB untuk memberi lebih banyak lagi compactor. Apa jawapan Yang Berhormat?.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Memang Sekinchan sehingga 2017 sejumlah 62.18 juta telah diperuntukkan kepada KDEB untuk menaik taraf operasi kutipan sisa pepejal termasuk antaranya pembelian compactor, lori RORO dan pembangunan sistem *Auto Vehicle Location System* dan juga *Centralized Command Center*. Untuk makluman Yang Berhormat. Seterusnya daripada Yang Berhormat Ijok tentang pembuangan sampah haram di waktu malam dan juga cadangan daripada Yang Berhormat adalah mempertingkatkan penguatkuasaan. Kerajaan Negerimemandang serius isu yang berkaitan bukan sahaja di kawasan Ijok tetapi juga di seluruh NegeriSelangor dan Kerajaan Negeritelah memberi arahan kepada semua PBT dan juga Pejabat Daerah supaya mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas termasuk rampasan tanah ke atas mereka yang terlibat. Itu yang saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat. Untuk Kota Anggerik telah menanya isu tentang pembangunan di Seksyen 13. Pertukaran zon ke guna tanah dari kawasan rekreasi Seksyen 13 kepada kawasan komersial. MBSA telah meluluskan pelan susun atur Plot B, D, C, F, H, I dan J seluas 284.442 ekar di seksyen 13, Shah Alam daripada kawasan rekreasi kepada kegunaan komersial dan kediaman. Berdasarkan kepada kelulusan tanah yang telah dikemukakan oleh pemaju Tetuan Tadisma Harta Sdn. Bhd. sekitar penghujung tahun 1990 serta urusan pindah dan hal-hal tanah diselesaikan. MBSA mengambil maklum bahawa pihak Tetuan Tadisma Harta Sdn. Bhd. terdahulu telah dikenakan syarat membina Stadium Shah Alam sempena sambutan Sukan Komanwel di Malaysia sebagai komitmen pertukaran pemilikan dan kegunaan tanah tersebut kepada komersial dan kediaman. Rizab tapak polis Seksyen 7 seluas 7 ekar telah diluluskan kali pertama melalui

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

pelan susun atur Seksyen 7 Fasa 3C melalui pelan daftar MBSA pada 4 Februari 1997. Walau bagaimanapun, pihak pemaju Tetuan Jakel Realty Sdn. Bhd. telah mengemukakan permohonan pindahan zon guna tanah dari institusi dan kemudahan masyarakat tapak polis kepada komersial semasa dibuka kapasiti awal pindaan rancangan tempatan Majlis Bandar Raya Shah Alam. Pengubahan 3 kepada orang yang berkepentingan bagi tujuan bantahan dan pandangan awam pada 7 hari bulan.

**Y.B. TUAN DR. YAACOB BIN SAPARI:** Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Belum selesai lagi.

**Y.B. TUAN DR. YAACOB BIN SAPARI:** Apa pandangan Yang Berhormat daripada segi Kerajaan, tanah ini ialah tanah milik kegunaan awam untuk anggota polis. Dan polis bukan untuk polis, polis menjaga kepentingan awam tapi tanah kepentingan awam ini telah berpindah milik menjadi tanah individu. Dan kerajaan pertahankan kepentingan awam ini dan tiada gantian dan mencari tapak untuk polis di sekitar Shah Alam tak ada. Jadi sepatutnya kerajaan kena bertegas bahawa ini kepentingan awam, kena dipertahankan tidak boleh pindah milik kepada milik individu. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Yang Berhormat jawapan saya belum habis lagi, sabar sekejap, sabar, sabar. Cadangan ini telah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan pendengaran awam pada 16 Februari 2015 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Chempaka. Dan diperakukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.3/2/2015 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada 2 Jun 2015. Mesyuarat telah membincangkan perkara ini dan mempertimbangkan dan pertimbangan pertukaran zon guna tanah dari institusi tapak polis kepada komersial adalah berdasarkan perjanjian dan transaksi yang telah pun berlaku antara kedua-dua pihak iaitu JKPTG dan Tetuan Jakel Realty Sdn. Bhd. dengan kos berjumlah RM40 juta pada 25 April 2014. Keputusan mesyuarat tersebut telah mensyaratkan agar kemudahan balai polis diintegrasikan dalam pembangunan tersebut dan nisbah plot yang dibenarkan tidak melebihi 1/4. Rancangan Tempatan Majlis Bandar Raya Shah Alam penggubal 3 telah diluluskan dan diwartakan pada 16 Februari 2017 melalui pelan warta 645 dengan zon guna tanah bagi tapak berkenaan adalah perniagaan dan juga kemudahan balai polis diintegrasikan, sekian.

**Y.B. TUAN DR. YAACOB BIN SAPARI:** Yang Berhormat dia dijadikan *mix development*, saya mencadangkan supaya Rumah Selangorku kena di *impose* kepada pemaju ini sekurang-kurangnya untuk anggota polis.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat sudah keluar tajuk ini Yang Berhormat.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**Y.B. TUAN DR. YAACOB BIN SAPARI:** Ini masih tanah itu, tanah itu jadi saya mencadangkan supaya ada, ada peruntukan disediakan tidak hanya balai polis, hanya balai polis kecil saja disediakan, dia tidak memadai dengan tanah 7 ekar.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat dalam perbahasan memang tak bangkitkan isu tentang Rumah Selangorku jadi saya tak boleh bagi jawapan sekarang.

**Y.B. TUAN DR. YAACOB BIN SAPARI:** Yang Berhormat saya sebut, saya sebut, saya sebut fasal Rumah Selangorku itu.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya akan bagi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tak jawab soalan saya akta minuman keras di tempat-tempat awam itu. Tak ada jawapan?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ada penjelasan daripada Seri Kembangan?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya akan bagi jawapan secara bertulislah kepada Yang Berhormat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Yang Berhormat, silakan Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Nak mencelah sedikit, nak bertanya sikit?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin mengucapkan kepada semua Yang Berhormat yang berhormat yang telah berucap dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin jawab soalan pertamanya saya ingin menjawab soalan daripada Ijok berkenaan projek-projek lampu solar. Untuk makluman Yang Berhormat Ijok, Kerajaan Negeri memang ada melaksanakan beberapa projek-projek baru untuk memasang lampu solar sebagai contohnya di Klang iaitu di Jalan Suria daerah Klang. Kerajaan Negeri telah meluluskan projek dan juga peruntukan sebanyak RM50,000.00 di sana. Di Majlis Perbandaran Klang kita juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM60,000.00 untuk memasang lampu solar atau pun sistem solar di perhentian bas. Di Majlis Daerah Sabak Bernam pun kita ada luluskan projek untuk memasang bumbung solar. Di jeti Pusat Konservatif Kelip-kelip Sungai Panjang dan jumlah peruntukan yang diluluskan adalah RM50,000.00. Selain daripada itu dalam proses semakan

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

dan juga perancangan adalah 2 projek tambahan iaitu 1 projek untuk memasang lampu LED di SS20 Zon Sentral Damansara Utama dan juga di 4 perkampungan Orang Asli yang terpencil jauh daripada kabel atau pun *line* di Negeri Selangor dengan jumlah hampir RM550,000.00.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Boleh saya mencelah tentang solar? Tadi Exco kata kalau lajalan-jalan kampung diterangkan dengan lampu-lampu, jadi masalahnya untuk membayar sewa dengan kos RM10.00 satu tiang. Kalau lajalan kita, Kerajaan Negeri Selangor bina lampu solar bermakna masalah bayar sewa ini tak ada, mungkin *you are killing two birds with one stone*. Itu saya punya pandanganlah.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** RM10.00 itu adalah saya rasa antara pemohon dan juga TNB, Tenaga Nasional Berhad. Bukan RM10.00 itu untuk Kerajaan Negeri. Jadi isu ini perlu diselesaikan di peringkat lainlah bukan di portfolio saya. Jadi saya pejabat saya hanya membantu sebagai contohnya Pejabat Daerah atau pun PBT mana-mana NGO atau pun perkampungan yang ingin dapat perkhidmatan lampu solar. Dan biasanya kita luluskan di kawasan kalau boleh yang agak jauh daripada mungkin *transmission line* dan sebagainya. Kalau secara efisien keberkesanannya lebih baik kalau kita menyambung melalui talian TNB kerana kosnya secara keseluruhannya boleh dikatakan agak munasabah, *if we can reduce cost* dengan izin. Tetapi kita perlu lihat di mana dan juga apa objektif yang dipohonlah oleh sesiapa yang ingin projek tersebut. Saya ingin sambung dengan satu pertanyaan, sebenarnya daripada Dusun Tua tapi saya rasa mungkin Yang Berhormat Dusun Tua pada masa ini sangat sibuk kerana ada isu banjir di kawasannya. Walau bagaimanapun, saya ingin sentuh serba sedikit apa yang dibangkit oleh Dusun Tua. Dusun Tua telah mengatakan dalam dewan ini bahawa ada isu orang yang menyewa di kawasan Kampung Orang Asli Perding. Kampung Orang Asli Perding terletak di daerah Hulu Langat. Keluasan tanahnya adalah 14.344 ekar dan jumlah penduduk orang asli di sana adalah sebanyak 135 orang atau pun terdapat 32 ketua isi rumah di Kampung Orang Asli Perding. Dan di sana infrastruktur seperti jalan raya, balai raya, lampu jalan, bekalan elektrik dan lain-lain sudah dipasang, sudah ada. Dan isu di sana adalah sejak beberapa tahun berdekad-dekad yang lalu ada orang menyewa tanah daripada orang asli di sana. Jadi kalau kita merujuk kepada Akta Orang Asli 1954 atau pun Akta 134, maka di mana-mana rizab orang asli bukan saja di Negeri Selangor tetapi di seluruh Semenanjung Malaysia tiada tanah boleh diberi hak milik, diberikan, dipajakkan atau selainnya dilupuskan kecuali kepada orang asli. Daripada masyarakat orang asli yang biasanya bermastautin dalam rizab itu dan tiada pendudukan sementara mana-mana tanah yang boleh dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah. Maka untuk menguatkuasakan akta ini, ini adalah Seksyen 7 Akta Orang Asli maka Menteri atau pun Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli perlu turun ke sana untuk menyemak keadaan di sana. Apa yang dicadangkan oleh Dusun Tua iaitu untuk melupuskan tanah kepada orang

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

menyewa adalah satu perkara yang saya rasa tidak boleh dipertimbangkan kerana ini adalah kawasan rizab orang asli yang telah di rizab. Jadi mungkin Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat perlu mencari tanah baharu untuk menempatkan semula orang yang menyewa atas tanah orang asli di sana. Yang Berhormat Teratai telah bangkit tentang penguatkuasaan pencemaran pembakaran terbuka dan juga sungai. Untuk makluman Yang Berhormat Teratai, kita ada beberapa agensi yang bertanggungjawab sebagai contohnya untuk pembakaran terbuka di kawasan taman atau pun kawasan perbandaran. Kita merujuk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengambil tindakan. Kalau di kawasan pertanian atau pun di kawasan kilang dan sebagainya maka Jabatan Alam Sekitar Selangor akan dirujuk dan mereka akan mengambil tindakan merujuk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling. Dan kalau di kawasan perhutanan kalau ada kebakaran terbuka yang sengaja dibakar maka Jabatan Perhutanan Negeri Selangor juga ada kuasa di bawah akta mereka untuk mengambil tindakan. Kalau untuk ..

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih. Saya hendak tanya berapa cepatnya atau pun sama ada terdapat KPI berapa cepat bagi pihak penguat kuasa untuk sampai ke tapak apabila selepas satu aduan telah dilaporkan, terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Biasanya dalam masa 24 atau pun 48 jam, biasanya tetapi ada pembakaran sebagai contohnya di kawasan hutan yang kadangkala kita ada pembakaran di tengah-tengah, memang dalam hutan simpan tersebut maka ia akan mengambil masa yang lebih lama kerana kita pernah ada satu kes di mana pembakarannya fokus kepada satu kawasan dalam hutan simpan tetapi untuk masuk kita perlu menggunakan terusan atau pun panel. Kita mengambil bot, hampir setengah hari untuk masuk sahaja kita belum keluar masa itu. Jadi ini terserlah kalau di kawasan taman memang senang untuk pihak PBT untuk turun ke padang untuk melihat keadaan pembakaran terbuka. Kalau di kawasan yang terpencil mereka mungkin akan mengambil masa yang lama. Kalau pembakaran itu sangat-sangat besar maka pihak bomba dan juga Unit Pencegahan Negeri perlu padamkan api dahulu sebelum mereka masuk untuk menyiasat tentang kes tersebut.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Minta mencelah. Masa itu sangat penting, terima kasih. Masa itu sangat penting bagi pihak penguat kuasa sampai ke tapak sebaik saja satu aduan telah dilaporkan ini disebabkan bagi pembakaran terbuka apabila pihak penguat kuasa sampai mungkin keesokan harinya yang pembakaran terbuka dah habis dilakukan. Selepas itu agak sukar untuk pihak penguat kuasa untuk cari sesiapa yang membakar membuat pembakaran terbuka itu. Dan apabila pihak penguat kuasa tidak dapat mencari sesiapa yang melakukan tindakan pembakaran

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

terbuka itu, perkara masalah yang sama akan berlaku di tempat yang sama. Sebagai contohnya di kawasan Teratai selalunya berlaku di Bukit Tagar itu. Tidak dapat cari sesiapa lepas itu kalau dapat tahu di mana tempatnya tapi disebabkan pembakaran terbuka itu dah siap, dah habis sebab dah lamakan, itu yang menyebabkan kesalahan masalah yang sama berulang kali berlaku, terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Teratai. Oleh sebab itulah pemilik lot atau pun tanah diberi tanggungjawab untuk menjaga tanah mereka. Sudah tentu sesiapa yang ingin membakar secara sengaja tidak ada sesiapa yang boleh pergi ke tempat tersebut pada masa yang tepat dan mencari orang yang buat kesalahan tersebut. Memang ada bukti, buktinya adalah pembakaran, kita ada SOP, kita ada forensik dan sebagainya. Cuma pemilik tanah perlu mengambil tanggungjawab untuk mengelakkan pembakaran tersebut untuk mengulang sekali atau pun kalau pemilik sekongkol dengan orang yang bakar sebagai contohnya sampah dan sebagainya, maka kita akan mengambil tindakan ke atas pemilik tanah tersebut, ok? Terima kasih Teratai. Saya sekarang ingin menjawab beberapa soalan daripada Yang Berhormat Sekinchan, Batang Kali, sila masuk cepat, Hulu Langat dan juga Damansara Utama. Dan ini adalah berkaitan dengan *sorry*, Hulu Kelang, berkaitan dengan pelancongan. Sekinchan telah menanyakan status Pusat Informasi Pelancongan Sekinchan. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Sekinchan, projek pembangunan Pusat Informasi Pelancongan Sekinchan sedang diuruskan oleh Majlis Daerah Sabak Bernam dengan kerjasama Persatuan Kemajuan Pelancongan Sekinchan dan dibantu oleh pihak Tourism Selangor Sdn. Bhd. Jadi satu sesi lawatan tapak teknikal telah dilaksanakan oleh pihak yang terlibat pada 18 Julai 2017. Namun begitu, buat sementara ini Pejabat Daerah Tanah Sabak Bernam masih melaksanakan kerja-kerja teknikal melibatkan penyemakan status tanah dan juga kerja-kerja pengukuran tanah yang telah dicadangkan bagi pembinaan pusat pelancongan tersebut. Maka kalau isu tanah tidak dapat diselesaikan saya mengesyorkan agar satu premis di bawah Majlis Daerah Sabak Bernam boleh disewakan bagi tujuan untuk mendirikan Pusat Informasi Pelancongan di Sekinchan dan juga secara umumnya untuk Sabak Bernam. Batang Kali telah

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta mcelah.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Berkaitan dengan TSC (Tourism Information Center) setakat ini berapa peruntukan sudah disediakan untuk pembinaan TSC ini kerana dia sangat terdesak dan dia setaraf dengan pembangunan promosi pelancongan e-tourism ini, Sekinchan ini minta pihak Exco bagi penjelasan sikit.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Akan dimuktamadkan selepas penyemakan dan juga kerja-kerja pengukuran tanah. Jadi saya tidak dapat memberi

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

kos yang tepat kepada Yang Berhormat. Jadi keadaannya sangat-sangat mendesak seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Sekinchan, saya syorkan supaya satu premis yang lain boleh disewa buat sementara ini supaya kita boleh menjalankan program atau pun aktiviti mempromosikan dan memberikan maklumat kepada pelancong-pelancong yang datang ke Sekinchan dan juga yang ingin menjelajah di seluruh daerah Sabak Bernam. Yang Berhormat Batang Kali telah bangkit tentang kos di mana Yang Berhormat mengatakan tidak cukup kalau kita melihat jumlah kos yang tercetak atau pun jumlah peruntukan yang dicetak yang diperuntukkan untuk menaik taraf projek-projek di khasnya kerana Yang Berhormat Batang Kali memang suka sukan paragliding dekat Kuala Kubu Baharu. Untuk makluman Yang Berhormat Batang Kali yang saya harap dapat dengar di luar Dewan ini, lokasi di mana kita telah menumpukan fokus untuk sukan paragliding di Kuala Kubu Baharu. Sebenarnya kita telah memberikan peruntukan pada tahun ini, sebagai contohnya kerja-kerja menaik taraf jalan ke tapak tersebut dan juga kerja-kerja menyediakan lapangan pelepasan di Bukit Batu Pahat, Kuala Kubu Baharu. Selain daripada itu, kita juga ada menaik taraf Taman Rama-rama di kawasan tersebut. Jumlah kos projek yang diluluskan adalah RM60,000.00 setakat ini dan kita akan tambah setiap tahun. So, kita akan buat fasa demi fasa di tapak tersebut. Hulu Kelang telah cadangkan untuk menjadikan Kampung Kemensah sebagai lokasi Pelancongan penting di Negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Kelang, Kerajaan Negeri memang sentiasa menyokong pembangunan sektor pelancongan di kawasan luar bandar atau pun pinggir bandar seperti di Kemensah. Sebagai contohnya pada tahun 2016, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM10,000.00 kepada Tourism Selangor bagi penganjuran Program King of Kampung Kemensah Tour Run 2016 dan sebanyak RM15,000.00 telah disalurkan kepada Majlis Perbandaran Ampang bagi penganjuran aktiviti Kemensah pada tahun yang sama. Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor turut mempromosikan Kemensah sebagai salah satu destinasi aktiviti pelancongan di mana aktiviti sukan 8TV Kemensah akan disertakan di laman web rasmi Tourism Selangor. Selain daripada itu, aktiviti-aktiviti melalui kerjasama media dalam program Media Familiarization Trip atau pun Farm Trip telah banyak kali mengunjungi Kemensah. Sebagai contohnya paling terkini Kerajaan Negeri melalui program *ngeteh, eat travel ride*, 6.0 telah membawa media dari luar negara dan juga dalam negara untuk mengunjungi Kemensah pada 5 Oktober 2017. Tapi bagi tujuan pemutihan produk-produk pelancongan seperti chalet, resort dan juga 8TV Kemensah tersebut, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Ampang Jaya akan menyemak dan memperhalus semula perkara ini terlebih dahulu kerana ia melibatkan perundangan yang perlu dipatuhi. Akhirnya, Damansara Utama telah membangkitkan beberapa perkara mengenai pelancongan, hasil pelancongan di luar bandar. Dan antaranya adalah berkenaan jeti Pulau Ketam. Untuk makluman Yang Berhormat Damansara Utama, Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan memberi perhatian kepada produk-produk pelancongan khasnya di kawasan luar bandar. Jadi di Pulau Ketam memang kita telah membantu Yang Berhormat di sana dan juga mengadakan beberapa aktiviti lawatan media dan sebagainya. Cuma jeti Pulau Ketam bukan hak milik

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Kerajaan Negeritapi merupakan jeti milik Jabatan Laut Semenanjung Malaysia dan kerja-kerja menaik taraf jeti adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Meskipun demikian, Kerajaan Negeriprihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh penduduk dan juga pengunjung Pulau Ketam. Justeru itu, Kerajaan Negerimelalui Pejabat Daerah Tanah Klang akan mengambil inisiatif untuk memaklumkan kepada pihak Jabatan Laut Semenanjung Malaysia untuk menyemak semula ciri-ciri keselamatan kepada pengunjung memandangkan Pulau Ketam pada hari ini merupakan antara tumpuan destinasi pelancong-pelancong di NegeriSelangor. Kerajaan Negerimelalui Tourism Selangor juga akan bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia untuk memastikan agensi-agensi pelancongan yang berkaitan. Kita dapat menyemak dan mengkaji koordinasi pengusaha-pengusaha bot penumpang bagi kemudahan pelancong pada masa hadapan. Untuk makluman Yang Berhormat Damansara Utama sejak tahun 2014, Kerajaan Negerisudah pun memberi keutamaan pembangunan produk-produk pelancongan kepada PBT yang tidak mempunyai hasil yang banyak seperti Majlis Daerah Hulu Selangor, Majlis Daerah Sabak Bernam, Majlis Daerah Kuala Langat dan Majlis Daerah Kuala Selangor. Untuk makluman semua, Kerajaan Negeritelah memperuntukkan sejumlah RM4.1 juta semenjak 2014 sehingga bulan Oktober 2017 kepada PBT-PBT tersebut bersamaan dengan 41% berbanding dengan jumlah keseluruhannya sebanyak RM10 juta. Kerajaan Negerijuga memperuntukkan tahunan untuk menaik taraf produk-produk pelancongan tapi kita berdasarkan kepada perancangan dan juga permohonan daripada agensi-agensi kerajaan seperti Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah dan Pihak Berkusa Tempatan. Kita memang ada merancang, kita juga merancang melalui RMK, so pada masa ini ada RMK-11, 2016 tahun 2016 sehingga 2020. Jadi dalam 5 tahun ini, Kerajaan Negeritelah menganggar hampir RM9.314 juta untuk menaik taraf produk-produk pelancongan. 2 tahun iaitu 2016 dan 2017, Kerajaan Negeritelah memperuntukkan RM2.5 juta. Untuk tahun ini kita akan kurangkan tetapi untuk tahun yang akan datang iaitu pada tahun 2019 dan 2020, kita akan menambah mengikut permintaan dan juga keadaan semasa kita membuat belanjawan. Jadi kita ...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Damansara Utama minta bertanya?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Oh yes, silakan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya hanya berbanding dengan peruntukan untuk produk-produk pelancongan di luar bandar, saya dengar daripada Y.B. Exco bahawa, *since* 2014 sampai sekarang kita ada RM4.1 juta. Tapi apa yang saya bangkitkan adalah perbandingan antara apa yang kita peruntukan untuk promosi untuk tahun ini saja RM4.5 juta promosi. Tapi infrastruktur 3 tahun RM4.1 juta dan juga dengan itu, seksyen bukan saya hendak tumpukan perhatian kepada tempat letak kereta di Shah Alam. Di mana kerajaan, Kota Anggerik akan marah saya. Kerajaan NegeriSelangor bagi peruntukan RM4.5 juta untuk mendirikan satu multi

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

*level parking* di Shah Alam, di mana itu *local council* yang boleh membiayai sendiri tetapi untuk infrastruktur luar bandar kita dapat 3 tahun RM4.1 juta sahaja, itu perbandingan yang saya hendak minta penjelasan daripada kerajaan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih, untuk makluman Damansara Utama jumlah yang diperuntukkan bukan saja untuk promosi tetapi juga untuk aktiviti atau pun acara pelancongan. So, sebagai contohnya kita ada maraton, kita ada program-program yang bukan saja dijalankan oleh Tourism Selangor atau pun di peringkat Kerajaan Negeritapi juga di peringkat PBT. So, sebagai contohnya semalam saya telah jawab soalan dari Kuala Kubu Baharu di mana satu jumlah yang besar telah diberi kepada Majlis Perbandaran Klang, Majlis Daerah Hulu Selangor untuk menjayakan program-program melawat Hulu Selangor dan juga melawat Klang. Dan selain daripada itu, memang banyak PBT dan juga Pejabat Daerah memohon kepada Kerajaan Negeriuntuk membuat pelbagai acara. Untuk infrastruktur kita ada bukan saja dana daripada Kerajaan Negeritapi kita juga memohon daripada Kementerian Pelancongan dan saya dimaklumkan pada tahun ini, 3 projek telah diluluskan di peringkat Kementerian. Cuma saya tidak ada butiran di depan saya, jadi kita ada beberapa opsyen untuk mendapat *fund*, untuk menaik taraf produk-produk pelancongan, ok, Jadi dengan itu, saya ingin ucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang mengambil yang menyertai dalam perbahasan ini dan sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Bukit Lanjan, silakan Chempaka.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Assalamulaikum Warahmatullahir Wabarakatuh, selamat petang. Bissmilahirrahmannirahim, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah menyentuh tentang isu-isu perumahan. Saya ingin menjawab atau pun memberi komen, ulasan daripada Taman Medan bahawa perlu disediakan kawasan riadah atau tempat untuk penduduk atau anak-anak penduduk membuat kerja rumah ataupun *homework*. Di sini ingin saya menyatakan atau mengumumkan bahawa kita sedang merangka polisi Rumah SelangorKu atau menambah baik polisi Rumah SelangorKu sedia ada untuk menjadi polisi Rumah SelangorKu 2.0. Di antara beberapa perkara yang akan kita tambah baik tentang penetapan piawai atau statistik dan juga kemudahan-kemudahan. *InsyaAllah* cadangan Yang Berhormat akan kita masukkan atau kita bincangkan apabila merumus akan polisi Rumah SelangorKu 2.0. Teratai telah membangkitkan isu anak-anak yang tinggal di Perumahan Berstrata supaya dididik dari segi keselamatan. Ingin saya melaporkan di sini bahawa kerajaan Negeritelah ada satu program yang bernama Kelab In kreatif Komuniti atau KLIP yang telah dilaksanakan di 11 kawasan pangsapuri setakat ini. Kelab In Kreatif Komuniti ini adalah untuk remaja dan *insyaAllah* pendidikan tentang keselamatan kehidupan di pangsapuri atau Perumahan Berstrata ini boleh diterapkan ke dalam kurikulum Kelab In Kreatif Komuniti ini. Terima kasih kepada Permatang yang telah mengulas atau telah menyentuh isu perumahan. Satu perkara atau satu pertanyaan tentang

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

PK.15 tentang Rumah SelangorKu 151005 sebanyak RM46 juta. Untuk makluman Dewan bahawa RM46 juta ini adalah satu projek Rumah SelangorKu di bawah Lembaga Perumahan dan Hartanah NegeriSelangor (LPHS) iaitu ini adalah projek di bawah projek LPHS sendiri. Dan ianya adalah lokasi di Glenmarie Shah Alam, di mana akan dibina 1028 unit rumah atau di atas tanah seluas 9.10 hektar. Rumah SelangorKu yang akan dibina adalah Jenis B 213 unit, Jenis C 213 unit, Jenis D 284 unit. Keseluruhannya 710 unit atau 69% daripada pembangunan. Terdapat juga rumah harga bebas iaitu 1,000 kaki persegi 195 unit dan 1,200 kaki persegi sebanyak 159 unit juga yang itu 31% daripada keseluruhan projek tersebut. Nilai projek ini adalah RM291,296,00 juta iaitu RM291.296,00 dan ia akan disiapkan 4 tahun, ia program *Design Built*. Ini adalah satu bukti di mana kerajaan Negerisendiri yang mengambil alih ataupun terlibat di dalam pembinaan Rumah SelangorKu. Dan kita tidak hanya melepaskan kepada pemaju-pemaju melalui polisi Rumah SelangorKu. Tentang peranan PKNS dan GLC di dalam Pembinaan Rumah Mampu Milik ingin saya menetapkan atau mengumumkan di sini bahawa daripada 2008 hingga 2017 Projek Rumah SelangorKu yang siap atau akan dibina atau lulus oleh kerajaan NegeriSelangor oleh syarikat-syarikat kerajaan NegeriSelangor adalah sebanyak 10,983. Sementara jumlah projek telah dibina oleh syarikat NegeriSelangor adalah 2,424 projek. Permatang juga telah membangkitkan isu tentang Rumah SelangorKu yang sepatutnya dibina oleh Tetuan Globis iaitu di Kuala Selangor di Pasir Penampang. Ingin saya mengumumkan di sini memang benar bahawa terdapat pelanggaran syarat dari segi pembinaan rumah yang telah dilakukan oleh pemaju tersebut iaitu Globis. Dan kerajaan Negeridan Majlis sedia maklum akan perkara tersebut dan Majlis telah menyekat akan sebarang kelulusan kepada pelan pembangunan bagi lain-lain projek syarikat tersebut sehingga Rumah SelangorKu ini dibina. Bermakna memang kita ia merupakan satu projek yang satu kawasan yang besar 350 hektar. Memang benar mereka membina rumah yang bukan SelangorKu dulu terlebih dahulu dan ini tidak boleh kelulusan yang diberi kerana mereka perlu buat Rumah SelangorKu dulu. Akan tetapi apabila kita dapati Majlis telah menetapkan bahawa Majlis telah *block* semua kelulusan bangunan bagi projek-projek lain di situ. Mungkin MMKN telah dapat tetapi kelulusan pelan bangunan memang disekat oleh pihak Majlis. Ini kita memang serius tentang perkara ini. Hulu Kelang telah membangkitkan pembiayaan pembinaan rumah oleh kerajaan Negerisendiri. Buat masa ini dari segi kapasiti kerajaan Negerikita hanya ada program Smart Selangor di mana kita hanya mendahulukan 10% meminjamkan 10% pulangkan balik kepada mereka yang hendak membeli rumah tetapi untuk meminjam atau mendahulukan 90% yang ini perlu ada satu kajian yang terperincilah. Saya ada berbincang dengan Hulu Kelang di luar Dewan beliau ada cadangan dan kerajaan Negeribersedia untuk mendengar cadangan tersebut. Seperkara lagi adalah dari segi tentang Hulu Bernam telah membangkitkan bahawa kerajaan Negeridalam Mesyuarat MMKN pada 12 September 2011 telah menolak permohonan tanah daripada FELDA saya ingat tarikh ini silap, sebab tarikh 12.9.2011 adalah hari Isnin ya EXCO bukan hari Isnin, EXCO hari Rabu. Walau bagaimanapun memang betul kerajaan Negeriada menolak iaitu pada tarikh yang

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

lain. Tetapi kerajaan Negerijuga telah meluluskan tanah kepada FELDA saya baca minit ataupun keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negerimeluluskan secara pewartaan di bawah Seksyen 4, 5, 6 dan 8 Akta GSA 1960 kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan hanya untuk ladang dan pendapatan peneroka seramai 139 orang dari FELDA Tinggi Selatan, Mukim Sungai Tinggi Hulu Bernam, Daerah Hulu Selangor. Di senarai nama di lampiran F seluruh lebih kurang 679.97 hektar atau 1,679. Ada yang kita lulus ada yang kita tolak. Kenapa kerajaan Negerimenolak adalah kerana kerajaan Negerihendak membina rumah generasi kedua ini sendiri dan sekarang ini memang kita telah dalam proses pembinaan di Sungai Tinggi Selatan. Itu sebagaimana saya umumkan sebanyak 136 unit di atas tanah 17 hektar. Walau bagaimanapun ada tanah lain yang boleh kita bina untuk fasa selanjutnya. Iaitu tanah yang telah diberi milik kepada Perbadanan Menteri Besar iaitu MBI di Sungai Tinggi Selatan iaitu sebanyak 1,128 hektar ataupun 2,780 hektar yang boleh dibina dengan Rumah Generasi Kedua FELDA. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Cempaka. Sebelum saya mempersilakan Taman Templer. Yang Berhormat sekalian urusan kita masih panjang kita memerlukan tambahan masa. Saya mempersilakan Y.A.B Dato' Menteri Besar untuk membawa usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut: Bahwasanya Dewan bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 Dalam Peraturan Tetap Dewan NegeriSelangor hendaklah menyambung persidangan sehingga selesai semua urusan Dewan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Timbalan Speaker saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat sekalian usul telah disokong. Saya membuka untuk persetujui Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA sila kata YA yang kata **TIDAK**.

**Dipersetujui.**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya silakan Taman Templer.

**Y.B. TUAN HAJI ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan terima kasih rakan-rakan ahli Dewan yang menyentuh dengan infrastruktur dan juga pertanian. Saya mulakan dengan Sekinchan. Projek menaik taraf benteng di Muara Sungai Sekinchan sebagaimana dibangkitkan iaitu sepanjang 100 meter supaya pasir tidak masuk ke dalam sungai. Dalam proses reka bentuk dalaman dan akan di tender pada Tahun 2018. Pada Tahun 2018 peruntukan sebanyak RM800,000 telah pun diperuntukkan di bawah Butiran Kerja-kerja Mendalamkan Muara dan membina kronis di Sekinchan. PK.6/06122. Sekinchan juga membangkitkan supaya menaik taraf Ban seluruh di NegeriSelangor. Pada Tahun

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

2018 sebanyak RM9,500,000 diperuntukkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran bagi kerja-kerja pembangunan pantai di seluruh Negeri Selangor. RM9.5 juta daripada jumlah keseluruhan tersebut sebanyak RM 7,200,000 diperuntukkan untuk memperkuatkkan benteng pantai. Antara kawasan yang terlibat adalah Ban Pantai Batu Laut, Daerah Kuala Langat, Ban Pantai Tanjung Rhu, Daerah Sepang, Ban Pantai Remis, Daerah Kuala Selangor dan Tebing Pantai Coastal Berth, Daerah Sabak Bernam. Manakala bagi pemeliharaan dan pemuliharaan pantai dan muara pula mendapat peruntukan sebanyak RM2,300,000 bagi kerja pengorekan muara sungai di Daerah Kuala Langat dan Sabak Bernam. Mendalamkan muara Sungai Sekinchan dan juga pemberian tembuk penahan ombak di Dataran Morib. Untuk pengetahuan Sekinchan sepanjang pantai di seluruh Negeri Selangor adalah 492.1 kilometer termasuk 1 kilometer di setiap muara. Maka agak sukar untuk kita memastikan keseluruhannya maka kita akan adakan program menaikkan taraf ini secara berperingkat. Sekinchan juga ada menyentuh berkenaan dengan Parit 5 dan Parit 6 untuk dinaiktarafkan. Untuk makluman Sekinchan untuk menaik taraf longkang Parit 6 telah diluluskan di bawah peruntukan Caruman Parit yang sebelum ini reka bentuk akhir naik taraf longkang ini Parit 6 telah disiapkan oleh perunding. Anggaran kosnya kurang lebih RM 5 juta. Namun begitu ia tidak dapat ditenderkan untuk Tahun 2017, maka pihak kerajaan Negeriakan melihat dari sudut peruntukan Pembangunan P.13 untuk Tahun 2019.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat EXCO. RM2,017.00 tahun ini tidak dapat dilaksanakan. 2018 bagaimana pula kenapa perlu tunggu 2019?. Minta penjelasan secara *detail*.

**Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Sekinchan. Dasar asalnya sebagaimana disebutkan Projek Menaik taraf Longkang dan Parit 6 ini telah pun disiapkan oleh perunding. Dari sudut reka bentuknya, anggaran, bajetnya telah ada dan pada dasarnya dimasukkan ke dalam peruntukan Caruman Parit. Tetapi oleh sebab anggaran Caruman Parit itu tidak seperti mana yang kita anggarkan, maka oleh sebab menaik taraf Parit 6 ini berada di senarai keutamaan bawah, maka ia terlepas tersenarai untuk dilakukan pada Tahun 2017. Walau bagaimanapun, seperti mana saya sebutkan *InsyaAllah* (dengan izin), maka kita lihat dalam PK.13 2019 harap Sekinchan bersabar. Sekinchan juga ada membangkitkan berkenaan dengan menaik taraf jalan-jalan bendang menggunakan peruntukan MARRIS. Untuk pengetahuan Sekinchan, jalan-jalan ladang di kawasan sawah Sekinchan di naiktaraf dan diselenggarakan oleh Pejabat Projek Barat Laut (IADA). Kerjasama ini telah pun dibincangkan dan telah dipersetujui bersama semasa Mesyuarat Penyelarasaran Projek Infrastruktur antara JPS Daerah Kuala Selangor dan JPS Daerah Sabak Bernam bersama dengan IADA Barat Laut pada Januari 2015. Dan keputusan tersebut berkuat kuasa hingga kini bermaksud Barat Laut lah yang akan menyelenggarakan kawasan-kawasan jalan di kawasan bendang atau di kawasan sawah. Peruntukan MARRIS di Daerah Kuala Selangor akan digunakan untuk membaik pulih jalan-jalan pertanian di luar kawasan sawah. Kota Damansara

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

menyentuh berkenaan dengan supaya disegerakan kerja-kerja pengambilan tanah kerana kerja-kerja menaik taraf Jalan Pelampas, Kampung Melayu Subang tergendala sekian lama. Permohonan pemberian tanah telah dihantar ke Pejabat Tanah Daerah Petaling pada 31 Oktober untuk tindakan selanjutnya dan kelewatan ini disebabkan kita masih lagi menunggu kelulusan penggantian tanah rezab Melayu oleh Pejabat Tanah dan Daerah kerana permohonan perlu dihantar bersekali dengan kelulusan penggantian tanah. Maka di sana ada proses yang perlu diselesaikan. Seri Andalas ada membangkitkan berkaitan dengan taman perumahan yang telah pun berusia sekian lama hampir 50 tahun dan memerlukan kepada menaik taraf parit dan kolam takungan. Untuk makluman, parit dan saliran dalam taman secara umumnya adalah di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak Kerajaan Negeri melalui JPS akan menaik taraf dan menyelenggara saliran utama dan sungai. Manakala bagi menaik taraf dan penyelenggaraan kolam takungan pula, pihak JPS akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya kolam berkenaan telah diserahkan kepada JPS secara rasmi dengan syarat yang ditetapkan oleh JPS, oleh pemaju dan juga Pihak Berkuasa Tempatan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Boleh mencelah?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Seri Andalas, sila.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Saya minta Kerajaan untuk kajilah sebab bila katakan longkang dan parit di taman itu di bawah PBT. Jawapan dari PBT kepada kita ialah tak cukup bajet atau tiada bajet untuk naik taraf longkang dan parit di dalam PBT. Saya ingat kita kena dapat bantuan dari Kerajaan Negeri untuk atasi masalah ini juga.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih, Seri Andalas. Kita sememangnya maklum tentang kekangan tersebut. Secara spesifik kita akan melihat permasalahan kawasan atau pun taman di mana kerana ada juga peruntukan-peruntukan yang boleh disalurkan untuk membuat kajian-kajian atau pun menaik taraf. Seri Andalas ada menyentuh berkaitan dengan pam yang katanya telah pun ditender tetapi masih belum kedapatkan. Hasil semakan saya, ianya masih di peringkat cadangan sebenarnya yang dipohon untuk dimasukkan dalam bajet mengurus 2018 tetapi di sana ada senarai keutamaan yang lain. Maka ia tidak dimasukkan dan tidak benar pernyataan katanya telah dibeli atau pun telah ditender. Sungai Burong berkaitan pengorekan muara sungai. Untuk makluman, *outlet* kunci air Parit 3 berfungsi untuk mengalirkkan air dari kawasan pengairan barat laut bagi mengurangkan sebu di *outlet* berkenaan. Struktur groynes sepanjang 100 meter telah pun dibuat dan disiapkan pada tahun 2016. Selain itu, *outlet* berkenaan juga telah dikorek, diselenggara pada Jun 2017 untuk melancarkan pengaliran keluar air. Makna katanya ianya telah pun dilaksanakan penyelenggaraan dan sepatutnya ianya telah selesai. Sungai Burong juga ada membangkitkan berkenaan

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

dengan benteng daripada Kampung Sungai Kajang hingga ke Kampung Lembah Pantai. Terdapat hakisan akibat daripada fenomena air pasang besar pada awal tahun 2017 di Kampung Bagan Sungai Kajang. Kerja pemberian secara sebut harga telah disiapkan pada Ogos 2017. Bagi benteng Kampung Lembah Pantai pula, kerja menaik taraf benteng telah siap pada Oktober 2017. Sudah selesai sungai Burong juga ada membangkitkan berkenaan dengan banjir yang menenggelamkan tanaman kontan dan sebagainya. Kerja mendalamkan *outlet* pintu air telah disiapkan pada bulan September 2017. Baru sahaja selesai bagi melancarkan air keluar dari saliran kampung. Manakala bagi penyelesaian jangka panjang, dicadangkan kerja menaiktaraf pintu air sedia ada daripada 1 pintu kepada 2 pintu. Perbincangan dengan JKR daerah sedang dibuat kerana kerja menaik taraf pintu air untuk jangka masa panjang ini melibatkan pemotongan *open cut* jalan JKR itu sendiri. Kinrara ada membangkitkan berkenaan dengan menaik taraf saliran di kawasan kampung sekitar terutamanya di Kampung Batu 13, Puchong. Untuk makluman Kinrara.....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sungai Burong, minta bertanya.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Minta penjelasan sikit Yang Berhormat EXCO. Saya ada tanya dari segi walau pun kerja-kerja membuat benteng sungai itu telah selesai tetapi ada *portion* daripada persimpangan Jalan Sungai Terkiran Baruh sehingga ke persimpangan Jalan Khir Muhid di Jalan Kilang Padi itu yang masih belum dibuat apa-apa. Jadi itu yang minta supaya kalau boleh dipertimbangkan permohonan itu. Ini tak ada jawapan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih, Sungai Burong. Kita mengambil maklum berkenaan dengan permasalahan yang masih lagi belum selesai. Walau bagaimanapun, sepertimana yang saya sebutkan, tindakan telah diambil untuk jangka masa pendek. Untuk jangka masa panjang, sudah pasti di sana ada perkara-perkara lain lebih besar yang perlu diambil tindakan. Untuk Kinrara, kerja menaik taraf parit utama dan sistem parit dalaman serta kerja berkaitan di Kampung Bukit Lanchong dan Kampung Sungai Baru, Puchong akan ditender pada Disember 2017 dengan syiling projek RM12 juta untuk RMK-11 dan untuk 2018 sebanyak RM2 juta telah pun diperuntukkan. Dengkil ada membangkitkan berkaitan permasalahan sistem perparitan di Kampung Pulau Meranti. Untuk makluman, projek menaik taraf sistem saliran Pulau Meranti telah siap sepenuhnya pada 6 Mei 2017 dan sehingga kini setelah penyiapan projek tersebut tiada lagi aduan berkaitan kejadian banjir dilaporkan. Untuk makluman juga, sehingga kini tiada isu banjir di hadapan Masjid Bukit Changgang. Namun begitu, kita memahami penduduk memerlukan kawasan berkenaan untuk dijadikan tempat *parking* semasa solat Jumaat. Isunya sekarang ini dah bertukar menjadi isu *parking*, tidak lagi berlakunya banjir. Secara dasarnya JPS tidak menggalakkan atau

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

pun membenarkan parit utama atau pun anak sungai ditutup untuk tujuan *parking* kereta atau jalan. Walau bagaimanapun, pihak Negeri melalui JPS akan meneliti cadangan jika ada permohonan daripada pihak lain dengan syarat tidak ada halangan kepada laluan sediada dan juga rekabentuk struktur *box culvert*, dengan izin hendaklah bersesuaian dengan kerja-kerja pengelenggaraan untuk membolehkan bahawa saliran JPS itu dapat digunakan untuk kemudahan *parking*. Balakong ada menyentuh berkenaan dengan kerja menaik taraf Sungai Langat. Untuk makluman, ianya telah pun diluluskan sebanyak RM40 juta oleh Kerajaan Persekutuan. Lantikan perunding dilantik oleh JPS Malaysia dan proses rekabentuk akan dibuat pada tahun 2018 dan kawasan yang terlibat di Daerah Hulu Langat adalah dari Batu 10 hingga ke Batu 12. Morib ada bangkitkan berkenaan dengan jalan susur di Pantai Morib, di Pantai Kelanang telah pecah akibat air pasang. Untuk makluman, jalan susur berkenaan dibina menggunakan tar dan ianya di bawah pihak Majlis. Pihak JPS sedang melaksanakan kerja pembaikan dan meninggikan jalan susur di Pantai Morib ke Pantai Kelanang dengan menggunakan *crusher run*. Selain itu, kampung di kawasan berkenaan tidak terlibat dengan kejadian banjir akibat air pasang kerana terdapat ban JPS selari dengan jalan susur berkenaan. Ada *second layer*, lapisan yang kedua. Itulah ban yang sebenarnya yang telah pun diselenggara oleh JPS untuk mengelakkan kejadian banjir. Manakala yang ban-ban yang digunakan jalan di sepanjang Pantai Morib itu adalah lebih kepada tujuan perhubungan dan juga pelancongan yang menggunakan tar atau pun premix yang akan digantikan dengan *crusher run*. Dusun Tua ada bangkitkan berkenaan dengan banjir. Punca kejadian banjir adalah sebenarnya disebabkan oleh hujan lebat setempat dan juga pembangunan setempat. Pihak JPS dan juga MPKj telah mengambil tindakan seperti berikut :-

1. Kerja-kerja penstabilan dan pengukuhan tebing Sungai Langat di Batu 11 hingga Batu 12, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat telah pun dilaksanakan dengan kos RM145,622.80.
2. Kerja-kerja penstabilan dan pengukuhan tebing Sungai Langat dari Batu 10, Jalan Hulu Langat ke Sungai Sering, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat dengan kos RM143,577.00.
3. Kerja-kerja penyelengaraan cuci gali Sungai Jernih di Kampung Sungai Serai dengan kos RM26,680.00.

Keseluruhannya, RM315,879.80 untuk tahun 2017. Beberapa tindakan telah pun diambil oleh pihak Majlis termasuk bila berlakunya banjir. Pihak Majlis Perbandaran Kajang telah pun serta-merta mengarahkan pihak pemaju untuk membersihkan rumah-rumah mangsa banjir dan telah pun memberikan notis berhenti kerja dan notis kompaun. Ini berkaitan dengan banjir yang disebabkan oleh AKVE di mana kompaun di bawah Seksyen 71, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 sebanyak RM250,000.00 sepertimana yang disebutkan oleh Dusun Tua semasa bertanyakan

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

soalan. Dusun Tua juga ada membangkitkan berkenaan dengan longkang yang tidak dikorek atau pun *culvert* yang tidak diperbaiki di depan Petronas Taman Bunga Raya, Batu 14. Untuk makluman, punca banjir adalah kerana longkang jalan *road side drain* tidak dapat menampung air dari kawasan perumahan dan air bukit sebelum memasuki *moonsun drain*. Cadangan penyelesaian jangka pendek di mana pihak JKR Hulu Langat telah menjalankan siasatan dan telah pun membuat permohonan *notification of defect* untuk permohonan peruntukan bagi membesarkan longkang tepi jalan. Untuk jangka masa panjang, permohonan juga telah dimasukkan oleh JKR Hulu Langat di bawah program 2018. Dusun Tua juga membangkitkan berkenaan dengan anak sungai yang tidak dibersihkan, Sungai Gahal. Untuk makluman, lokasi Sungai Gahal berada di dalam tanah persendirian. Maka kerja penyelenggaraan akan dilaksanakan sekiranya mendapat kebenaran daripada tuan tanah untuk melalui tanah mereka. Jadi permasalahan ini amat diperlukan bantuan daripada pihak Ahli Dewan Negerisupaya boleh berbincang dengan pihak tuan tanah untuk membolehkan pihak JPS melakukan penyelenggaraan. Bukit Melawati ada membangkitkan berkenaan dengan perangkap sampah. Untuk makluman, pihak jabatan akan mengkaji kesesuaian pembinaan perangkap sampah di kawasan yang disebutkan memandangkan kawasan ini terlibat dengan kesan air pasang dan surut. Sepertimana soalan sebelum ini, jawapan yang telah pun diberikan dari sudut telah pun ada perangkap sampah di hilir. Walau bagaimanapun, sepertimana yang dibangkitkan oleh Bukit Melawati berkenaan dengan pemandangan yang tidak enak yang mencacatkan keadaan, terima kasih dan kita akan membuat kajian dari sudut kesesuaian tempat yang dicadangkan. Bukit Melawati juga ada membangkitkan berkenaan dengan Jeti Nelayan Kampung Asam Jawa. Untuk makluman, pihak jabatan sedang dalam tindakan perancangan dan mendapat peruntukan. Bukit Melawati ada membangkitkan berkenaan dengan pembinaan ban di Taman Kuala Selangor Utama, fasa 5. Untuk makluman, kerja pembinaan ban runtuh di kawasan perumahan telah dibuat pada tahun 2017. Namun begitu, kesesuaian pembinaan ban dari Kuala Selangor sehingga ke kawasan perumahan terbabit akan diberikan tumpuan untuk dikaji sepertimana yang telah pun dibangkitkan isu ini oleh Bukit Melawati. Sabak ada mencadangkan supaya pembersihan parit-parit perlu ditingkatkan dari tiga (3) kali setahun kepada empat (4) kali setahun. Untuk makluman, pembersihan parit dibuat oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung sebanyak tiga (3) kali setahun peningkatan kekerapan pembersihan akan dibuat berpandukan kepada peruntukan penyelenggaraan semasa jabatan yang setakat ini cukup dengan tiga kali setahun dan kita akan melihat dari sudut kebolehan untuk mengadakan penyelenggaraan empat kali setahun kerana ia terbatas dengan peruntukan-peruntukan. Damansara Utama dan juga Taman Medan ada membangkitkan berkenaan dengan status kerja menaiktaraf tebing Sungai Kayu Ara. Cadangan pembinaan tebing di Sungai Kayu Ara di kawasan Apartment Lily secara khususnya dalam peringkat perancangan dan reka bentuk. Lantikan perunding telah dibuat pada 16 Oktober 2017 dengan kos sebanyak RM281,870. Maka setelah selesai kerja-kerja perancangan dan reka bentuk maka di sana nanti

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

akan barulah kita lihat dari sudut bilakah masa dan juga peruntukan untuk diadakan tender.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Minta penjelasan. Y.B. Exco, apa yang saya cadangkan ataupun minta adalah di mana kita tengok sebagai holistik seluruh sungai bukan satu di Lily Apartment ataupun di *part-part* yang tertentu saja.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Damansara Utama. Itu secara khusus kerja-kerja yang dibuat di kawasan Apartment Lily. Berkaitan dengan secara holistik khususnya untuk dilihat sebagai sumber menjana ekonomi dalam konteks menaik taraf tebing-tebing sungai ini, pihak jabatan sedang berusaha untuk mengenal pasti dan menaik taraf tebing-tebing sungai sebagai kawasan rekreasi adalah merupakan satu idea yang telah pun memang difikirkan dan dilihat secara mendalam dan kita mengalu-alukan cadangan-cadangan, idea-idea daripada Ahli Dewan, Ahli Dewan Negeridan juga jabatan-jabatan ataupun Pihak Berkuasa Tempatan untuk dilihat bagaimanakah kesesuaian dan titik mula untuk kita mengerakkan projek ini. Begitu juga dengan pembinaan.....

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Kalau idea ini sudah lama dikemukakan ataupun dibincangkan, Taman Medan suka nak tahu jugalah bila cadangan nak dilaksanakan?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Taman Medan. Pertama sekali memang sudah menjadi satu idea yang diterima untuk kita menjadikan kawasan-kawasan, tebing-tebing sungai ataupun rizab sungai ini sebagai kawasan rekreasi khususnya seperti mana yang telah dibincangkan dalam sesi-sesi sebelum ini fokus kita kepada Sungai Klang dan telah pun dibentangkan berkenaan dengan peranan anak syarikat seperti MBI yang telah pun menerima dari sudut peruntukan dan sebagainya untuk melihat secara *detail*. Dari sudut bila itu, saya perlu menyemak dari sudut sejauh manakah ketersediaan kajian dan juga *planning* kita. Taman Medan ada membangkitkan berkenaan benda yang sama saya kira sebagai taman rekreasi. *Insya Allah* kita akan memberikan maklumkan berita yang gembira dalam tempoh masa yang mendatang, *Insya Allah*. Teratai ada membangkitkan berkenaan dengan jadual penyelenggaraan Sungai Putih dan Sungai Kerayong. Cadangan Teratai untuk dibuat sebulan sekali. Untuk makluman Teratai, penyelenggaraan berkala Sungai Putih memang dibuat sebanyak 12 kali setahun dengan skop kerja pemotongan rumput. Selain itu, dapat juga kerja-kerja untuk mengutip sampah juga sebanyak 12 kali setahun. Manakala bagi Sungai Kerayong, penyelenggaraan adalah di bawah JPS Wilayah Persekutuan dan juga di bawah Projek Pejabat Projek Lembangan Sungai Klang. Bukit Gasing ada

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

membangkitkan berkenaan dengan usaha Kerajaan Negerimelui jabatan untuk apakah elemen yang diambil kira untuk memastikan bahawa kerja-kerja menaik taraf termasuk tebatan banjir ini boleh mengatasi masalah-masalah *climate change* yang berlaku pada hari ini. Untuk pengetahuan bahawa kriteria *design* bagi projek tebatan bajir saliran adalah seperti berikut. Yang pertama, memberikan *protection level* kepada 50 ARI (Average Rainfall Intencity) kepada kawasan luar bandar dan juga 100 ARI, 100 tahun (Average Rainfall Intencity) bagi kawasan bandar. Untuk makluman, kapasiti sungai-sungai sedia ada di Selangor adalah tidak melebihi 5 ARI (Average Rainfall Intencity). Antara penyelesaian adalah menaik taraf sungai sedia ada dan saliran, kolam takungan sistem pam, pembinaan dan lain-lain. Begitu juga keratan rentas sungai dan saliran yang dinaik taraf perlu mempunyai *free board* sebanyak 0.6 meter. So, itulah beberapa perkara yang berkaitan dengan masalah banjir dan saliran. Y.B. Dengkil ada membangkitkan berkenaan dengan isu jalan di Bukit Damar. Untuk makluman Dengkil bahawa Kerajaan Negeriperingkat awalnya dalam RMK Ke-11 telah meluluskan projek membina jalan sepanjang 2.5 kilometer menghubungkan CY.B.erjaya ke Jalan FT 30 Persiaran Selatan melalui Kampung Bukit Damar seperti mana yang dimaksudkan oleh Dengkil. Walau bagaimanapun, pada 9 Jun 2016 cawangan ibu pejabat JKR Malaysia melalui proses pembangunan tepi jalan (road side development) telah meluluskan permohonan pihak Gamuda Engineering Sdn. Bhd. untuk projek menyambungkan persimpangan bertingkat cadangan pembangunan di Tanjung 12, Kuala Langat merentasi Lebuh raya Elite ke Persiaran Selatan FT 30. Pada 30 Ogos 2016, satu Mesyuarat Penyelarasian Skop bersama JKR NegeriSelangor, Cawangan Jalan, Ibu pejabat JKR Malaysia dan wakil Gamuda Sdn. Bhd. telah bersetuju skop yang dilaksanakan oleh pihak Gamuda Engineering Sdn. Bhd. merangkumi skop kerja projek menaik taraf jalan Bukit Damar, Dengkil. Maka melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan NegeriKe-33 2016 telah memutuskan supaya projek menaik taraf jalan Bukit Damar, Dengkil digugurkan dari senarai projek RMK11. Dan walau bagaimanapun, pihak Negeritidak melepas tangan. Pada 30 Oktober 2017, JKR NegeriSelangor telah mengadakan mesyuarat bersama pihak Gamuda Engineering Sdn. Bhd. dan status terkini pihak Gamuda Engineering Sdn. Bhd. telah menyediakan reka bentuk dan dalam proses menentukan rizab jalan yang melibatkan tanah hak milik pemaju seperti PKNS, PKPS, Setia Haruman, HRA Teguh Sdn. Bhd. dan beberapa lot tanah individu yang lain dan di sana kita juga melibatkan Majlis-Majlis Daerah yang terlibat, Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Daerah Sepang terlibat dalam perancangan dan ianya akan seperti yang saya maklumkan bahawa kita tidak melepas tangan dan akan memastikan bahawa penyelesaian dapat diambil dan projek ini dapat kita selesaikan. Dengkil juga ada membangkitkan berkenaan dengan jalan sambungan Sungai Kelambu, Genting Sanyen. Pada tahun 2017, pihak Jabatan Kerja Raya NegeriSelangor telah melaksanakan pelantikan perunding bagi melaksanakan kerja-kerja awalan seperti kerja ukur, kajian impak trafik, kerja penyiasatan tanah dan reka bentuk terperinci. Peruntukan pada tahun 2018 sebanyak RM1 juta ini adalah bagi tujuan bayaran perunding. Seperti mana yang saya maklumkan bahawa lantikan telah dibuat pada tahun 2017 masih lagi berjalan dan kita jangkakan siap pada 2018

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

dan RM1 juta itu adalah untuk bayaran perunding dan pembinaan dijangka bermula pada tahun 2019 dan siap dalam tempoh 3 tahun. Kampung Tunku ada membangkitkan berkenaan dengan laluan motosikal terutamanya di Kelana Jaya Link dan Persimpangan Kewajipan. Persimpangan bertingkat Kelana Jaya Link adalah merupakan jalan persekutuan FT 15 dan Persiaran Kewajipan tidak menyediakan laluan khusus untuk motosikal walau bagaimanapun pihak JKR Daerah Petaling akan melaksanakan program kerja penambahbaikan aspek keselamatan untuk tahun hadapan di lokasi tersebut dan mengambil kira pandangan daripada Kampung Tunku yang telah membangkitkan beberapa isu yang lain, keselamatan penunggang motosikal, lampu dan sebagainya. Ijok ada membangkitkan berkaitan dengan isu keadaan Jalan Saga. Punca kerosakan Jalan Saga adalah disebabkan oleh kenderaan-kenderaan berat yang menggunakan Jalan Saga sebagai jalan pintas daripada Bestari Jaya ke Ijok. Penguatkuasaan larangan had muatan kenderaan adalah di luar bidang kuasa JKR yang mana ianya melibatkan agensi-agensi lain seperti JPJ dan SPAD. Namun, pihak JKR telah mengambil inisiatif membuat pembaikan ke atas jalan tersebut. Pada tahun 2017 pihak JKR telah memulakan kerja pembaikan jalan tersebut melalui peruntukan MARRIS melalui kaedah CIPR yang merangkumi sebanyak 70% jalan-jalan manakala baki akan dijalankan pada tahun hadapan termasuk penambahan lampu jalan.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Boleh?**

**Y.B. TUAN ZAIDIY BIN ABDUL TALIB : Dalam konteks...Ya.**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ijok.**

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih. Penguatkuasaan sahaja ataupun membaiki jalan saya ingat tak cukup. Adakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk menaik taraf jalan itu supaya menampung kenderaan yang berat?**

**Y.B. TUAN ZAIDIY BIN ABDUL TALIB : Ok. Terima kasih Ijok. Pihak Kerajaan Negeritelah pun menaik taraf ataupun membuat kerja-kerja pembaikan menggunakan kaedah CIPR. CIPR digunakan bila mana keadaan jalan yang kerosakannya telah sampai ke base dan ianya telah pun dinaik taraf sebanyak 70%. Berkaitan dengan seperti mana yang saya sebutkan permasalahan sebenarnya adalah kenderaan melebihi had muatan. Untuk jangka masa pendek ataupun jangka masa yang segera ini, saya kira perlu ada kita akan mengadakan perbincangan dengan JPJ dan SPAD untuk melakukan penguatkuasaan secara khususnya memantau Jalan Saga ini kerana kita tidak mahu jalan-jalan yang telah pun kita naik taraf dengan peruntukan MARRIS, dengan peruntukan bajet yang tinggi tapi masih lagi mengalami kerosakan dan kita juga mengambil kira beberapa teknologi baru yang *Insya Allah* kita dah ada beberapa teknologi baru yang kita telah**

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

pun *apply* sebagai *pilot test* di beberapa tempat yang lebih tahan dari sudut walaupun ada lebihan muatan. *Insya Allah* kita boleh melihat kemungkinan untuk kita juga mengadakan percubaan di Jalan Saga. Ijok juga ada bangkitkan berkenaan dengan permasalahan lampu saya ingat juga disentuh oleh Bukit Lanjan, *solar lighting* ini dan *Insya Allah* di peringkat STANCO Infrastruktur juga melihat beberapa teknologi-teknologi baru yang boleh digunakan dalam *solar lighting* kerana *solar lighting* peringkat awal sebelum daripada ini juga mempunyai banyak kelemahan-kelemahan termasuk mudah untuk divandalismekan dan sebagainya begitu juga dengan ketahanan bateri dan sebagainya. Itu satu cadangan yang baik daripada Ijok. Sungai Burong ada membangkitkan berkenaan dengan beberapa *strength* ataupun segmen yang perlu dibaiki dari Parit 4 ke *Ban Cannel* yang menghubungkan ke jalan persekutuan *federal road* 5. Untuk pengetahuan Sungai Burong, satu projek pelebaran dan pemberian jalan tersebut sedang giat dijalankan secara sebut harga oleh JKR Kuala Selangor. Kos projek adalah sebanyak RM500,000.00 dengan tempoh projek selama tiga minggu bermula daripada 3 Oktober 2017 sehingga 20 November 2017. Kerja-kerja membaik pulih jalan telah dilaksanakan pada tahun 2016 melibatkan panjang jalan sepanjang 43 kilometer menggunakan peruntukan MARRIS 2016. Kinrara ada membangkitkan berkenaan dengan Jalan Puchong simpang Batu 7 di sebelah Kem Tentera. Terdapat banyak pembangunan yang pesat buat masa ini. Pihak JKR Daerah Petaling akan melaksanakan kajian awal *traffic study* dan mengenal pasti keperluan menaik taraf jalan tersebut memandangkan pembangunan baru berada di kawasan pembangunan Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur. Namun, pembangunan tersebut memberi kesan kepada aliran trafik di jalan JKR Negeri. Perkara ini perlu diselaraskan bersama pihak DBKL kerana persimpangan ini melibatkan sempadan DBKL dan saya memahami akan kerunsingan pihak Kinrara dan kita akan mengambil berat tentang permasalahan ini. Kinrara juga ada membangkitkan berkenaan Jalan Puchong – Bukit Jalil *bypass* menghala ke Lebuh Raya LDP *bottom next* berhampiran Petronas. Lokasi yang dimaksudkan merupakan jalan persekutuan FT 217. Pelebaran sepanjang jalan FT 217 ini akan melibatkan skop pengambilan balik tanah, pengalihan utiliti dan satu kajian komprehensif perlu dijalankan sebelum permohonan dimajukan kepada JKR Cawangan Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia. Kinrara juga ada membangkitkan berkenaan dengan saya kira perkara yang hampir sama dengan Bukit Tunku, Persiaran Kewajipan ke Subang Airport. Jalan yang dimaksudkan sebenarnya adalah di luar daripada bidang kuasa pihak JKR Daerah Petaling dan berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeritelah memutuskan jalan tersebut diserahkan kepada pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya pada 1 Julai 2016. Walau bagaimanapun, apa yang dibangkitkan oleh Kinrara saya pasti di dalam catatan dan juga perhatian pihak Majlis untuk diambil tindakan. Batang Kali ada membangkitkan berkaitan menggantikan jambatan di laluan B57/3/7 di laluan B57 di Jalan Ulu Yam lama. Kos *ceiling* untuk melaksanakan keseluruhan projek ini adalah RM4,000,000.00. Walau bagaimanapun dalam Perancangan Pembangunan RMK-11 memperuntukkan sebanyak RM1,000,040.00. Peruntukan tersebut adalah tujuan untuk

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

melaksanakan kerja-kerja awalan dan reka bentuk. Kerja-kerja awalan ini akan dimulakan sekiranya terdapat keutamaan pelaksanaan projek yang melibatkan perkara-perkara keselamatan, aduan peningkatan kapasiti trafik yang boleh menjelaskan pengguna dan juga penduduk. Permatang ada membangkitkan berkenaan dengan projek penggantian jambatan lama Rantau Panjang. Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan projek menggantikan jambatan lama di Kampung Rantau Panjang, Bestari Jaya di daerah Kuala Selangor yang menghubungkan yang sedia ada iaitu jalan antara B 27 iaitu Jalan Rawang dan Jalan B24 Jalan Timur Tambahan dengan panjang jajaran 2 kilometer. Skop projek ialah menaik taraf jalan, menaiktaraf persimpangan jalan dan pembinaan sebuah jambatan. Jambatan dan jalan baru dengan spesifikasi JKR R4 dibina bersebelahan dengan jambatan sedia ada. Jambatan sedia ada hanya boleh dilalui oleh satu kenderaan sahaja pada satu masa. Jambatan tersebut dikekalkan untuk meminimakan kos utiliti dan mengelakkan gangguan ke stesen JPS maka yang kerisauan yang dibangkitkan oleh Permatang supaya jambatan sedia itu tidak di *demolish* dengan izin, diruntuhkan supaya tidak mengganggu trafik memang telah pun diambil kira dalam pelaksanaan projek. Permatang juga ada membangkitkan berkenaan dengan menaik taraf jalan SMK Tiram Jaya, Tanjung Karang.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat untuk memendekkan masa jika ada pengadu yang tidak ada di dalam dewan *skip* sahaja, dah ke atau ada-ada lain lagi? Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Tuan Speaker. Permatang ada membangkitkan dengan beberapa perkara. Okay saya *skip* tapi jawapannya ada di sini dan semuanya ada dalam kawalan maksud saya telah pun diambil tindakan dan sebagainya. Bukit Gasing tiada tapi *Insya Allah* yang dibangkitkan mungkin saya sentuh secara sepintaslah. Izinkan saya Tuan Speaker, baik pulih cerun RM600,000.00 ini mencukupi kerana di sana ada peruntukan B11 yang akan dicarumkan daripada peruntukan Persekutuan. Morib ada membangkitkan berkenaan dengan jejantas yang sebenarnya jejantas dari Banting itu masih lagi diperlukan dan ianya tidak melibatkan rizab jalan dan tidak mengganggu jalan keluar masuk ke premis perniagaan. Begitu juga beberapa yang lagi yang dibangkitkan oleh Morib, Dusun Tua, Bukit Melawati. Berkaitan dengan menaik taraf jalan B33 Teluk Piai ke Bestari Jaya kenapa masih lagi token. Projek ini melibatkan skop menaik taraf jalan bagi tujuan menghubungkan Pekan Bestari Jaya ke Pekan Kuala Selangor. Jalan ini merupakan laluan alternatif pengguna jalan raya dari Rawang dan Kuala Lumpur ke Kuala Selangor. Jumlah trafik jalan sedia ada pada tahap perkhidmatan Level Of Service (LOSC) dan hanya berlaku di persimpangan FT 5 ke B33 dan persimpangan B33 ke Bestari Jaya. Kos *ceiling* untuk melaksanakan keseluruhan projek ini adalah RM60,000,000.00. walau bagaimanapun dalam perancangan dalam pembangunan RMK-11 peruntukan sebanyak RM325,040.00, peruntukan adalah untuk melaksanakan kerja-kerja awalan. Bukit Melawati juga ada membangkitkan berkenaan dengan jalan yang

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

diturap tidak secantik dengan jalan utama di Jalan Permatang Tengah yang telah pun diturap dengan peruntukan MARRIS 2017. Kerja-kerja turapan jalan telah pun disiapkan pada 29 September 2017. Bahu jalan sebenarnya sepatutnya telah pun dipadatkan dengan *suitable* material dengan izin mengikut kuantiti yang diperlukan dan berdasarkan ujian-ujian tanah yang dilakukan kemungkinan keadaan bahu jalan yang baru dipadatkan terganggu akibat musim hujan yang lebat walau bagaimanapun keprihatinan Bukit Melawati itu diambil dan saya menghargai sekiranya jalan selain daripada Jalan Permatang Tengah dan jalan-jalan lain ini kita spesifik melihat keadaan bahu jalan supaya diambil tindakan segera oleh pihak JKR. Sabak ada membangkitkan berkenaan dengan keadaan Jalan Sungai Air Tawar Parit Baru. Pihak JKR Sabak Bernam telah mengemukakan permohonan projek dalam RMK-11 di bawah Kod PK04910 dengan kos *ceiling* untuk melaksanakan keseluruhan projek adalah sebanyak RM5,000,000.00. Walau bagaimanapun dalam perancangan RMK-11 memperuntukkan sebanyak RM200,040.00 peruntukan tersebut adalah tujuan untuk melaksanakan kerja-kerja awalan dan juga reka bentuk. Begitu juga Sabak membangkitkan berkenaan Jalan Tok Khalifah Sungai Panjang Bagan Terap dan JKR Sabak Bernam telah mengemukakan permohonan kerja pembaikan menggunakan peruntukan MARRIS di bawah skop kontrak pusat pada tahun 2018. Manakala isu bahu jalan rebak dalam tindakan kebaikan kerana jajaran terlibat masih di dalam tempoh tanggungan kecacatan *effect period*. Kuala Kubu Baharu ada membangkitkan berkenaan dengan projek B115 naik taraf persimpangan dan jambatan di Kuala Kali. Projek menaik taraf persimpangan dan menggantikan persimpangan di jambatan di Kuala Kali di B115 skop menaik taraf simpang jalan B115 dengan Jalan FT 01 jalan persekutuan dan membina sebuah jambatan. Jumlah trafik jalan sedia ada pada tahap perkhidmatan LOSC. Kos *ceiling* untuk melaksanakan keseluruhan projek ini adalah RM20,000,000.00 walau bagaimanapun perancangan RMK-11 memperuntukkan sebanyak RM700,030.00 untuk kerja-kerja awalan dan reka bentuk. Taman Medan ada membangkitkan berkenaan dengan Projek Pembinaan Jejantas untuk menyeberangi New Pantai Express Way (NPE). Berdasarkan semakan dengan JKR Pejabat Daerah Petaling, jejantas tersebut di luar bidang kuasa JKR. Pembinaan jejantas ini akan dilaksanakan oleh pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Status terkini pihak majlis masih dalam proses kelulusan pihak Perbadanan Aset Kereta Api (PAK).

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Buat pengetahuan Y.B. EXCO, Y.B . Kerajaan Tempatan sudah menjawab soalan tersebut.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Sekian, terima kasih. Teratai ada membangkitkan berkenaan dengan jejantas Taman Seraya saya kira sering kali dibangkitkan oleh Teratai. Pihak JKR Daerah Hulu Langat telah memberikan maklumat skop dan anggaran kos projek. Pihak Jabatan Kerja Raya akan melaksanakan kajian awalan pada tahun 2018 seperti kerja ukur, kerja penyiasatan tanah serta melaksanakan proses pelantikan perunding untuk tujuan reka bentuk dan kerja-kerja awalan ini akan ditampung melalui peruntukan di bawah butiran di

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

bawah PK01006 dan kerja-kerja awalan ini akan dijangkakan bermula pada Mac 2018 dan pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor akan mengemukakan permohonan ini kepada pihak Negeri untuk pembinaan *Insya Allah* akan dilakukan pada tahun 2019.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Mohon mencelah. Saya nak tanya berkenaan dengan jejantas ini yang telah diminta tiga tahun yang mana dia hanya mula dibina tahun 2019. Adakah kemungkinan Kerajaan Selangor untuk mempercepatkan proses ini supaya satu jabatan yang kecil ini tidak perlu tunggu 5 tahun. Kalau Kerajaan Selangor mampu membina menyiapkan jambatan Klang dalam masa 2 tahun saya tak nampak ada apa-apa alasan Kerajaan Selangor tidak dapat mempercepatkan proses ini. Satu jejantas kecil mengambil masa 5 tahun. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Teratai, saya tidak menyatakan 5 tahun. *By March 2018* akan diadakan kerja-kerja reka bentuk dan juga perancangan reka bentuk di sana nanti selesai barulah kita mengetahui dari sudut kos yang diperlukan. Teratai juga ada membangkitkan ...

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Saya juga terima kasih atas jasa baik daripada Yang Berhormat EXCO, bagi kerja-kerja awalan sekiranya pihak JKR Hulu Langat sudah mengemukakan kertas kerja memang Teratai berharap supaya ia boleh dipercepatkan. Kita boleh mulai dalam bulan Januari dan tidak perlu menunggu sampai bulan Mac. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Okay, terima kasih Teratai. *Insya Allah* kita akan percepatkan seawal yang mungkin berdasarkan kepada kelulusan penggunaan bajet dan proses yang sepatutnya kita lalui. Teratai juga ada membangkitkan berkenaan aspek keselamatan berkaitan dengan jalan di Teratai, untuk makluman Teratai peruntukan P12 PK04 sehingga PK05 untuk meningkatkan aspek keselamatan di jalan Hulu Langat. Skop meningkatkan keselamatan jalan raya seperti *guard rail*, *road start*, fleksibel trafik dan *transfer bar* dan papan tanda keselamatan bagi tujuan meningkatkan keselamatan laluan lintas kerja keselamatan ini libatkan isu-isu kawalan berisiko kemalangan dan kawasan berhampiran untuk kemudahan awam seperti sekolah, pejabat-pejabat kerajaan dan sebagainya. Peruntukan meningkatkan aspek keselamatan jalan ini bukan sahaja diperuntukkan kepada Daerah Hulu Langat juga diperuntukkan kepada 9 daerah yang terlibat dalam pengawal jalan selia Negeri Selangor dan pihak Kerajaan Negeri mengambil berat tentang perhatian Teratai supaya di lihat di kawasan-kawasan yang telah dimaklumkan oleh Teratai dari sudut aspek keselamatan yang perlu dipertingkatkan. Yang Berhormat Selat Klang ada membangkitkan perniagaan jalan di tanah-tanah ataupun jalan-jalan persendirian. Kerajaan Negeri sangat prihatin dengan permasalahan kerosakan kampung dan juga jalan persendirian yang juga dibangkitkan seperti maklum balas Bukit Antarabangsa sebelum ini, Kerajaan

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Negeritelah menjalankan proses cerapan jalan kampung untuk mendaftarkan jalan-jalan kampung di dalam Sistem MARRIS *online* agar jalan yang terlibat diambil kira dalam perancangan pengiraan jalan oleh jabatan dan agensi Negeritahunan dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negerike-31/2017 telah mengambil maklum bahawa hasil daripada projek-projek cerapan tersebut terdapat kira-kira 1,100 .... jalan kampung yang dicerap terletak di atas tanah hak milik persendirian. Namun begitu proses mendaftarkan jalan-jalan tersebut ke dalam Sistem MARRIS *online* tidak dapat dilaksanakan di atas kekangan mendapatkan pemilik tanah berdaftar oleh pejabat daerah dan tanah yang terlibat. Ini berikutan jalan persendirian yang dimaksudkan terletak di atas tanah melibatkan bilangan pemilik tanah yang berdaftar yang ramai. Justeru adalah sukar bagi pihak pejabat daerah dan tanah untuk mengesan dan mendapatkan kebenaran bertulis dari ke semua pemilik tanah lebih-lebih lagi terdapat pemilik tanah yang tidak tinggal di kawasan tersebut. Sehubungan dengan itu Kerajaan Negeritelah memutuskan agar pendaftaran jalan persendirian yang dimaksudkan boleh diteruskan memadai dengan kebenaran hanya seorang pemilik tanah berdaftar sahaja sebagai wakil kepada pemilik tanah yang lain.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Mohon mencelah. Oleh kerana kesukaran sebab kita rakyat di Selangor ini agak *mobile* maknanya ada yang kerja di Perlis, Sabah dan Sarawak dan sebagainya sukar untuk dikesan jadi saya mencadangkan Kerajaan Negerimenggunakan *publicity measures* seperti Selangor Kini, TV Selangor dan sebagainya untuk diuar-uarkan bahkan di masjid dan surau bahkan rumah ibadat juga di mana penduduk-penduduk ini kalau nak jalan di tempat mereka tinggal ini mahu dikendalikan oleh Kerajaan minta mereka tampil ke depan jumpa ketua kampung dan sebagainya, memberikan tanda tangan dan sebagainya jadi dua kali boleh jalan serentak.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Selat Klang di atas cadangan tersebut. Memang sebelum daripada ini kita telah mengadakan beberapa usaha antaranya termasuk juga berjumpa seperti mana yang disebutkan oleh Selat Klang dengan masyarakat, ketua kampung dan sebagainya saya kira keputusan baru ataupun ketetapan baru Kerajaan Negeri ini yang memadai dengan kebenaran hanya seorang pemilik tanah sahaja, ini keputusan baru saya kira mampu untuk menyelesaikan permasalahan ini. Kalau sebelum daripada ini kita terpaksa mendapat kebenaran daripada semua pemilik-pemilik tanah tapi sekarang cukup dengan hanya satu pemilik tanah mewakili seluruh pemilik-pemilik tanah yang lain memberikan pendaftaran maka ia boleh didaftarkan ke dalam Sistem MARRIS berkaitan dengan pertanian ada rakan-rakan yang menyentuh berkaitan dengan....

**Y.B.DR HALIMAH BINTI ALI:** Saya minta mencelah lagi. Oleh kerana keputusan ini agak baru dan juga belum di...belum diselesaikan dengan sepenuhnya, belum dilaksanakan dengan sepenuhnya, jadi boleh tak qada dan

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

jamak, jadi jalan-jalan kampong ni disegearkan oleh Jabatan-jabatan berkenaan. Start Januari dah boleh dah selesaikan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Selat Klang. Seperti mana yang saya sebutkan bahawa kita telah melakukan cerapan. Kita dah ada numbers, bilangan seribu satu ratus kilometer, kita dah tahu nama-nama kampong, malah kita tahu dah siapa Ketua-ketua kampong dan sebagainya. Dan InsyaAllah tak perlu sebegitu risau, kita akan cepatkan proses untuk mendaftarkan jalan-jalan ini dalam *MARRIS ONLINE* nanti setelah proses-proses dan juga kerjasama daripada Ketua Kampong dan juga Wakil-wakil Rakyat setempat diperolehi.

Berkaitan dengan pertanian. Sri Andalas dan juga Damansara Utama ada bangkitkan berkenaan dengan *Food Security* begitu juga dengan *Self Sufficient Level (SSL)* dan sebagainya. Jawatankuasa Bangsa-bangsa Bersatu mentakrifkan sekuriti makanan ini sebagai keadaan di mana semua orang mempunyai akses fizikal, sosio dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat dan secara ringkasnya untuk mencapai sekuriti makanan ini terdapat tiga tunggak utama yang perlu diberikan perhatian iaitu aspek kemampuan, ketersediaan dan kualiti serta keselamatan. Kalau sebelum ini kita hanya melihat kepada SSL sahaja, kadar kecukupan memang ianya agak sukar akan tetapi ianya merupakan salah satu daripada faktor tiga faktor yang diutamakan. Maka kemampuan merujuk kepada kuasa beli terdapat kepada pengguna. Sekiranya bekalan mencukupi di pasaran tetapi harga yang ditawarkan peniaga terlalu tinggi kuasa beli pengguna akan berkurang dan sekaligus menyebabkan sekuriti makanan juga tidak dapat dicapai. Ketersediaan merujuk kepada kesediaan makanan di pasaran dengan tersedianya bekalan makanan ianya harus juga ditawarkan dengan harga yang berpatutan untuk membolehkan rakyat daripada setiap lapisan berpendapatan mampu untuk menikmatinya. Dan yang ketiga, kualiti dan keselamatan merujuk kepada nilai nutrisi dan kebersihan makanan yang terdapat di pasaran. Aspek ini sangat penting kerana ianya akan jadi penentu kepada kualiti kehidupan rakyat. Memang dari sudut SSL kalau kita melihat sayuran hanya 13%, buah 18%, padi 33%, kelapa, Alhamdulillah, 100%, daging lembu, kerbau 2.7%, daging kambing biri-biri 1.3%, daging ayam itik 56.7%, susu lembu hanya 1.3%, ayam, telor ayam 100%. Dalam usaha mencapai sekuriti makanan ini terdapat dua langkah utama yang telahpun kita lihat yang boleh diamalkan ataupun dipraktiskan di Negeri Selangor ini dengan meningkat iaitu dengan meningkatkan SSL atau meningkatkan tahap pendapatan rakyat. Langkah untuk mencapai sekuriti makanan melalui usaha peningkatan SSL dilihat kurang efektif dan mencabar Negeri Selangor ini. Perkara ini disebabkan oleh kekangan keluasan tanah di Negeri Selangor yang boleh diusahakan dengan komoditi pertanian makanan. Sebagai contoh kekangan keluasan tanah pertanian wujud apabila kawasan-kawasan tanah yang berhampiran dengan kawasan kediaman diwartakan semula untuk kegunaan perumahan dan juga industri. Perkara ini seringkali berlaku terhadap industri ternakan ayam kerana faktor pencemaran dan sebagainya. Usaha peningkatan produktiviti tanaman

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

seperti padi pula untuk meningkatkan SSL juga dilihat kurang berkesan kerana usaha peningkatan aktiviti seringkali membelakangkan aspek kualiti dan keselamatan apatah lagi di Selangor ini kita telah sampai ke tahap yang melepas tahap purata Malaysia itu sendiri. Langkah terbaik bagi mencapai sekuriti makanan adalah melalui usaha meningkatkan pendapatan petani. Peningkatan pendapatan petani bukan sahaja dapat meningkatkan aspek kemampuan atau kuasa beli petani tetapi juga akan memberikan motivasi kepada golongan lain untuk menceburkan diri dalam aktiviti pertanian dan sekaligus menyumbang kepada peningkatan SSL dan juga sekuriti makanan. Sebagai contoh yang jelas dapat dilihat dengan hubung kait diantara sekuriti makanan dan pendapatan merujuk kepada *Global Food Security Index 2016* dan Negara-negara yang inputnya paras KDNK per kapita yang tinggi membuktikan bahawa mereka mempunyai tahap sekuriti makanan yang lebih memberangsangkan seperti Singapura, Qatar, Emirate Arab Bersatu merupakan antara Negara yang mempunyai tahap sekuriti makanan yang tinggi walaupun wujud kekangan kawasan tanah pertanian dan iklim. Namun begitu untuk meningkatkan tahap sekuriti makanan melalui aspek peningkatan pendapatan tidak boleh dilaksanakan dengan kadar segera kerana ia perlu melalui beberapa fasa penting dalam proses pembangunan sektor pertanian makanan negeri. Penyelesaian yang terbaik ialah untuk kadar segera adalah melalui aktiviti-aktiviti seperti import dan sebagainya. Setelah aspek peningkatan pendapatan dapat dicapai kebergantungan kepada import akan berkurangan. Seri Andalas ada membangkitkan berkenaan dengan Kebun Komuniti. InsyaAllah kita lihat sebenarnya banyak kerjasama telahpun diberikan oleh pihak PBT dalam melaksanakan program pembangunan ataupun kejiranan ini yang telahpun selaras dengan Pekeliling Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.1014 iaitu menggalakkan pembangunan Kebun Kejiran.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Silakan.

**Y.B.TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Mcelah. Adakah peruntukan khas di Jabatan Pertanian untuk Kebun Kejiran ni. Saya nampak dalam bajet tak nampak.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Kota Anggerik. Memang ada telahpun diperuntukkan yang nanti saya akan semak dalam butiran yang mana dan sekarang ni memang telah pun ada kerjasama yang erat di antara PBT dan juga Jabatan Pertanian.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L AMLANANDAM:** Tak ada ada dengar juga di luar. Tak ada, soalan saya simple saja Exco, saya minta boleh ke tak kelulusan didapat dari PBT-PBT itu atas tanah-tanah yang tidak digunakan walaupun sekarang dia zon sebagai Zon Kehijauan, ya, Green Land. So apa yang saya minta ialah bolehkah Green Land ini tukar kepada untuk buat Community Farming di dalam, kalau tidak digunakan dan dibiarkan macam itu saja. Itu saja soalan saya, boleh ke tak boleh. Kalau boleh ada peraturan ataupun ada pekeliling

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

yang sudah dikeluar oleh pihak kerajaan boleh bagi satu salinan kepada saya. Thank you.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Seri Andalas. Memang kita menggalakkan kawasan-kawasan yang tidak diguna-pakai. Sudah pasti di sana ada peraturan-peraturan yang perlu dilihat secara khusus tapi memang kita menggalakkan kawasan-kawasan hijau, kawasan-kawasan yang tidak digunapakai untuk dibangunkan dan malah untuk pengetahuan Seri Andalas pada ketika ini terdapat sejumlah 60 kawasan Kebun Komuniti di seluruh Selangor. Jadi perbincangan secara detail dan khusus berkenaan dengan tanah-tanah ini boleh diperbincangkan di PBT masing-masing. Ringkasnya boleh tapi tertakluk kepada syarat-syarat yang secara spesifik kita perlu lihat berkaitan dengan tanah yang dimaksudkan.

Bukit Gasing tidak ada dalam Dewan. Berkaitan dengan lembu berkeliaran yang disentuh oleh beberapa Ahli Dewan termasuklah Seri Andalas dan juga Sabak. Kerajaan Negeritelahpun melaksanakan Program Ladang Transforkasi yang bertujuan untuk memindahkan lembu-lembu yang berkeliaran khususnya di kawasan bandar. Permasalahannya yang timbul adalah kebanyakkan daripada penternak-penternak lembu ini memelihara secara lepas, secara lepas berkeliaran. Ini menimbulkan permasalahan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeritela mengadakan program Ladang Transfokasi. Lokasi pertama yang diwujudkan adalah di Sungai Nilam di Hulu Selangor di mana terdapat sejumlah 10 lot yang disediakan. Walau bagaimanapun hanya 8 unit sahaja telah diisi manakala 2 unit lagi masih kosong.

**Y.B. TUAN DR.XAVIER JAYAKUMAR A/L AMLANANDAM:** Exco ada turun padang kepada kawasan tu yang di kata untuk...

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Ya saya, saya pernah pergi

**Y.B. TUAN DR.XAVIER JAYAKUMAR A/L AMLANANDAM:** ada dua orang saja yang pemilik, yang buat industri lembu di atas bukit itu.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Ok terima kasih Seri Andalas. Perkara ini juga saya kira pernah dijawab sebelum daripada ini, yang projek Transforkasi ini kalau tidak silap ingatan saya adalah penternak-penternak lembu yang berkenaan di Sekitar Shah Alam dipindahkan ke sana dalam beberapa jumlah yang, tetapi kebanyakannya daripada mereka telah mengundurkan diri. Saya cuba teruskan nanti ada jawaban yang saya akan nyatakan di sini, pada asalnya lokasi tersebut tidak mendapat sambutan seperti mana disebutkan oleh Seri Andalas. Disebabkan oleh jarak yang jauh daripada pusat bandar dan ia menyukarkan penternak untuk memasarkan hasil tenusu susu. Memandangkan bilangan penternak yang melepaskan lembu terutama di kawasan bandar dan juga di kawasan-kawasan kampong yang melibatkan kawasan tanaman masih ramai maka itu adalah wajar Kerajaan Negeri menyediakan lebih banyak tempat-tempat untuk

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

jadikan kawasan ternakan secara berpusat seperti mana yang disebutkan oleh Seri Andalas. Sehubungan dengan itu juga lokasi kedua untuk pengetahuan Seri Andalas akan diwujudkan sebagai kawasan penternakan reminen adalah melalui Program Ladang Translokasi Olak Lempit, Kuala Langat, kawasan yang berkeluasan 100 ekar tersebut boleh menempatkan sejumlah 20 plot kandang yang berkeluasan 5 ekar 1 plot. Status terkini pelaksanaan Program adalah di peringkat penyediaan dokumentender oleh Jabatan Kerja Raya Selangor, JKR Selangor. Pembangunan fizikal dijangka akan dimulakan pada tahun 2018. Projek tersebut yang melibatkan penyediaan pagar, plot, parit, jalan, lading, bekalan air dan elektrik termasuk kemudahan biosekuriti dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2019. Dalam masa yang sama juga Kerajaan Negeriakan terus mengenalpasti lokasi yang sesuai untuk diwujudkan sebagai kawasan penternakan lembu. Selain itu, selain daripada menyediakan kawasan Translokasi penguatkuasaan oleh agensi berkaitan juga akan dipertingkatkan lagi bagi memberi pengajaran kepada penternak yang ingkar selain mendidik penternak untuk mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh PBT dalam konteks kacau ganggu dan perlu displinkan.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Saya, terima kasih Tuan Speaker, saya melihat dari sudut penguatkuasaan ni. Kita sebenarnya dah lama ada undang-undang tapi ia masih tidak dihormati oleh, oleh pemilik-pemilik lembu dan masih lagi biarkan dan saya fikir apa, apa mekanisme baru terhadap penguatkuasaan ini yang lebih radikal lagi. Dan mungkin satu lagi kita boleh berikan satu *empowerment* kepada mana-mana penternak lembu yang sedia ada untuk boleh menerima lembu-lembu yang diangkut untuk ditempatkan di tempat mereka supaya kita tak perlu lagi untuk letak kawasan baru dan kalau beberapa bulan tidak dituntut oleh tuannya maka kita berikan dia...ikutlah macamana kerajaan cadangan Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Sabak. Sebagaimana yang saya sebutkan tindakan penguatkuasaan ini adalah di bawah Pihak Berkuasa Tempatan. Saya sendiri sebenarnya pernah ada pengalaman untuk melakukan penguatkuasaan ini dimana sekawan lembu yang kita nak mengambil penguatkuasaan untuk menangkap lembu itu juga merupakan satu cabaran dari sekumpulan lembu yang begitu banyak hanya mungkin boleh tangkap seekor dan seekor itu pun dibiarkan sahaja oleh penternak dan sebagainya dan ada pernah, ini pengalaman sewaktu menjadi Ahli Majlis pernah jumpa dengan penternak lembu dia kata tak apalah kalau nak ambil seekor ambil ja lah, kan. Bagi dia, dia banyak lembu yang dia memang mendapat mungkin keuntungan yang berganda bila dilepaskan begitu sahaja. Saya mengambil maklum tentang keprihatinan Sabak yang bahawa tidak ada lagi jalan penyelesaian Sudah pastilah pendidikan dan juga penguasaan ini harus berlangsung serentak kerana dari sudut kekangan Pihak Berkuasa Tempatan juga untuk menangkap lembu dan juga menyimpan lembu-lembu berkeliaran itu juga merupakan satu kos yang bukan sedikit. Saya mengambil pandangan daripada Sabak Bernam dan untuk melihat Sabak untuk melihat secara

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

detail langkah yang terbaik termasuk seperti mana yang saya sebutkan tadi, kita dah ada *option* yang baru di Olak Lempik untuk transfokasi kita boleh tawarkan kepada mereka yang telah pun diberikan tindakan kompaun dan sebagainya oleh PBT untuk pindah ke kawasan tersebut dalam rangka tahun 2000 setahun dua lagi, maka akan 2019 akan berjalan. Akan tersedia insya Allah. Kota Anggerik ada bangkitkan berkenaan dengan ternakan puyuh. Oh, tidak ada di dalam dewan. Kuala Kubu Baharu bangkitkan berkenaan dengan pelaksanaan TKPMI ayam per daging. Program TKPMI yang sedang dilaksanakan melibatkan semua jenis ternakan lembu per daging, lembu tenusu, kambing tenusu, bebiri dan juga ayam per daging. Kerajaan Negerimasih akan meneruskan...

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Yang Berhormat boleh undur sikit tak?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Saya akan undur selepas paper ni nanti. Kerajaan Negerimasih akan terus melaksanakan program TKPMI ayam per daging berdasarkan faktor-faktor berikut kerana cadangan daripada Kuala Kubu Baharu supaya digantikan ayam per daging ini mungkin permasalahan banyak di Kuala Kubu Baharu, walaupun saya kira jawapan telah memuaskan Kuala Kubu Baharu sebelum daripada ini berkenaan dengan kacau ganggu hasil daripada ternakan ayam. Kuala Kubu Baharu mencadangkan supaya digantikan dengan ternakan puyuh ataupun itik. Kerajaan Negeri masih akan terus melaksanakan program TKPMI ayam per daging berdasarkan faktor-faktor berikut. Pertama ayam per daging adalah merupakan protein dari kategori unggas kerana ia paling produktif menghasilkan protein dari sudut berat pasaran dan juga tempoh masa penternakan. Dan Negeri Selangor masih berusaha untuk meningkatkan kadar sara diri SSL ayam per daging tempatan di mana pada masa ini hanya mencapai 56.7% sahaja dan masih dianggap sederhana. Dan pengeluaran puyuh, itik, angsa dan unggas lain dikategorikan sebagai pilihan kedua. Kerana ianya hanya memenuhi *knish market, segment* yang tertentu untuk sebahagian pengguna sahaja. Dengan wujudnya TKPMI ayam per daging tersebut lebih ramai pengusaha ternakan ayam per daging khususnya golongan Bumi Putera dapat diwujudkan dalam menyewa reban-reban milik berkenaan, milik-milik kerajaan. Ia berkaitan juga dengan apa yang diisukan oleh Kota Anggerik. Untuk pengetahuan berkaitan dengan projek pembiakan puyuh di Tanjung Rabuk, Kuala Langat, peringkat awalnya Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor telah menerima peruntukan sebanyak RM4 juta bagi projek ini. Dan walau bagaimanapun setelah perbincangan penilaian peringkat awal bagi tujuan pelaksanaan penggunaan fizikal projek ini, pihak JKR telah memberi maklum balas bahawa kos siling sebenar diperlukan ialah lebih daripada RM9 juta. Mungkin kenaikan harga barang, GST dan sebagainya, bajet asal RM4 juta itu tidak mencukupi. Melalui, maka projek ini tidak dapat dilaksanakan dalam rancangan Malaysia yang ke-11 ini sebagai alternatif bersebelahan dengan tapak projek ini di lokasi yang sama DVS merancang untuk melaksanakan Projek Ayam Kampung Komersial secara usaha sama dengan pengusaha Bumi Putera tempatan. Perancangan ini akan diteruskan tapi mungkin bukan dalam tempoh yang terdekat.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Seandainya tidak boleh buat skala besar, saya rasa boleh buat skala kecil. Sebab cadangan asal 4juta saya rasa 4juta pun dan tahun lepas ada peruntukan diberi tapi pada tahun hadapan tidak ada peruntukan bermakna seolahnya dihentikan langsung usaha tersebut.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Kota Anggerik. Kita mengambil pandangan itu untuk melihat penerusan projek ini setelah ianya telah pun dirancang awal dengan RM4 juta. Dan Permatang ada membangkitkan. Permatang tiada ya. Bukit Melawati membangkitkan berkenaan dengan kelapa Matak dan SGG, Sungai Gulang-Gulang. Sering kali dibangkitkan di sidang Dewan. Saya mengharap mungkin penjelasan ini mampu memuaskan Bukit Melawati. Kelapa Matak adalah kelapa hibrid yang diperolehi dengan membuat pembiak bakaan silang, *cross breeding* dengan izin di antara *Malayan Yellow Dwarf*, MYD dan *Malayan Red Dwarf*, MRD dengan *Taknanan*. Itu pembiak bakaan silang. Taknanan merupakan kelapa berasal dari Filipina yang menjadi penyumbang bunga jantan manakala MYD dan MRD sebagai penyumbang bunga betina. SGG mendapat nama daripada Kampung Sungai Gulang-Gulang, Tanjung Karang. Kelapa ini mempunyai ciri *dwarf* ataupun kerdil seakan MYD dan MRD. Soalannya mengapa Jabatan Pertanian tidak mengesyorkan SGG ini untuk menggantikan Matak? SGG masih belum disahkan oleh Jabatan Pertanian untuk digunakan. Menurut pakar SGG tidak boleh dikelaskan sebagai *variety* seperti Matak kerana penentuan *variety* memerlukan sesuatu bahan tanaman itu mempunyai *parental line*. Induk jantan dan betina. Ataupun keturunannya yang jelas. Dan contoh Matak induknya adalah MYD dan MRD dengan Taknanan. SGG pula tidak mempunyai *parental line* yang jelas. Tidak mempunyai keturunan yang jelas. Ada yang mengatakan SGG ini merupakan kacukan. Merupakan kacukan *Malayan Brown Dwarf* dengan kelapa biasa dan ada pula yang mengatakan SGG ini merupakan Matak F2. Jadi keturunannya tidak jelas. Dalam pemerhatian jabatan benih yang dihasilkan SGG ini tidak stabil. Satu ujian yang dibuat dengan mengambil 20 benih dari induk SGG yang sama mengeluarkan 20 jenis ciri pokok yang berbeza. Ciri yang tidak stabil ini menyebabkan Jabatan Pertanian tidak boleh membuat pengesahan dan pengesyoran. Jabatan Pertanian Pahang yang sebelum ini pernah mengambil kelapa SGG menunjukkan hasil yang sama semua benih SGG yang ditanam tidak stabil dan mengeluarkan pokok yang berbeza-beza. Jabatan pertanian memahami masalah kekurangan benih Matak kerana pengeluaran benih Matak hanya datang dari dua sumber iaitu dari Jabatan Pertanian Pagoh dan juga *United Plantation* di Teluk Intan. Pengeluaran benih Matak dijangka mulai stabil dalam tempoh dua hingga tiga tahun lagi apabila Jabatan Pertanian Lekir Perak dapat mengeluarkan benih Matak untuk memenuhi keperluan. Buat masa ini jabatan mengesyorkan *variety* seperti pandan, MYD, MRD dan juga *Malayan Tall*, kelapa tinggi bagi mengatasi masalah kekurangan benih Matak, walau bagaimanapun jika petani masih ingin menanam menggunakan pokok SGG melalui inisiatif sendiri, Jabatan Pertanian tiada berhalangan. Berkenaan dengan status

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Bestari Jaya yang dibangkitkan oleh DUN Permatang tapi DUN Permatang tidak ada dalam Dewan. Saya kira saya boleh serahkan nanti. Begitu juga dengan Dusun Tua, tanah milik PKPS di Smukis, Batu 16 yang sering banyak kali dibangkit oleh Dusun Tua. Saya ada, kita tidak ada masalah untuk menggunakan tanah-tanah anak syarikat kerajaan negeri, termasuk tanah-tanah PKPS, PKNS yang dibangkit oleh Dusun Tua. Dan saya kira boleh dilanjutkan dengan perbincangan untuk diguna pakai tanah-tanah yang tidak lagi maksud kata dalam tempoh terdekat diguna pakai untuk digunakan bagi tujuan pertanian. Begitu juga dengan tanah di kampung ada cara baru yang telah pun diberikan kepada PKPS atau dibangkitkan oleh Sabak. Dari sudut kronologi PKPS telah memperolehi hak milik tanah ini melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2014, seluas 157.82 hektar. Berdasarkan bincian yang telah dijalankan oleh PKPS terdapat 70 orang pengusaha yang telah mengusahakan tanah dengan tanaman kelapa sawit yang berumur satu hingga dua puluh tiga tahun. Terdapat kawasan yang perlu ditanam dibuat penanaman semula kerama pokok telah pun tua. Dua sesi perbincangan telah diadakan oleh PKPS, Pejabat Tanah, Sabak Bernam bersama pengusaha tersebut dan PKPS telah mencadangkan agar tanah ini dipajak atau diusahakan dengan pengusaha bagi satu tempoh yang diperlukan dipersetujui bersama PKPS memerlukan tanah ini untuk pembinaan kilang kelapa sawit kerana MPOB sekurang-kurangnya 4,000 hektar masih lagi tidak mencukupi. Walau bagaimanapun cadangan yang diberikan oleh PKPS telah ditolak oleh pengusaha tersebut dan mereka minta PKPS untuk menyerahkan tanah kepada kerajaan Negeri Selangor agar kerajaan Negeri Selangor dapat mengeluarkan terus hak milik berasingan kepada mereka. Dan saya sendiri telah pun berusaha bersama dengan penyelaras DUN Sungai Besar dan juga penyelaras Sungai panjang, baru sahaja dalam dua tiga minggu lepas. Mereka masih lagi menetapkan bahawa tidak mahu mengambil cadangan untuk proses pajakan, sewaan dan sebagainya. Jadi masih lagi berlangsung proses untuk kita berbincang kita mengharapkan Sabak mungkin boleh menjadi pemudah cara bagi kita menyelesaikan permasalahan ini. Dan yang terakhir, saya kira Bukit Gasing, ada dua isu yang dibangkitkan oleh Bukit Gasing yang tadi saya telah *skip*. Saya pergi yang saya kira yang pembangunan tanah terbiar. Pada tahun 2016 Jabatan Pertanian Selangor telah membangunkan kawasan tanah terbiar milik individu seluas 10.6 hektar. Dengan tanaman pisang, ubi, cili, fertigasi dan sebagainya. Pada tahun ini pula seluas 11.4 kawasan tanah terbiar telah dibangunkan oleh Jabatan Pertanian Selangor yang turut melibatkan usahawan tani dengan tanaman pisang, ubi, kelapa, nanas, cili, fertigasi dan sebagainya. Dan saya kira jawapan telah diberikan sebelum ini juga bahawa kita telah ada program untuk menemu sua seperti mana yang dicadangkan oleh Bukit Gasing di antara usahawan tani dan juga pemilik-pemilik tanah. Permasalahan yang dihadapi adalah yang pertama sekali kebanyakan tanah terbiar ini tidak mempunyai keluasan yang ekonomik untuk diusahakan walaupun di sana boleh kita boleh gunakan untuk kaedah pertanian fertigasi. Yang kedua, kesukaran untuk mendapatkan persetujuan pemilik tanah sama ada untuk menyewakan atau memajakkan tanah mereka kepada pengusaha yang berminat. Mereka lebih suka

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

untuk membiarkan keadaan tanah terbiar dan mungkin ada perancangan tersendiri. Dan yang ketiga keadaan terbiar yang dikenal pasti terletak jauh daripada kawasan penginapan. Walau bagaimanapun suka saya nyatakan di sini ada program temu sua dan juga boleh juga dimainkan peranan ini oleh peringkat wakil rakyat setempat untuk menemu sua usahawan tani dan juga mungkin mengenal pasti pemilik-pemilik tanah yang terbiar. Bukit Gasing juga ada membangkitkan berkenaan dengan supaya kolam-kolam takungan air seperti HORAS, Pelabuhan Dagang dan Semenyih Dua, bukan sahaja dijadikan infra air tapi juga dijadikan juga sebagai kawasan rekreasi. Memang ianya telah pun berada dalam fikiran dan juga perancangan kalau kita lihat tuan-tuan sekalian saya menjemput rakan-rakan Ahli Dewan untuk melawat kolam HORAS kita, cukup cantik pandangannya, kawasannya dan juga angin yang bertiup menyegarkan orang yang berada di sana dan sebagainya. Tuan-tuan boleh lihat dan kita ada beberapa gambar yang kita ambil daripada dron dan sebagainya. Dan terakhir saya kira Dusun Tua berkaitan dengan banjir di Hulu Langat. Dusun Tua tidak ada dalam dewan saya kira saya tidak perlu membacakan jawapan tetapi memberikan jawapan ini kepada beliau. Saya kira itu saja yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bagi pihak kerajaan Negerisaya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa Berhubung Pembangunan yang kita rencanakan bagi tahun 2018. Saya ingin memberikan maklum balas kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Sepat. Sama ada kerajaan Negeriakan meneruskan program pemberian air percuma. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dan peduli rakyat, kerajaan NegeriSelangor tuntas untuk meneruskan program pemberian air percuma kepada semua rakyat di dalam NegeriSelangor. Saya bersyukur kerajaan NegeriKedah semalam telah mengumumkan bahawa kerajaan NegeriKedah akan mengikut kepimpinan kerajaan NegeriSelangor untuk memberikan air percuma kepada rakyat NegeriKedah. Saya juga ingin memberi respons kepada Yang Berhormat Selat Kelang yang mohon perincian berhubung vot B01 kod projek 04001 berhubung perkhidmatan masyarakat. Peruntukan di bawah vot ini berjumlah RM71.29 juta disediakan pada tahun 2018 bagi pelaksanaan projek kecil untuk membaik pulih infrastruktur asas dan penyelenggaraan kemudahan awam. Program mesra rakyat dan sumbangan kemasyarakatan. Peruntukan tersebut adalah bagi tujuan seperti berikut. Peruntukan 56 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeridan Ahli Dewan Negeri. Kedua peruntukan dua Ahli Dewan Negara. Ketiga peruntukan 17 Ahli Parlimen. Keempat, peruntukan untuk 5 Penyelaras Parlimen. Dan yang kelima, peruntukan JKKK dan ketua komuniti. Program tabung penyayang Ahli Dewan Negeridan Parlimen juga diperkenalkan pada tahun 2018 dan sejumlah RM3.25 juta disediakan bagi menampung program Imarah Muassasah Haji yang akan melibatkan 6,500

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

bakal jemaah. Yang Berhormat Seri Andalas ada membangkitkan isu berhubung ketiadaan infrastruktur di atas tanah hak milik terutama tanah-tanah pertanian. Bagi tanah-tanah hak milik yang tidak mempunyai kemudahan infrastruktur yang sempurna kerajaan Negeri melalui PBT atau Pejabat Tanah dan Daerah di setiap daerah boleh mendapatkan keizinan atau kebenaran daripada pemilik tanah untuk memasuki tanah-tanah tersebut bagi menjalankan kerja-kerja infrastruktur demi kepentingan rakyat setempat. Selain itu tindakan lain yang boleh diguna pakai oleh kerajaan Negeri adalah melalui kaedah seperti berikut. Pertama, pemilik tanah membuat serahan balik sebahagian tanah mengikut seksyen 200 KTN di mana serahan ini hanya boleh dilakukan oleh tuan tanah kepada kerajaan menggunakan Borang 12B bagi tujuan kegunaan awam. Hak lalu lalang Pentadbir Tanah mengikut Seksyen 388 KTN, Pentadbir Tanah bolehlah mewujudkan hak lalu lalang di atas tanah hak milik bagi faedah Pihak Berkuasa Negeri atau kegunaan bersama penduduk setempat. Apabila menerima permohonan tersebut melalui Borang 28A Pentadbir Tanah akan mengadakan sesi pendengaran atau siasatan untuk menentukan kesesuaian untuk diwujudkan hak lalu lalang tersebut. Respons ini ada kaitan dengan jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Taman Templer kepada Yang Berhormat Selat Kelang. Yang Berhormat Kota Anggerik tidak hadir pada petang ini, jadi saya akan serahkan secara bertulis kepada beliau. Yang Berhormat Taman Medan ada membangkitkan cadangan tanah pembetungan ditukar kepada tapak rekreasi. Untuk makluman Yang Berhormat, plot tanah di bawah sistem pembetungan telah dirizabkan di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan ataupun PTP. Plot tanah ini di selenggara oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. dan diselia oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air ataupun KETTA. Permohonan pelepasan kepada Kerajaan Persekutuan perlu dilaksanakan terlebih dahulu agar plot tanah tersebut boleh ditukar status kepada kegunaan yang lain. Yang Berhormat Selat Kelang ada membangkitkan isu setinggan Kampung Sungai Sireh. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri mengambil maklum isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Selat Kelang berkenaan masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Sungai Sireh yang sekarang ini menduduki di atas tanah-tanah hak milik. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Pejabat Tanah Daerah Klang dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah berusaha untuk mencari jalan penyelesaian. Beberapa siri mesyuarat, taklimat, perbincangan dan dialog telah diadakan yang juga melibatkan Yang Berhormat. Kerajaan Negeri sedang meneliti semua cadangan yang telah dikemukakan. Izinkan saya memberikan maklum balas mengenai cadangan Yang Berhormat Selat Kelang agar Kerajaan Negeri melaksanakan proses pengambilan balik tanah di Kampung Sungai Sireh. Cadangan ini bercanggah dengan Seksyen 31A Akta Pengambilan Tanah 1960 kerana proses pengambilan balik tanah hanya dilakukan bagi membangunkan infrastruktur untuk kemudahan awam. Memandangkan kawasan ini melibatkan rumah-rumah milik individu, perkara ini tidak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun saya telah berbincang dengan PTG Selangor dan menyarankan agar perbincangan lanjut dapat dilaksanakan di antara Pentadbir Tanah Daerah dan penduduk bagi menyelesaikan isu ini dan

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

mencari jalan penyelesaian yang terbaik. Yang Berhormat Sabak ada membangkitkan isu permohonan pemberimilikan tanah di Pari 8 1/2 Barat, Mukim Pancang Bedena, Daerah Sabak Bernam. Untuk makluman Yang Berhormat, tiada sebarang permohonan rasmi diterima oleh Pejabat Tanah Daerah Sabak Bernam atau lebih dikenali sebagai Borang Jadual 1 di bawah Seksyen 76 KTN 1965. Walau bagaimanapun, PTD Sabak Bernam hanya menerima surat daripada Pengerusi JKKK kampung berkenaan melalui surat bertarikh 1 November 2017 iaitu lebih kurang 2 minggu yang lalu. Susulan daripada surat tersebut, wakil PTD Sabak Bernam telah mengambil tindakan yang pro-aktif dengan melakukan lawatan ke kampung tersebut pada 6 November 2017. Ini bermakna hanya 5 hari selepas surat daripada Pengerusi JKKK diterima, pihak PTD Sabak Bernam telah turun ke tapak dan sementara menunggu permohonan rasmi daripada penduduk, PTD Sabak Bernam telah pun mengemukakan surat untuk mendapatkan ulasan teknikal terlebih dahulu daripada JKR, JPS dan JPBD sebelum perbincangan lanjut bersama Pengerusi JKKK tersebut dibuat. Yang Berhormat juga ada membangkitkan isu balai raya Kampung Naidu Mukim Sabak. Untuk makluman Yang Berhormat, isu balai raya Kampung Naidu Mukim Sabak di daerah Sabak Bernam adalah pihak PTD Sabak Bernam pada 31 Oktober 2017 telah pun mengeluarkan notis kepada individu yang menduduki balai raya ini supaya mengosongkan premis kepada individu berkaitan dalam tempoh 30 hari. Tindakan penguatkuasaan bagi mengosongkan premis akan dibuat selepas tamat tempoh notis yang telah dikeluarkan. Saya juga ingin memberikan maklum balas kepada Yang Berhormat Bukit Gasing. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, secara dasarnya Kerajaan Negeriakan mengkaji cadangan mengadakan *Green Space Master Plan*. Bagi memastikan penyediaan kawasan hijau yang berfungsi sebagai *green lung* secara teratur dan mencukupi untuk masyarakat di kawasan pembangunan. Selaras dengan itu di dalam Rancangan Struktur NegeriSelangor 2035 telah pun menggariskan Dasar MM14 berkaitan kemudahan awam, rekreasi dan sukan akan disediakan untuk keperluan semua pelanggan dengan secara bersepadu dan mengikut hierarki pusat petempatan. Dasar MM14 Rancangan Struktur NegeriSelangor 2035 telah menetapkan beberapa inisiatif yang perlu dilaksanakan. Setiap pusat daerah perlu menyediakan taman rekreasi sekurang-kurangnya peringkat taman bandaran dan sebaik-baiknya taman wilayah dan sebuah stadium mini yang dirancang secara bersepadu. Menggalakkan usaha sama di antara orang awam, PBT dan badan bukan kerajaan di dalam pentadbiran dan penyelenggaraan taman. Walau bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan Negeritelah mengambil tindakan dari segi mengumpul, memelihara dan mengurus kawasan hijau atau kawasan lapang di Negeri Selangor dan telah pun memaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang NegeriSelangor secara berkala setiap tahun mengenai status pewartaan tanah lapang. Merujuk laporan sehingga Disember 2016, penduduk semasa di Negeri Selangor berjumlah 6juta 325,147 juta orang dan berdasarkan sasaran kawasan lapang iaitu 2 hektar bagi setiap seribu penduduk kawasan lapang yang diperlukan ialah 12,650.29 hektar. Untuk makluman Yang Berhormat, status semasa kawasan lapang yang disediakan di NegeriSelangor berjumlah 35,137.15 hektar iaitu

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

melebih sebanyak 22,486.6 hektar. Ini bermakna nisbah kawasan lapang kepada penduduk berjumlah 5.56 hektar kepada seribu penduduk. Manakala unjuran untuk penduduk 2035 yang berjumlah 9 juta orang, jumlah kawasan lapang yang diperlukan berdasarkan sasaran 2 hektar bagi setiap 1,000 penduduk hanyalah 18,002 hektar setelah ditolak dengan kesediaan semasa lapang Negeri Selangor mempunyai lebihan sasaran kawasan lapang pada tahun 2035 sebanyak 17,135.15 hektar.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Yang Amat Berhormat

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya nak habiskan, *my last sentence* Yang Berhormat. PBT juga akan mengambil kira perkara ini di dalam setiap penyediaan Pelan Perancangan atau Landskap yang melibatkan kawasan hijau atau tanah yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai taman awam bersekalai besar iaitu melebihi 20 ekar di aman secara tidak langsung sebagai *green lung* rekreasi Bandar seterusnya mewujudkan *green linkages*.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih atas penjelasan yang diberi. Saya ingin tanya adakah angka yang diberi *green space* ini termasuk dengan kawasan hutan simpan atau tidak. Yang keduanya jawapan bertulis yang pernah diberi kepada saya di Dewan ini menunjukkan Bandar Petaling Jaya, keperluan kawasan hijau ini tidak menepati sasaran 2 hektar untuk seribu orang. Mengikut angka yang saya terima adalah hanya 1 hektar untuk seribu orang di Petaling Jaya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Persoalan yang pertama ingin saya memberikan respons statistik yang saya berikan tadi tidak termasuk kawasan hutan simpan. Ini adalah kawasan-kawasan lapang yang telah pun kita kumpulkan dan uruskan kawasan-kawasan berkenaan bagi keseluruhan Negeri Selangor. Yang keduanya, statistik yang dikemukakan Yang Berhormat mengenai kawasan lapang di Petaling Jaya tidak menepati sasaran yang ditetapkan iaitu 2 hektar kepada setiap seribu orang, saya perlu semakan kerana perkara ini dibangkitkan secara spesifik. Walau bagaimanapun sekiranya maklumat yang diberikan ini adalah benar, maka Majlis Perbandaran Petaling Jaya perlu mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Selat Kelang ada membangkitkan tentang penubuhan Perbadanan Sungai Klang. Kerajaan Negeri Selangor melalui Pelan Malaysia Selangor atau sebelum ini dikenali sebagai JPBD telah menyediakan kajian analisis dan inventori projek pemuliharaan dan pembangunan Sungai Klang yang telah di bentang dan diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeriyang bersidang pada 16 Jun 2009. Bagi merealisasikan projek pemuliharaan dan pembangunan sungai tersebut, kajian ini telah mengenal pasti kepada penubuhan Perbadanan Sungai Klang bagi mengawal selia, memantau serta pengurusan dan pemuliharaan Sungai Klang dalam jangka masa panjang. Berkaitan dengan penubuhan Perbadanan Pembangunan Sungai Negeri Selangor atau

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

PERSIS, Pelan Malaysia Selangor sedang memperincikan lagi draf kertas kerja cadangan penubuhan PERSIS yang bertujuan untuk membangunkan, menguruskan sungai-sungai di NegeriSelangor secara sistematik dan bersepadu. Ianya penting sebagai agensi pelaksana bagi memastikan projek pembangunan dan pemuliharaan sungai-sungai di NegeriSelangor dapat direalisasikan. Hal yang sedemikian itu, cadangan penubuhan PERSIS ini akan menjadi Badan Khas di bawah pentadbiran Kerajaan Negeriserta perlu mendapatkan penelitian yang lebih lanjut bersama Kamar Penasihat Undang-undang memandangkan penubuhannya adalah di bawah peruntukan suatu Enakmen baharu yang perlu digubal bagi membolehkan penubuhan suatu perbadanan yang mempunyai kuasa-kuasa tertentu untuk menjalankan tanggungjawab penyediaan perancangan dan pembangunan sepanjang sungai. Yang Berhormat Tuan Speaker, itulah maklum balas yang dapat saya kemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara dalam Jawatankuasa Pembangunan dan saya berharap penjelasan ini dapat memberikan pencerahan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam usaha kita untuk membangunkan NegeriSelangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi “bahawa menurut Seksyen 9, Sub Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak satu bilion, enam ratus enam puluh juta ringgit (RM1,660,000,000.00) yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Seksyen 4 (1) Akta yang sama, seperti mana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan”.

### **JADUAL**

#### **ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2018**

<b>Maksud</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Amaun (RM)</b>
P.01	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	1,202,023,000.00
P.02	Perbendaharaan NegeriSelangor	2,300,000.00
P.08	Jabatan Pertanian NegeriSelangor	19,000,000.00
P.10	Jabatan Perhutanan NegeriSelangor	7,000,000.00
P.12	Jabatan Kerja Raya NegeriSelangor	200,000,000.00

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

P.13	Jabatan Pengairan dan Saliran NegeriSelangor	114,000,000.00
P.14	Jabatan Agama Islam Selangor	106,000,000.00
P.16	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa NegeriSelangor	3,077,000.00
P.17	Jabatan Perkhidmatan Veterinar NegeriSelangor	6,600,000.00
<b>Jumlah besar</b>		<b>1,660,000,000.00</b>

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

**Usul ini dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya. Usul No. 10 Tahun 2017 Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Assalamualaikum Warahmatullah dan selamat petang. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya mengikut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan NegeriSelangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pemilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah, JP PADAT berhubung permasalahan penentuan hak milik dan pewartaan tanah Orang Asli di NegeriSelangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 31 Tahun 2017.”

Tuan Speaker, Penyata ini akan membentangkan permasalahan penentuan hak milik dan pewartaan tanah Orang Asli di NegeriSelangor. Penyata ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini bertujuan menggesa pihak Kerajaan Negeri mengambil perhatian khusus atas beberapa perkara. Pertama, memperkasakan jabatan atau agensi yang bertanggungjawab menjaga kepentingan dan pembangunan hal ehwal orang asli di NegeriSelangor seperti berikut ,Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA),Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Selangor,Pejabat Tanah dan Daerah,Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM),Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,Pihak yang berkepentingan. Pemeriksaan tersebut boleh membantu jabatan atau agensi menyusun strategi dan peranan ke arah

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

penyelesaian pewartaan dan penentuan tanah orang asli dengan lebih sistematik dan berkesan.Tuan Speaker. Fakta yang Jawatankuasa ini temui ,Mengenai taburan kependudukan orang asli NegeriSelangor yang kami kemukakan dalam jadual ini berjumlah 19,761 orang yang berada di lima daerah.Status tanah orang asli di NegeriSelangor yang kami kemukakan dalam bentuk jadual juga dan saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat sekalian kepada Para 5, 6 dan 7 yang menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya ada 50 buah kampung dengan keluasan tanah sebanyak 4,149.9 hektar belum diwartakan.Pertindihan hak milik tanah orang asli dengan pihak-pihak yang lain. Juga Jawatankuasa ini mengemukakan dalam bentuk jadual. Beberapa contoh kes-kes yang belum selesai termasuk yang melibatkan kes mahkamah, termasuk yang melibatkan urusan jumlah pampasan dan tempat pemindahan bagi orang asli.Mengenai undang-undang yang mengawal (saya tidak berhasrat untuk membacanya). Cukup untuk perhatian Yang Berhormat sekalian untuk meneliti. Saya fokus kepada permasalahan-permasalahan yang wujud dalam isu ini. Ada empat masalah yang ingin kami kemukakan untuk perhatian kerajaan negeri.Masalah penentuan sempadan hak milik tanah orang asli.Masalah penentuan jumlah bilangan penduduk orang asli di sesuatu kawasan berkenaan bagi tujuan penggantian tanah dan pembayaran pampasan.Masalah jumlah pampasan kepada orang asli apabila mereka bersetuju untuk berpindah.Masalah kelambatan proses pewartaan tanah hak milik orang asli.

Bagi masalah yang pertama, masalah ini wujud kerana tiada kriteria khusus boleh disahkan oleh pihak JAKOA. Jawatankuasa ini memahami bahawa batas sempadan bergantung pada banyak perkara seperti lubuk, kubur, tempat berburu dan lain-lain. Pengesahan pihak JAKOA sangat perlu untuk Pihak Berkusa Negerimeletakkan garis sempadan yang akan diwartakan demi memelihara hak dan kepentingan orang asli yang ada sekarang dan generasi mereka akan datang. Bagi masalah yang kedua, Tuan Speaker. Masalah ini timbul apabila pihak JAKOA dan Pihak Berkusa Negeribersetuju untuk memindahkan sekelompok orang asli dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain disebabkan oleh pembangunan di suatu tempat berkenaan atau akibat daripada kependudukan orang asli di tempat itu adalah di atas tanah hak milik. Terdapat juga percanggahan data jumlah penduduk antara JAKOA dengan Pihak Berkusa Negeri. Akibatnya, penentuan tanah ganti tidak dapat diselesaikan dan jumlah pampasan tidak dapat dimuktamadkan. Masalah yang keempat ialah masalah kelambatan. Masalah ini timbul setelah pihak JAKOA dan pihak satu lagi gagal menemui titik persefahaman. Minta maaf Speaker. Masalah ketiga. Masalah jumlah pampasan. Masalah jumlah pampasan ini timbul setelah pihak JAKOA dan pihak satu lagi gagal menemui titik persefahaman dalam menentukan jumlah pampasan yang patut dan wajar diberi kepada orang asli terlibat. Akibatnya, penyelesaian kes ini tergendala sehingga memakan masa yang lama. Bahkan ada yang masuk ke mahkamah untuk penentuan jumlah tersebut. Dan bagi masalah yang keempat, masalah ini berlaku disebabkan dua faktor utama. Faktor pertama, tiada permohonan dikemukakan oleh JAKOA kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor untuk tindakan ukur semula mana-mana kawasan hak milik orang asli yang

masih mengguna pakai warta di bawah *The Land Code 1926*. Ini undang-undang yang paling awal dibuat zaman British. Masih mewartakan atas nama ‘Rizab Sakai’ dan Rizab Sakai ini perlu *convert* kepada undang-undang terbaru sama ada KTN ataupun menggunakan Akta Orang Asli. Tindakan pembetulan ini adalah perlu untuk mengemas kini status warta dahulu supaya sesuai dengan Akta Orang Asli 1954 atau Akta 134. Punca masalah yang kedua bagi lambatnya pewartaan ialah terdapat permohonan sama ada untuk tujuan pembetulan atau permohonan baharu yang tidak disertakan dengan pelan pra-hitungan atau *pre-com plan*. Ketiadaan pelan ini sudah tentu tidak membantu urusan pewartaan. Pelan ini harus dikemukakan oleh pihak JAKOA sebagai pihak yang memohon. Berdasarkan keempat-empat besar ini, Jawatankuasa ini memberikan beberapa saranan untuk perhatian Pihak Berkuasa khususnya jabatan-jabatan yang berkenaan membantu atau mengawal bangunan orang-orang asli :-

**a) Masalah penentuan sempadan hak milik tanah orang asli.**

JAKOA sebagai jabatan yang diamanahkan untuk memelihara hak dan kepentingan orang asli telah melaksanakan tugas yang perlu dedikasi sejak penubuhannya. Tahniah untuk JAKOA. Namun seiring dengan keperluan semasa, ia perlu lebih proaktif dan progresif. JAKOA perlu lebih aktif dan agresif memberi penumpuan khusus kepada kes-kes berkenaan secara bersungguh-sungguh supaya proses pemuktamadan sempadan tanah hak milik orang asli dapat dipercepatkan atau setidak-tidaknya mengurangkan ketidakpastian sempadan berkenaan;

**b) Masalah penentuan jumlah penduduk orang asli di sesuatu kawasan berkenaan bagi tujuan penggantian tanah dan pembayaran pampasan.**

Jawatankuasa ini berpendapat JAKOA perlu memainkan peranan-peranan utama ke arah pemuktamadan jumlah bilangan penduduk berkenaan. Seterusnya tindakan susulan wajar dilaksanakan oleh pihak Pejabat Daerah dan Tanah berkaitan;

**c) Masalah jumlah pampasan kepada orang asli apabila mereka bersetuju untuk berpindah.**

Jawatankuasa ini turut menyarankan supaya kerajaan Negerimendesak kerajaan persekutuan mewujudkan satu mekanisme khas bagi menyelesaikan pertikaian yang sudah sekian lama dan seperti tiada kesudahan ini. Kerajaan Malaysia tidak boleh memandang ringan masalah ini kerana lambat laun ia akan menjadi beban besar dalam hal perpaduan kaum di negara ini jika tidak diselesaikan dengan segera; dan

**d) Masalah kelambatan proses pewartaan tanah hak milik orang asli.**

Jabatan yang terlibat terutama JAKOA, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor hendaklah membentuk satu jawatankuasa yang diurussetiakan oleh PTG bagi memudah cara urusan ini. Perkembangan hasil gerak kerja Jawatankuasa ini hendaklah dibentangkan secara berkala kepada Pihak Berkuasa Negerisupaya perkembangannya memberangsangkan dan urusan pewartaan hak milik tanah orang asli segera dilaksanakan.

Tuan Speaker, YB Bukit Lanjan ketika menjawab pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu ini pada hari Isnin yang lepas menyatakan dua tindakan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan. Yang pertama, PTG Selangor telah menjadi urus setia dalam menyealaras jabatan-jabatan berkaitan dalam perkara ini. Dan yang kedua, sudah ada tindakan dibuat bagi menyelesaikan masalah kelewatan proses pewartaan tanah orang asli ini. Terima kasih dan tahniah tetapi pada hemahnya Jawatankuasa ini tindakan yang dibuat tidak cukup agresif, tak cukup kuat dan tak cukup membantu menyelesaikan masalah yang tergantung begitu lama. Dan kami (Dewan) ini juga digambarkan bahawa JAKOA memang ada peruntukan untuk kerja-kerja ukur untuk menyediakan *pre-com plan*. Tetapi peruntukan saja tidak cukup bagi menyelesaikan kerja yang tertangguh. Apa yang patut JAKOA buat dan berapa segera JAKOA bertindak itulah yang paling mustahak pada hemah Jawatankuasa ini.

Tuan Speaker, Sebagai penutup, Jawatankuasa ini berpandangan JAKOA sebagai sebuah organisasi dan pengurusannya perlu dinilai secara keseluruhan dan melaksanakan pembaharuan-pembaharuan pengurusan yang signifikan bagi memastikan fungsi dan peranannya dapat di main secara berkesan demi mencapai matlamat penubuhannya ini. Ini sesuai dengan Laporan SUHAKAM yang menggesa supaya satu kajian bebas dan menyeluruh terhadap JAKOA perlu dijalankan secepat mungkin. SUHAKAM turut menggesa JAKOA supaya bertindak lebih proaktif bagi menyelesaikan masalah-masalah tanah orang asli yang tertunda. Laporan SUHAKAM 2013.Tuan Speaker, Saya mohon mengusulkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Penyokong ada? Ya, Kinrara.

**Y.B. NG SZE HAN :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya buka Usul ini untuk dibahaskan. Baiklah. Pihak kerajaan ada apa-apa penjelasan ataupun ingin membala?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih YB Bangi dan juga semua Ahli-ahli Jawatankuasa Khas yang telah menyediakan penyata berkenaan tentang permasalahan penentuan hak milik dan

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

juga pewartaan tanah orang asli di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor mengambil maklum semua saran dan juga isu-isu yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ini dan kerajaan Negeriakan menyemak semula mungkin keberkesanan (*effectiveness*) bersama dengan beberapa agensi-agensi kerajaan Negeri seperti Pejabat Tanah dan Daerah dan juga PTG Selangor untuk mempercepatkan lagi pewartaan tanah-tanah orang asli. Cuma hanya satu perkara, ada beberapa (boleh katakan hampir semua) saranannya adalah tertumpu kepada peranan dan juga tanggungjawab Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). JAKOA tidak ada hubungan secara langsung dengan kerajaan Negeri walaupun kita cuba ada perbincangan dan juga kerjasama antara jabatan-jabatan, maka saya akan membawa saran dan juga penyata ini kepada Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Semenanjung Malaysia supaya beberapa perkara ini dan juga permasalahan *the problems* (dengan izin) dapat diselesaikan di peringkat persekutuan. Jadi saya rasa pelaporan ini ataupun penyata ini adalah sangat baik dan saya rasa ini adalah kali pertama satu penyata daripada Jawatankuasa Pilihan Dewan di mana-mana Negeri di Semenanjung Malaysia dapat dihasilkan. Saya ingin ucapan tahniah dan syabas dan kerajaan Negeriakan memberi jawapan yang lebih terperinci semasa sidang dewan yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi ‘bahwasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPPADAT) berhubung permasalahan penentuan hak milik dan pewartaan tanah orang asli di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 31 Tahun 2017’.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ‘ya’. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata ‘tidak’. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya, usul No 11 Tahun 2017 Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahwasanya menurut peraturan 765 Peraturan-peraturan Tetap Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai pihak Berkua Tempatan JPPBT berhubung impak pemberhentian operasi pusat pemindahan sisa pepejal Shah Alam yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2017. Tuan Speaker dan Ahli-ahli sekalian. Penyata ini dibuat oleh Jawatankuasa JPPBT untuk menyiasat sama ada dakwaan berkaitan pemberhentian pusat operasi

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

*transfer station* ini akan memberi satu impak yang negatif ke atas empat PBT yang menggunakannya . Empat PBT ini adalah MBSA, MPSJ MBPJ dan MPAJ. Jadi kami telah membuat pendengaran dengan PBT-PBT ini, Syarikat Woldwide Holding dan pihak Kerajaan NegeriSelangor untuk menentukan saham sama ada penutupan operasi *transfer station* ini membawa ke satu impak yang negatif. Jawatankuasa mendapat bahawa pemberhentian operasi tempat pemindahan sisa pepejal Shah Alam tidak membawa papa-apa impak negatif kepada empat Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat. Dari segi kewangan dan tugas harian, malah penjimatan dapat dilakukan dengan memindahkan lokasi penghantaran pelupusan sisa pepejal. Kesemua empat PBT telah menunjukkan penjimatan kewangan kerana kos untuk *tipping fee* di *transfer station* Shah Alam ini jauh lebih mahal daripada terus dihantar kepada pusat pelupusan sampah. Saya hanya akan memberi tiga hurai fakta daripada pendengaran kami tetapi di dalam penyata ini terdapat keseluruhan fakt-fakta berkenaan penyiasatan ini. Yang pertama ialah MPSJ telah memaklumkan bahawa masa menunggu untuk melupuskan sampah di pusat pemindahan sisa pepejal Shah Alam adalah sangat lama. Memandangkan banyak lori yang masuk ke tapak tersebut. Jadi ini menjadi satu perkara yang penting. Jadi lori lambat untuk keluar masuk *the hold point the transfer station is lost*. Bila lori tak dapat masuk keluar dengan cepat dia tak boleh buat lebih trip dan dengan itu penjimatan kos sesebuah *transfer station* ini hilang. Yang kedua Majlis Bandaraya Shah Alam, Jawatankuasa difahamkan antara pusat bandar Shah Alam ke tapak pelupusan di Jeram iaitu kurang 30 kilometer yang mengambil masa 45 minit perjalanan dan ini tidak menjaskankan prestasi kutipan sisa pepejal. Jadi nak pergi ke Jeram 45 minit, nak beratur di *transfer station* tiga empat jam. Tak berbaloi menggunakan satu *transfer station* lebih baik pergi Jeram kita boleh jimat *tipping fee* dan akhir sekali daripada MBPJ kita mendapati 87.3 kontraktor hanya membuat 1 trip satu hari. Jadi *the hold point transfer station* di mana satu *compactor* boleh membuat banyak dalam 1 hari sebenarnya tidak berlaku. Jadi penjimatan ini sebenarnya tidak berlaku dan oleh itu kami mendapati bahawa prestasi empat PBT ini tidak tertanggung dengan penutupan operasi *transfer station* ini malah terdapat penjimatan jadi Jawatankuasa ini menyarankan bahawa Kerajaan Negeriempertimbangkan untuk menarik balik permohonan oleh anak syarikat Kerajaan NegeriWoldwide Holding Berhad ke Mahkamah Tinggi Shah Alam. Yang mengubah keputusan KPKT berhubung pemberhentian operasi pusat pemindahan sisa pepejal Shah Alam dan kita terus hantar sampah kepada tapak pelupusan *direct*. Jadi tapak ini boleh digunakan sebagai fungsi lain disebabkan dia tidak membawa penjimatan sebagai satu *transfer station*. Sekian sahaja ringkas ucapan saya pada petang ini kita *straight to the point*. Thanks you.

**TUAN SPEAKER :** Ada penyokong usul

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Tuan Speaker. Ijok menyokong.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan. Kalau tidak pihak Kerajaan yang ingin penjelasan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker saya hanya ingin mengucapkan terima kasih Ahli-ahli Jawatankuasa kerana telah menjalankan satu siasatan dan juga pendengaran untuk isu ini dan laporan penyata ini saya rasa telah memberikan satu gambaran yang jelas dan juga tepat kepada rakyat supaya mereka tidak dipengaruhi oleh tuduhan yang tidak benar oleh pihak yang tertentu. Kerajaan Negeriakan memberi maklum balas secara terperinci kepada Ahli-ahli Dewan dalam Sidang yang akan datang. Sekian,

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahwasanya menurut peraturan 765. Peraturan-peraturan Tetap NegeriSelangor Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan JP-PBT berhubung Impak Pemberhentian Operasi Pusat Pemindahan Sisa Pepejal Shah Alam yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat bilangan 30 Tahun 2017. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. Usul ini Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan Mesyuarat Seterusnya Usul untuk menangguhkan Dewan.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. MENTERI BESAR SELANGOR** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Berhormat sekalian. Persidangan kita telah pun tamat. Dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa akan ditetapkan kelak. Tuan Speaker pada 4 November yang lalu NegeriPulau Pinang telah dilanda oleh taufan Damrey yang membawa ribut taufan dan angin yang kuat sehingga Pulau Pinang dilanda bencana banjir yang besar. Ekoran jumlah taburan hujan yang terlalu besar. dalam tempoh 15 jam tanpa henti. Saya telah bergegas ke Pulau Pinang untuk bertemu dengan Yang Berhormat Saudara Lim Guang Eng Ketua Menteri Pulau Pinang, dan menzahirkan rasa solidoriti. Kerajaan NegeriSelangor bersama rakyat Pulau Pinang. Selesai taklimat ringkas di Komtar oleh Setiausaha Kerajaan NegeriPulau Pinang dan Datuk Bandar, saya terus bergegas ke Seberang Perai Tengah jam 10 malam untuk menyantuni mangsa-mangsa banjir di beberapa pusat pemindahan dan melihat sendiri kesulitan yang dihadapi oleh mangsa-mangsa banjir. Kehidupan mereka terganggu. Harta benda mereka rosak dan mereka amat memerlukan bantuan. Sebagai tanda solider riti bersama rakyat NegeriPulau Pinang, saya telah mengadakan perbincangan dengan Yang Berhormat Seri Kembangan dan juga Dato' Setiausaha Kerajaan NegeriSelangor dan tanpa berlengah kita mengambil keputusan untuk segera

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

menghantar pasukan misi Selangor Prihatin yang terdiri daripada 185 orang anggota daripada 12 Pihak Berkuasa Tempatan dan Unit Pengurusan Bencana Negeri. Pasukan ini telah bergegas turun dan berkampung di Pulau Pinang dengan pelbagai aset dan kelengkapan untuk membantu kerja-kerja pengurusan dan pembersihan pasca banjir. Saya secara peribadi dan bagi pihak Kerajaan Negeri ingin mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai anggota PBT dan sukarelawan yang terlibat dalam misi Selangor Prihatin di Pulai Pinang. Komitmen dan kesungguhan saudara sekalian adalah kebanggaan Negeri Selangor. Pada jam 10.52 pagi tadi saya telah dimaklumkan bahawa Empangan Sungai Langat mencapai kapasiti 100%. Dan telah berlaku limpahan ke hilir limpangan. Saya segera turun ke kampung Batu 11 ½ Sungai Serai Hulu Langat pada jam 12.30 tengah hari tadi bersama-sama dengan Yang Berhormat Dusun Tua, Pegawai Daerah Hulu Langat, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang dan semua agensi yang terlibat untuk melihat sendiri punca sebenar banjir kilat yang sering berlaku di Kampung Sungai Serai. Saya telah mengarahkan JPS dan Pengurusan Aset Air Berhad yang merupakan pengurus Projek Langat 2 untuk segera menaikkan paras ban sepanjang 1 kilometer di Sungai Langat berhampiran Kampung Batu 11 ½ Sungai Serai. Saya telah memberi jaminan untuk memantau secara peribadi kemajuan kerja-kerja menaik taraf ban supaya masalah banjir tidak akan berulang dan menjelaskan kehidupan rakyat. Inilah jati diri Selangor kepedulian semangat setia kawan kita bukan sahaja di dalam Negeri bahkan merentasi sempadan. Semangat yang ditampilkan inilah yang menjadi prinsip yang mendasari belanjawan 2018 Negeri Selangor. Fastabikul Khairat iaitu berlumba-lumba melakukan kebaikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, baru sahaja meluluskan Belanjawan Negeri Selangor di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih saya diucapkan di atas semua pandangan dan teguran untuk memandu kita merencana pembangunan di dalam Negeri Selangor. Belanjawan 2018 memberikan tumpuan kepada belanja pembangunan yang cukup besar dengan fokus untuk terus menyantuni golongan B40 yang merupakan golongan pekerja, petani, nelayan, veteran angkatan tentera dan peniaga kecil yang berhak mendapat pembelaan. Saya mewakili Kerajaan Negeri pada hari ini, berikrar akan terus terjun ke lapangan untuk menyantuni rakyat dan melaksanakan amanah dan mandat rakyat dengan jujur dan ikhlas serta di bingkai oleh prinsip nilai integriti dan kebertanggungjawaban. Saya yakin rakyat Negeri Selangor matang dan akan menilai kerja dan kegigihan kita. Yakinlah rakyat akan terus bersama menyokong Kerajaan yang sentiasa bermuafakat bertanggungjawab dan tuntas berbakti demi kebajikan rakyat dan kemakmuran negeri. Akhirnya bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Puan Elya Marini Darmin, Setiausaha Dewan Negeri Selangor yang telah banyak memberi khidmat bakti beliau dengan cemerlang dan di atas kecemerlangan inilah baru-baru ini beliau telah dinaikkan pangkat dan akan ditempatkan di satu jabatan baru untuk memikul tugas dan tanggungjawab baru. Tahniah saya ucapkan sekali kepada Puan Elya Marini dan kita mendoakan agar beliau akan terus berjaya dalam tugas baru yang dipikul oleh beliau. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih semua pegawai-pegawai

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

dan pasukan Setiausaha Dewan persiapan yang rapi demi menjamin perjalanan Persidangan Dewan Negeri Selangor berlangsung dengan lancar dan mengikut peraturan mesyuarat. Saya berharap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dapat turun ke kawasan masing-masing untuk melaksanakan tugas yang besar ini, dan apabila tiupan berbunyi dalam masa yang singkat marilah kita bersaing dengan semangat yang baik, jangan terlalu garang dan ganas tetapi melihat kepada keperluan untuk memikul tanggungjawab ini dengan bersungguh-sungguh. Inn Shaa Allah. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang saya nyatakan tadi Persidangan kita telah pun tamat pada petang ini. Dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan ini, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan 4 kes perundangan yang melibatkan Dewan Negeri Selangor.

Kes 1:

Teng Chang Khim – vs – Badrul Hisham bin Abdullah & Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Kes ini telah dimenangi oleh Dewan Negeri Selangor di Mahkamah Persekutuan setelah berlarutan hampir 6 tahun.

Kes Ke-2:

Kes Mohd. Hafarizam - vs - Dewan Negeri Selangor, Mohd Yasid bin Bidin dan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor. Mahkamah memutuskan bahawa rayuan Dewan Negeri Selangor ditolak.

Kes Ke-3:

Dato' Seri Mohd Khir Toyo dan 4 yang lain - vs - Yang Berhormat Tuan Teng Chang Khim dan 2 yang lain. Kes ini melibatkan tuntutan elaun Ahli Dewan Negeri selama 6 bulan dan kes ini telah ditarik balik oleh plaintif setelah pembayaran elaun diselesaikan berikutan kelulusan penyata berhubung isu pembayaran kemudahan dan keistimewaan Ahli Dewan Negeri Selangor yang pernah digantung di Negeri Selangor oleh Jawatankuasa hak dan Kebebasan pada 9 April 2015 di Dewan Negeri Selangor.

## **14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

Kes Ke-4:

Ahli Dewan Negeri Batang Kali, Datuk Mat Nadzari bin Ahmad Dahlam - vs - Setiausaha Dewan Negeri Selangor dan 2 lagi. Susulan daripada ucapan Ahli Dewan Negeri ADUN Batang Kali, Datuk Mat Nadzari bin Ahmad Dahlam pada 1 November 2016, ADUN Sungai Pinang, Dato' Teng Chang Khim telah membawa usul merujuk beliau ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang dipengerusikan oleh Speaker Dewan Negeri Selangor. Usul tersebut telah diluluskan oleh Dewan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, kemudiannya telah membentangkan 1 pernyataan dalam Dewan Negeri untuk memberikan pencelaan terhadap ADUN Batang Kali. Pencelaan tersebut telah dilaksanakan pada 3 April 2017. ADUN Batang Kali telah menarik balik saman pemula tersebut.

Ini jelas menunjukkan bahawa Speaker dan Dewan Negeri Selangor tidak boleh tertakluk kepada apa-apa prosiding sivil atau jenayah di Mahkamah Undang-undang dan kesahihan mana-mana prosiding di Dewan Negeri atau mana-mana jawatankuasanya tidak boleh dipersoalkan dalam Mahkamah. Keputusan Speaker berkenaan tafsiran mana-mana Peraturan Tetap adalah muktamad dan Speaker mempunyai kuasa luas dalam segala urusan berkenaan dengan urusan Dewan Negeri Selangor dan Jawatankuasa Pilihan Dewan. Ahli, ADUN Batang Kali telah bersetuju untuk membayar kos RM3,000.00

Saya juga mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan di atas kerjasama yang diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Ketiga Persidangan Penggal Kelima kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, Urus setia, Pelapor-pelapor dan semua petugas yang terlibat secara langsung maupun secara tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan lancar. Terima kasih ucapan, ucapan terima kasih khas kepada Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Nordin kerana ini merupakan penglibatan terakhir beliau di dalam Belanjawan Negerikerana beliau akan bersara mulai tahun depan. Kepada semua Yang Berhormat, sila semak draf pernyataan yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke Pentadbiran Dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan agar pernyataan rasmi itu dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian.

Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 6.05 petang)**